



**LAPORAN PENYATA RASMI
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 4

Isnin

7 September 2020

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN

BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

USUL-USUL:

Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M 17(1)

- *Tuntutan Negara Filipina Terhadap Negeri Sabah*

(Halaman 30 & 85)

Usul Menjunjung Kasih

Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

- *[YB Senator Datuk Razali bin Idris]*

(Halaman 32)

UCAPAN PENANGGUHAN

Menangguhkan Mesyuarat di Bawah P.M 16

- *Penggantungan Lesen Pemandu Jalan Raya Yang*

Terlibat Dalam Kemalangan Maut dan Masih Dalam Siasatan

(Halaman 102)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA

Isnin, 7 September 2020

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris.

Datuk Razali bin Idris: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera.

*Tuan Yang di-Pertua Ketua Bahagian Jelebu;
Abah Perdana Menteri Presiden Bersatu;
Ahli Dewan Negara jangan cemburu;
Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor satu.*

1. **Datuk Razali bin Idris** minta Perdana Menteri menyatakan, pelaksanaan dan keberkesanan Majlis Kemakmuran Bumiputera (MKB) yang dilihat dijadikan platform tertinggi dalam usaha memperkasakan pembangunan sosioekonomi bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin [Perdana Menteri]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Sebelum saya menjawab soalan ini, saya hendak ucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang baharu dipilih oleh Dewan Negara sebagai Tuan Yang di-Pertua yang baharu... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Kembali.

Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa komited untuk terus memperkasa agenda bumiputera sebagai agenda nasional. Ini kerana, kita mendapati bahawa meskipun pelbagai usaha telah dilakukan dan kejayaan dicapai, namun kedudukan sosioekonomi bumiputera masih perlu dilonjakkan. Secara perbandingan, tahap kemiskinan bumiputera adalah sebanyak 7.2 peratus pada tahun 2019, berbanding kaum lain. Manakala, kadar pengangguran bumiputera bagi suku kedua tahun 2020, adalah sebanyak 5.2 peratus berbanding purata nasional sebanyak 5.1 peratus. Pemilikan ekuiti

bumiputera dalam sektor korporat pula cuma berada pada tahap 16.2 peratus pada tahun 2015, berbanding bukan bumiputera sebanyak 30.7 peratus dan pegangan asing sebanyak 45.3 peratus.

Sehubungan dengan itu, kerajaan telah mengambil keputusan untuk mewujudkan Majlis Kemakmuran Bumiputera sebagai platform tertinggi untuk memperbaharui dan memperkukuh pembangunan sosioekonomi bumiputera. Majlis ini akan dipengerusikan oleh saya dan dianggotai oleh beberapa anggota Jemaah Menteri, Ketua Setiausaha Negara, ketua syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan juga tokoh-tokoh perniagaan bumiputera.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, MKB akan bertindak sebagai platform tertinggi dalam usaha memperkasa pembangunan sosioekonomi bumiputera. Penubuhan majlis ini adalah sebahagian daripada kerangka intervensi strategik untuk memandu dan mempercepat pemerikasaan ekonomi bumiputera melalui usaha-usaha peningkatan kapasiti dan keupayaan merentas pelbagai program.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan majlis ini mencapai objektif penubuhannya, ia akan didukung oleh dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pemandu yang akan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, yakni Menteri Tugas-tugas Khas, dan jawatankuasa kerja yang akan dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU). Kedua-dua jawatankuasa ini akan bersidang secara berkala serta melibatkan semua agensi pelaksana yang berkaitan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jawatankuasa Pemandu Majlis ini telah pun bersidang buat kali yang pertamanya pada 11 Ogos 2020. TERAJU telah pun diberikan mandat sebagai agensi penyelaras utama bagi intervensi strategik, inisiatif dan program pembangunan sosioekonomi bumiputera serta pembangunan pangkalan data bumiputera yang merentasi semua kementerian, agensi dan GLC.

Kerajaan akan memperkemaskan dan menambah baik pangkalan data berpusat bumiputera bagi mengumpul maklumat yang terkini, lengkap dan berkualiti bagi perancangan dasar dan intervensi strategik yang akan dipacu oleh Majlis Kemakmuran Bumiputera ini.

Akhir sekali, saya ingin menjelaskan bahawa pencapaian kementerian-kementerian, agensi-agensi dan GLC dalam mengerakkan agenda pemerikasaan bumiputera akan dipantau dan dinilai melalui satu kerangka kerja *Key Performance Indicator* (KPI), dengan izin, yang bakal melibatkan semua ketua agensi yang berkaitan. Terima kasih.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Secara prinsipnya, kita amat bersetuju apa jua kepentingan untuk Melayu bumiputera yang mana, apabila Melayu bumiputera berjaya, kaum-kaum lain pun mendapat faedah. Akan tetapi, di sini ada satu perkara yang saya hendak tanya sebagai soalan tambahan. Ketidakseimbangan

pendapatan dan peluang ekonomi sesama bumiputera- ia tertumpu kepada negeri-negeri yang ramai Melayu dan bumiputera seperti negeri Kelantan, Terengganu, Sabah, Sarawak dan juga Pahang.

Jadi, soalan saya, apakah pula bentuk inisiatif terutamanya dalam aspek isu kemiskinan bumiputera di negeri yang saya sebutkan tadi? Mohon penjelasan terperinci kerana- dan kita hendak tahu juga siapa pemegang taruh untuk memastikan ia berjalan dengan lancar? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Amat Berhormat.

Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris di atas pertanyaan tadi.

■1010

Memang kita dapati bahawa walaupun terdapat perbezaan antara taraf pencapaian bumiputera dan bukan bumiputera tetapi di kalangan bumiputera dan bumiputera pun ada perbezaan-perbezaan tahap pencapaiannya disebabkan oleh:

- (i) keupayaan mereka untuk mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan ekonomi yang boleh menambah pendapatan mereka;
- (ii) keupayaan dan kemahiran mereka untuk menguasai bidang-bidang ekonomi tertentu; dan
- (iii) tidak adanya modal yang mencukupi untuk membolehkan mereka menceburi bidang tersebut.

Oleh sebab itu, dalam kerangka Majlis Kemakmuran Bumiputera, perkara ini akan kita ambil perhatian. Apakah inisiatif tertentu, terutamanya di negeri-negeri sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi, Kelantan ataupun Terengganu, Kedah dan beberapa buah negeri lain, di mana terdapat adanya perbezaan yang agak ketara.

Sebagai contoh, kalaulah berlaku di Kelantan mungkin ada yang lebih maju, ada yang kurang maju. Oleh sebab itu, dalam soal untuk mengatasi masalah kemiskinan ini kita tidak mengambil kira soal kaum ataupun bangsa sahaja. Kita ambil kira fakta-fakta yang lain dalam usaha-usaha untuk kita menyediakan peluang-peluang yang lebih adil, pengagihan kekayaan yang lebih saksama di antara mereka sesama mereka.

Oleh sebab itu, dasar Kerajaan Perikatan Nasional sekarang ini ialah untuk melaksanakan program-program pembasmian kemiskinan secara menyeluruh. Ini mengambil kira perbezaan taraf antara bumiputera dan bukan bumiputera, wilayah, termasuklah di Sabah dan Sarawak dengan inisiatif-inisiatif yang telah pun kita lakukan pada masa-masa yang lepas.

Sebagai contoh, bantuan-bantuan yang kita buat untuk menentukan mereka-mereka yang berada dalam kelompok itu tidak terjerumus. Terpaksalah kita sediakan satu *social safety net* yang agak sesuai untuk menentukan mereka ini dapat kita bantu dan kita berikan

apa-apa sahaja peluang-peluang bagi mereka itu dapat menjamin kedudukan mereka itu tidak menjadi kumpulan yang agak miskin. Jadi, inisiatif ini sudah pun bermula dan *insya-Allah* kita akan laksanakan pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Diucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Idris bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua:

*Sekali dihukum, dua kali dihukum;
Orang datang dari Selama;
Sekali belum, dua kali pun belum;
Dapat kita dengan PM bersama... [Tepuk]*

Oleh kerana peluang ini jarang dapat kita peroleh, pertama para Senator mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seorang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang memberi penghormatan kepada Senat ataupun Dewan Negara... [Tepuk] Justeru, saya dengan hormat mempersilakan satu lagi soalan tambahan.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arib: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Saya sudah lama bangun ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Apa dia?

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Saya sudah lama bangun ini... [Dewan ketawa]

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arib: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Didahului Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setuju, ini merupakan hari yang bertuah kita di Dewan Negara ini kerana dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, soalan tambahan saya ialah kita maklum bahawa apa yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi ialah satu perkara yang sangat baik ya, untuk agenda pemerksaan bumiputera, mengambil pendekatan khusus kepada agenda pembasmian kemiskinan.

Pun begitu, soalan saya selain daripada yang dikatakan tadi itu, PEMANDU, TERAJU. Oleh sebab pada pengamatan saya, PEMANDU ini Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang ia jadi penumpang. Jadi, persoalan saya ialah untuk mengelakkan perkara itu, apakah perkara baharu yang akan dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi

memastikan tata kelola, tadbir urus yang kita tahu sering kali ketirisan dan sebagainya itu dapat dikekang, tidak seperti yang sebelum-sebelum ini? Mohon penjelasan lanjut.

Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Senator Tuan Mohd Yusmadi. Ini kawan lama saya juga dahulu.

Kita tahu bahawa antara perkara yang agak menjadi masalah kita sekarang ini ialah kita tidak mempunyai satu sistem pangkalan data yang lengkap untuk mengetahui di mana kita berada. Kalau ikut dasar lama dahulu, Dasar Ekonomi Baharu dahulu, boleh dikatakan setiap peringkat agensi dan kementerian kerajaan ini ada jawatankuasa khas.

Kalau saya boleh ingat, masa saya di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Jawatankuasa Khas Penyertaan Bumiputera. Di mana segala usaha-usaha yang dilakukan dapat dicatat dalam bentuk pencapaian ataupun apakah kelemahan-kelemahannya. Sekarang ini tidak ada. Oleh sebab itu, apa yang disebutkan tadi, kita telah tetapkan TERAJU, bukan PEMANDU. TERAJU sebagai sebuah badan yang telah pun ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri sebagai sekretariat utama. Ini nanti akan kita tetapkan satu keupayaan TERAJU itu sendiri. Setakat ini, jumlah kakitangan dan pakar yang ada itu agak masih terhad, kita akan perkukuhkan.

Keduanya, untuk menentukan bidang-bidang tertentu yang kita fikir harus diberikan tumpuan, katalah sektor-sektor yang pelbagai. Katalah bukan hanya sektor perindustrian, sektor perkhidmatan, sektor perbankan, sektor pertanian dan berbagai-bagai sektor lain. Mesti ada satu tumpuan tertentu untuk menentukan, kalaulah dikatakan kelemahan bumiputera itu dalam sektor pembuatan, penyertaan dalam sektor elektronik dan *electrical* katalah- contohnya, agak begitu jauh ketinggalan berbanding dengan pihak-pihak yang lain. Maka, perlu ada satu inisiatif tertentu yang perlu kita ambil untuk menangani masalah seperti itu dan ini memerlukan kita meneliti dengan secara yang lebih mendalam.

Ketiganya ialah bagaimana usaha-usaha yang kita lakukan ini dapat berterusan, *sustainability* ataupun lestari dalam istilah yang kita faham, supaya ia tidak hari ini memperoleh sesuatu dan selepas itu kerana mereka tidak mempunyai daya tahan yang lama, macam dahululah. Saham dijual begitu sahaja ataupun sudah beberapa peringkat mereka menguasainya tetapi kerana tidak mampu untuk bertahan sekian lama, ada tawaran-tawaran tertentu, juga mereka mengambil kesempatan untuk menjual dan sebagainya itu. Ini tidak salah sebenarnya, asalkan di peringkat akhirnya, harta kekayaan kita, *wealth creation* itu dapat kita tingkat dan kita tambahkan.

Jadi, ini akan saya teliti waktu saya pengerusi kan mesyuarat pertama nanti, apakah perkara-perkara yang perlu kita letakkan sebagai persiapan-persiapan, cara bagaimana kita hendak *monitor* perkembangan semua sektor-sektor tadi. Kalau terdapat kelemahan-kelemahan, apakah usaha-usaha untuk kita buat intervensi bagi menangani sektor-sektor tertentu.

Selain daripada itu ialah pembangunan keusahawanan di kalangan bumiputera yang saya fikir masih terhad dan terbatas yang perlu kita perkukuhkan lagi. Jadi, kalau saya hendak jawab, panjang tetapi usaha ini adalah antara perkara yang akan kita berikan tumpuan bilamana Majlis Kemakmuran Bumiputera itu bersidang. Ini akan terus kita laksanakan seberapa cepat yang mungkin, *insya-Allah*.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Satu lagi soalan. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam merdeka. Sebelum itu, saya hendak mengucapkan tahniahlah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Soalan tambahan saya, saya fikir bahawa Majlis Kemakmuran Bumiputera ini merupakan kesinambungan daripada Dasar Ekonomi Baharu. Jadi, ada tidak *target* nya, sasarannya, tahun berapa? Misal kata, dalam sasaran katalah kita bermula satu tahun, ada beberapa tahun? Kita hendak mencapai sasaran tersebut dan boleh tak kita diberikan tiap-tiap tahun itu berapa peratus dalam semua sektor?

Misal kata, pemilikan ekuiti berapa sasaran kita dalam tahun sasaran. Tiap-tiap tahun itu berapa, kita boleh tengok kenaikan-kenaikan? Semua sektorlah, sama ada ekuiti, aset dan semua sektor-sektor sepatutnya macam ada perakaunan itu semua. Jadi, kalau bolehlah maknanya, pada tiap-tiap tahun penghujung tahun, tidak perlu...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Jadi, boleh ataupun tidak...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Jadi, boleh ataupun tidak- soalan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Soalan, boleh ataupun tidak segala data-data itu dibentangkan di Parlimen dan juga tentang pencapaian-pencapaian kepada sasaran Majlis Kemakmuran Bumiputera pada sektor-sektor yang telah digariskan. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Itu Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang memang baik. Perkara yang saya pun memikirkan wajar dan patut kita lakukan supaya segala inisiatif yang kita mulakan untuk melihat di mana bumiputera berada sekarang, maka langkah-langkah tertentu tentulah akan kita laksanakan.

Saya hendak jelaskan bahawa Majlis Kemakmuran Bumiputera ini bukanlah lanjutan daripada Dasar Ekonomi Baharu yang lama ya. Ini adalah dasar baharu untuk melihat ke hadapan, apa yang harus kerajaan lakukan bersama bumiputera bersama untuk membangunkan sektor ini.

Jadi, sebab itu tentulah kita memerlukan data, yang saya sebutkan awal tadi, tidak ada data. Kalau kita dapat pastikan mana kedudukan kita sekarang ini dan kita boleh tetapkan. Katalah sekarang ini di sektor perbankan kita baharu capai 20 peratus, apakah boleh ditingkatkan lagi?

■1020

Saya tidak berani hendak katakan boleh naik 30 peratus, 40 peratus macam DEB begitu, sebab seberapa mana usaha yang boleh kita lakukan untuk meningkatkan tahap keupayaan bumiputera ini, ia perlukan dukungan daripada pihak kerajaan ataupun sektor swasta yang lain. Usaha ini kita akan laksanakan. Bermakna, ia untuk lebih realistik daripada kita menentukan sasaran tertentu. Kita lihat di sesetengah sektor, bumiputera mungkin boleh sampai 70 persen, 80 persen, kenapa mesti 30 peratus ataupun 40 peratus? Ini usaha-usaha yang kita hendak lihat dan kita tidak boleh lihat hanya satu sektor sahaja. Kita ambil secara keseluruhannya apa yang harus kita bangunkan.

Saya hendak jelaskan sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Penekanan kerajaan pada usaha untuk membangunkan Bumiputera ini tidak bermakna kita mengabaikan yang bukan bumiputera. Oleh sebab itu, Wawasan Kemakmuran Bersama ataupun *Shared Prosperity* yang telah pun kita umumkan adalah untuk mengambil kira semuanya. Akan tetapi, oleh sebab sektor bumiputera ini merupakan sebahagian besar- kalau kita lihat daripada segi populasinya, mungkin 70 peratus tergolong dalam golongan bumiputera, peribumi dan sebagainya. Jadi disebabkan itu, kita harus tumpukan kepada soal ini untuk membangunkan ekonomi negara secara keseluruhannya.

Akan tetapi kalau ada kelemahan-kelemahan yang harus kita bantu di kalangan sektor bukan Bumiputera, sebagai contoh, maka kerajaan tidak boleh mengabaikan juga. Sebagai contoh, soal tertentu seperti soal kemiskinan tadi, tidak boleh kita biarkan. Kerana mereka bukan bumiputera, biar dia miskin, Melayu sahaja mesti dikayakan. Tidak boleh. Kita mesti ada satu dasar yang adil untuk semua kaum dalam negara kita ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sidang mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Di samping beliau bersama kita pada pagi ini, mungkin selaras agaknya kita menzahirkan pandangan sekutu kita agar Yang Berhormat para Menteri bertanggungjawab untuk menjawab sebanyak mungkin soalan-soalan masa depan di Dewan Negara. Jika ini dapat kata sebulat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, sila buktikan dengan tepuk meja... [*Tepuk*]

Ada satu lagi soalan tambahan. Kita sukacita untuk merizabkan kepada Ahli Yang Berhormat terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkaitan dengan soalan pertama sebab penting. Jika tidak, Majlis mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan sentiasa mengharapkan agar kerjasama antara Jabatan Perdana Menteri dengan Parlimen terus menerus.

Diteruskan Yang Berhormat Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol.

Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan selamat pagi. Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana bersama-sama kita pada hari ini memberi suntikan yang amat istimewa kepada kita khususnya berkenaan dengan penerangan, walaupun ringkas, berkenaan dengan Wawasan Kemakmuran Bersama. Ia adalah sesuatu yang amat kita alu-alukan terutamanya bagi kaum bumiputera di Sarawak. Jadi, soalan saya, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu, saya sampaikan serangkap pantun ya.

*Mawar putih di tepi gua;
Dibawa balik buat hiasan;
Soalan saya nombor dua;
Boleh Yang Berhormat Menteri beri penjelasan.*

Terima kasih.

2. Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol minta Menteri Pendidikan menyatakan, mengapa Sekolah Kebangsaan Dijih, Selangau, tidak disambung ke grid elektrik yang sedia ada di sepanjang Jalan Dijih, dan apakah tempoh sasaran Kementerian untuk menentukan bekalan elektrik dari grid disalurkan ke sekolah tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan II [Tuan Muslimin bin Yahaya]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, selamat pagi. Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Rita. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak dalam pelaksanaan projek penyambungan pembekalan tenaga elektrik daripada grid awam. Projek ini adalah untuk memastikan sekolah di kawasan pedalaman negeri Sarawak mendapat kemudahan bekalan elektrik sepenuhnya.

Berdasarkan kepada penilaian yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Sarawak melalui Sarawak Energy Berhad (SEB), sebanyak 128 buah sekolah telah dikenal pasti terletak dalam jarak kurang daripada satu kilometer daripada tiang utama elektrik. Sejumlah RM50 juta telah diperuntukkan di bawah projek ini yang dilaksanakan melalui beberapa fasa. Bagi fasa pertama yang bermula pada Oktober 2019, sebanyak 15 buah sekolah telah selesai kerja penyambungan ke talian grid pada Februari 2020.

Bagi Sekolah Kebangsaan Dijih, Selangau sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat, ia akan dilaksanakan di bawah fasa berikutnya yang akan dimuktamadkan oleh pihak SEB. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya tidak dapat dilaksanakan oleh pihak SEB dalam masa yang ditetapkan, pihak KPM akan melaksanakan penyambungan di bawah kontrak penyelenggaraan genset dan pembekalan diesel yang sedang dilaksanakan oleh pihak JKR.

Kami di KPM sentiasa komited terhadap keperluan penyediaan kemudahan asas bagi menjamin keselamatan dan keselesaan murid serta seluruh warga pendidik di seluruh negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengemukakan soalan- sedikit latar belakang, Tuan Yang di-Pertua kerana di sepanjang Jalan Dijih telah diperuntukkan bekalan elektrik sejak 10 tahun yang lalu. Jadi, setelah 10 tahun ada grid awam di sepanjang jalan tersebut, Sekolah Kebangsaan Dijih masih lagi belum disambung kepada grid awam.

Akan tetapi, saya ambil maklum dan akan memaklumkan kepada khususnya ibu bapa yang menghantar anak mereka ke sekolah tersebut akan rancangan kerajaan untuk menyambung elektrik daripada grid awam.

Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua. Apakah perancangan kementerian untuk memastikan bukan sahaja Sekolah Kebangsaan Dijih tetapi SK-SK yang berada di kawasan pedalaman Sarawak mendapat capaian *internet* dalam tempoh yang terdekat?

Tuan Muslimin bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat berkaitan dengan elektrik dan soalan tambahan berkaitan dengan pencapaian *internet*. Jadi, saya kira beberapa perkara berkaitan dengan pencapaian *internet* itu kita akan sampaikan secara bertulis.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat dan semua rakan daripada Sarawak, di Sarawak ada 350 buah sekolah yang setakat ini ada masalah dari segi bekalan elektrik. Apabila ada masalah bekalan elektrik, mungkin ada mengalami masalah-masalah yang lain. Daripada 350 buah sekolah itu, yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak sebanyak 128 buah sekolah dengan melibatkan RM50 juta, Yang Berhormat, dan yang akan dibuat oleh JKR Malaysia melalui peruntukan KPM adalah sebanyak 95 buah sekolah dan akan dibina melalui solar hibrid dengan nilai jumlah sebanyak RM272 juta adalah sebanyak RM134 juta.

Jadi, *insya-Allah*, jika ini semuanya berlaku, kita akan dapat menyelesaikan beberapa perkara berkaitan elektrik di negeri Sarawak, *insya-Allah*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

3. Tuan Alan Ling Sie Kiong minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah teknik atau mekanisme dasar fiskal dan dasar monetari yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dalam usaha untuk mengawal ekonomi negara selepas penularan wabak COVID-19, dan bagaimanakah mekanisme tersebut membantu memulihkan ekonomi negara.

Menteri Kewangan [YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, bagi mengekang kesan penularan pandemik COVID-19, kerajaan telah melaksanakan dasar fiskal mengembang dengan memperkenalkan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi komprehensif bernilai RM295 bilion atau 20 peratus daripada KDNK.

Dasar fiskal ini melibatkan suntikan langsung fiskal berjumlah RM45 bilion atau tiga peratus KDNK.

Pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bertujuan untuk meningkatkan kapasiti perkhidmatan kesihatan dalam menangani COVID-19, meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat, membantu perniagaan dan memulihkan semula ekonomi negara. Langkah ini dijangka menyumbang lebih daripada tiga mata peratus kepada pertumbuhan KDNK pada tahun 2020.

Dari sudut dasar monetari pula, antara langkah yang telah dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia adalah dengan menurunkan kadar Nisbah Keperluan Rizab Berkanun (SRR) sebanyak 100 mata asas daripada tiga peratus kepada dua peratus pada bulan Mac. Pada Mei 2020, institusi perbankan juga diberikan *flexibility* melalui pengiktirafan Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia sebagai sebahagian daripada pematuhan SRR.

Selain itu, bagi memastikan pasaran bon domestik berada dalam keadaan teratur, Bank Negara Malaysia turut mengambil bahagian di dalam pembelian bon dalam pasaran sekiranya diperlukan dalam keadaan-keadaan yang tertentu.

■1030

Secara keseluruhan langkah ini telah menambah mudah tunai sebanyak RM54 bilion ke dalam sistem perbankan. Bank Negara Malaysia juga telah menurunkan kadar dasar semalaman (OPR) sebanyak 125 mata asas daripada 3 peratus kepada 1.75 peratus dalam masa tujuh bulan pertama 2020. Pengurangan OPR secara berterusan ini bertujuan terutamanya untuk menyokong penambahbaikan kegiatan ekonomi serta memberikan rangsangan dasar tambahan bagi mempercepat kadar pemulihan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, penularan wabak COVID-19 telah memberi impak negatif ke atas kedudukan ekonomi dan kewangan negara. Pandemik COVID-19 ini bukan sahaja memberi kesan kepada Malaysia, malah lebih 150 buah negara dijangka merekodkan kemelesetan ekonomi pada tahun ini.

Mengikut IMF, kemelesetan ekonomi global yang dihadapi kini merupakan krisis yang terburuk sejak era, dengan izin, *the great depression* pada tahun 1930-an. IMF pada Jun 2020 mengunjurkan ekonomi global dijangka mengalami kemelesetan pada kadar negatif 4.9 peratus pada tahun 2020 namun dijangka pulih pada kadar 5.4 peratus pada tahun 2021. Pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2020 telah disemak semula dan di unjur menguncup antara negatif 5.5 peratus hingga negatif 3.5 peratus seperti yang telah diumumkan oleh Bank Negara Malaysia pada 14 Ogos lalu. Walau bagaimanapun, pada tahun 2021 pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka kembali pulih dan berkembang antara 5.5 peratus hingga lapan peratus. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Soalan tambahan.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang hadir dan memberikan jawapan yang terperinci kepada Dewan yang mulia ini. Saya memang difahamkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mengalami penguncupan sebanyak 17.1 peratus.

Ini bukan saja di Malaysia, malah di kebanyakan negara di Asia Tenggara juga mengalami penguncupan pada digit dua angka. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang dihormati, adakah dasar fiskal dan *monetary* ini memberi keberkesanan dalam memulihkan ekonomi negara untuk membantu rakyat, membantu perniagaan kita dan pasaran, membenarkan sebanyak mungkin sektor ekonomi dipulihkan dan untuk menghadapi ketidakstabilan dan kesukaran yang diakibatkan oleh COVID-19 ini. Sekian, terima kasih.

YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

Keluaran Dalam Negeri Kasar Negara (KDNK) dalam suku kedua 2020 seperti yang disebut oleh Yang Berhormat telah menguncup dengan ketara sebanyak 17.1 peratus, susulan pelaksanaan PKP. Ini bagi mengawal penularan COVID-19 yang mengakibatkan hampir keseluruhan sektor perniagaan tidak dapat beroperasi. Seperti yang saya sebut tadi, kemelesetan ekonomi ini bukan hanya dialami oleh Malaysia, malah lebih 150 buah negara dijangka merekodkan penguncupan ekonomi pada tahun ini.

Namun langkah-langkah fiskal dan *monetary* yang telah diambil oleh kerajaan, telah membantu dan memulihkan ekonomi negara. Ini jelas ditunjukkan oleh penambahbaikan KDNK yang mencatatkan penguncupan yang lebih rendah pada bulan Jun iaitu negatif 3.2 peratus berbanding dengan negatif 19.5 peratus di bulan Mei dan negatif 28.6 peratus di bulan April.

Di samping itu, indikator ekonomi terpilih mula menunjukkan penambahbaikan dalam bulan Jun dan bulan Julai adalah seperti berikut. Jualan sektor pembuatan mencatat RM116.7 bilion iaitu peningkatan sebanyak 30.4 peratus pada bulan Jun kalau kita bandingkan dengan bulan Mei. Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia ataupun, dengan izin, IPI meningkat 26.2 peratus pada bulan Jun 2020 berbanding dengan Mei.

Penjualan kereta penumpang telah mencatatkan kenaikan 12.8 peratus tahun ke tahun bagi bulan Julai 2020, disokong oleh insentif pelepasan cukai untuk pembelian kereta yang diumumkan dalam pakej Penjana. Perbelanjaan kad kredit meningkat kepada RM12 bilion pada bulan Julai berbanding RM6.5 bilion pada bulan April. Kadar pengangguran juga telah menurun daripada 5.3 peratus pada bulan ini kepada 4.9 peratus pada bulan Jun. Eksport juga telah meningkat sebanyak 3.1 peratus tahun ke tahun. Ini bernilai RM92.5 bilion di bulan Julai. Ini melebihi penubuhan import selama tiga bulan berturut-turut.

Berdasarkan bulan ke bulan, ia mencatat pertumbuhan dua digit iaitu 11.7 peratus daripada RM82.8 bilion pada bulan Jun. Kegiatan ekonomi negara dijangka pulih tapi secara beransur-ansur dalam tempoh separuh kedua tahun 2020 berikutan PKPP dan beberapa pakej rangsangan ekonomi. Secara keseluruhan ekonomi Malaysia dianjurkan berkembang dalam julat antara negatif 5.5 peratus hinggalah negatif 3.5 peratus pada tahun 2020 sebelum kembali pulih dalam julat pertumbuhan antara 5.5 peratus hingga lapan peratus pada tahun 2021 sejajar dengan unjuran pertumbuhan global yang lebih baik. Terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Tuan Yang di-Pertua mohon...

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Paul Igai.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sangat gembiralah kita Dewan semua pagi ini hadirnya bersama kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih Perdana Menteri...*[Tepuk]*

4. Datuk Paul Igai minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan, apakah kriteria bagi pelantikan Ahli Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN), Jawatankuasa Pelaksanaan Negara (JKPPN), Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri (JKTPN) dan apakah rancangan dan objektif utama Kementerian buat masa terdekat? Adakah ia melibatkan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Menteri Perpaduan Negara]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Salam Perpaduan. Saya terlebih dahulu mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua di atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai yang bertarikh pada hari ini bersama dengan soalan daripada Yang Berhormat Datuk Haji Ismail bin Ibrahim pada 21 September yang juga menyentuh isu yang sama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Diizinkan. Cuma dengan nota supaya ahli Yang Berhormat berkaitan manakala sampai kepada peluang untuk menjawab soalan-soalan yang berkaitan tersebut, harap diberi maklum kepada Setiausaha Dewan. Silakan.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan terus berusaha untuk mempertingkatkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum. Maka dengan itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun bersetuju dengan penubuhan Majlis Penasihat Perpaduan Negara yang dipengerusikan oleh Menteri Kanan Kluster Sosial dan dianggotai oleh seramai 23 orang

ahli, tokoh-tokoh masyarakat merangkumi pelbagai sektor termasuk wakil daripada badan bukan kerajaan, pihak swasta, individu yang berpengalaman, berkepakaran dan selainnya.

Antara Ahli Majlis yang dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Abd.Hamid, Senator kita yang ada pada hari ini di Dewan Negara dan dua mantan Senator, Yang Berbahagia Datuk Sri Boon Som a/l Inung dan juga Yang Berbahagia Datuk Adam bin Abdul Hamid.

Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab MPPN, saya sebut Majlis Penasihat Perpaduan Negara selepas ini sebagai MPPN. Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab MPPN adalah dalam menangani isu yang berkaitan dengan keharmonian, perpaduan rakyat berbilang kaum ini mencakupi pertama sebagai forum perbincangan, isu, masalah berkaitan dengan perpaduan negara dan integrasi nasional.

Kedua menjana idea ke arah penggubalan satu dasar perpaduan negara yang sedang dibangunkan, yang holistik dan komprehensif.

Ketiga memberikan syor wajar kepada kerajaan untuk memupuk keharmonian rakyat.

Keempat untuk mengenal pasti strategi-strategi komunikasi bagi mengekang sebarang perkara yang tidak diinginkan; dan kelima, mengesyorkan bidang kajian yang boleh dilakukan dan seterusnya keenam meneliti keperluan untuk menggubal mana-mana atau meminda dasar perundangan, peraturan yang berkaitan dengan kementerian.

■1040

Tuan Yang di-Pertua, bagi kekerapan, mungkin saya boleh sebutkan sedikit supaya Yang Berhormat Datuk Paul Igai maklum bersama dengan Datuk Haji Ismail. Mesyuarat dua bulan sekali, urus setia ialah Kementerian Perpaduan Negara dan Yang Berhormat Menteri Kanan Kluster Sosial telah pun mengadakan mesyuarat kali kedua pada dua minggu yang lepas.

Seterusnya adalah Jawatankuasa Pelaksana Perpaduan Negara yang dipengerusikan oleh saya sendiri dan keahliannya adalah Yang Berhormat Ahli-ahli EXCO Perpaduan Negeri-negeri dan bermesyuarat dua bulan sekali. Seterusnya ke peringkat negeri ialah Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat EXCO Perpaduan Negeri masing-masing dan dianggotai oleh wakil-wakil bukan sahaja daripada kerajaan, termasuk daripada NGO, swasta dan lain-lain seperti yang saya nyatakan juga kepada MPPN tadi.

Tuan Yang di-Pertua, antara usaha yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara, satu adalah membangunkan dasar perpaduan negara. Kedua ialah sesi maklum balas bagi Pelan Tindakan Perpaduan Negara yang sedang berjalan, yang telah pun dimulakan pada 22 Ogos dalam tempoh satu bulan dan sebanyak 10 negeri telah pun selesai dan terdapat lagi empat negeri untuk kita uruskan.

Menjawab kepada soalan yang berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Datuk Paul Igai, Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Datuk Paul Igai, kerajaan tidak ada niat dan malah Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional ini telah pun dibatalkan dan tidak ada niat untuk meneruskan kepada penubuhan sebuah suruhanjaya seperti yang dinyatakan. Ini kerana undang-undang sedia ada sudah pun mencukupi Yang Berhormat, untuk menjaga keharmonian antara kaum dan agama.

Kepada mana-mana di antara mereka yang sengaja memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian boleh disiasat dan didakwa di bawah peruntukkan undang-undang yang sedia ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tambahan?

Datuk Paul Igai: Terima kasih kepada Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dua soalan. Adakah pihak kementerian dalam perancangan.

Tuan Yang di-Pertua: Hanya dibenarkan satu.

Datuk Paul Igai: Satu? Okey. Adakah kementerian dalam perancangan untuk wujudkan satu suruhanjaya yang baharu setelah Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional ini dibatalkan dan sama juga adakah kementerian berhasrat mencadangkan untuk menubuhkan unit untuk hal ehwal agama-agama yang lain seperti UNIFOR di Sarawak sekarang? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Datuk Paul Igai, saya sudah sebutkan tadi kerajaan tidak ada cadangan langsung untuk mewujudkan suruhanjaya yang tersebut. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Datuk Paul Igai, saya sudah sebut tadi, kepada mereka yang sengaja memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian boleh disiasat dan didakwa di bawah peruntukkan undang-undang yang sedia ada.

Mungkin saya boleh memberikan sedikit lagi penjelasan kepada Yang Berhormat Datuk Paul Igai di bawah akta-akta yang berikut:

- (i) subseksyen 4(1), Akta Hasutan 1948 iaitu Akta 15, kesalahan menghasut;
- (ii) seksyen 504, Kanun Keseksaan di bawah Akta 574 iaitu kesalahan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan;
- (iii) di bawah seksyen 505, Kanun Keseksaan di bawah Akta 574 juga iaitu kesalahan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam;

- (iv) di bawah seksyen 506, Kanun Keseksaan juga di bawah Akta 574 iaitu kesalahan menakutkan secara jenayah; dan
- (v) di bawah seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu Akta 588 iaitu kesalahan penggunaan tidak wajar kepada kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian.

Jadi, ini mungkin telah menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Paul Igai tadi.

Seterusnya, adakah kerajaan berhasrat untuk menubuhkan satu jawatankuasa seperti UNIFOR yang diwujudkan di Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Paul Igai, di peringkat kementerian, Kementerian Perpaduan Negara bersama-sama dengan Menteri Agama di bawah JAKIM telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa Keharmonian antara Kepelbagaian Agama yang dinamakan sebagai HARMONI.

Jawatankuasa HARMONI ini dianggotai oleh mana-mana lantikan daripada Yang Berhormat Menteri Agama dan bagi pihak Kementerian Perpaduan Negara, ketua-ketua badan agama dan juga pengerusi-pengerusi persatuan badan agama juga diletakkan dalam jawatankuasa yang mewakili kepentingan kepelbagaian agama yang lain selain daripada Islam.

Jadi saya harap itu telah pun menjawab kepada soalan yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Paul Igai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita bertuah hari ini, Dewan menerima kunjungan tiga pihak yang tinggi dalam kementerian masing-masing. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Kewangan, Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara. Kita berharap trend ini berterusan... [*Tepuk*]

Kedua ialah kita juga memohon supaya Yang Berhormat Menteri-menteri memberi jawapan yang tegas dan ringkas kepada semua jawapan yang ditujukan kepada kementerian masing-masing. Saya jemput Tuan Haji Idris bin Ahmad.

5. Tuan Idris bin Haji Ahmad minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apakah tindakan kerajaan terhadap syarikat yang telah mengambil Program Subsidi Upah (PSU) tetapi telah membuang pekerja daripada syarikat mereka.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri M. Saravanan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Idris bin Haji Ahmad ingin saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang ke-18. Tahniah Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Subsidi Upah (PSU) adalah program yang telah diperkenalkan untuk membantu majikan yang terkesan akibat penularan wabak

COVID-19. Ingin saya rakamkan di sini bahawasanya Program Subsidi Upah telah berjaya untuk mengekalkan 2.7 juta orang pekerja dan mengelakkan daripada berlakunya pemberhentian secara besar-besaran ataupun *massive retrenchment*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Program ini melibatkan pengagihan dana kerajaan berjumlah RM13.8 bilion. Sehingga 28 Ogos 2020, PERKESO telah menerima 330,050 permohonan daripada majikan yang mana ia melibatkan pembayaran sejumlah RM9.48 bilion. Namun begitu, terdapat juga aduan yang telah diterima oleh PERKESO ke atas majikan yang telah menerima program subsidi upah. Malahan saya sendiri telah menerima aduan daripada beberapa Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat mengenai penyalahgunaan bantuan ini.

Setakat 28 Ogos 2020, PERKESO telah menerima sebanyak 215 kes aduan terhadap majikan iaitu hanya 0.065 peratus berbanding dengan jumlah majikan yang telah menerima bantuan Program Subsidi Upah. Aduan pekerja mengenai majikan yang gagal membayar gaji walaupun telah menerima bantuan PSU, semakan rekod PERKESO mendapati seramai 12 orang pekerja terlibat di dalam aduan ini telah diberhentikan oleh majikan mereka.

Tindakan serta-merta telah diambil iaitu sehingga kini seramai 215 majikan telah disenaraihitamkan dan digantung daripada menerima bantuan PSU bagi bulan-bulan yang akan datang sehingga mereka tampil memberi penjelasan mengenai aduan pekerja berkenaan.

PERKESO juga telah bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) dan satu kes dalam tindakan siasatan. PERKESO akan meluluskan lagi perkongsian maklumat lengkap agar siasatan dapat dimulakan ke atas majikan-majikan yang gagal untuk mematuhi bayaran di bawah Program Subsidi Upah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai makluman bagi permohonan yang telah diberi kelulusan dan dibuat pembayaran, senarai nama majikan dipaparkan di laman web PERKESO untuk tujuan semakan pada pekerja. Mana-mana pekerja yang tidak menerima pembayaran gaji oleh majikan, mereka boleh membuat aduan kepada PERKESO. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tambahan soalnya?

Tuan Idris bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Menteri atas penjelasan yang diberikan.

■1050

Soalan saya ialah jika terdapat ramai lagi pekerja dan syarikat yang terjejas dengan kes COVID-19 ini hingga Disember 2020, apakah pihak kerajaan ataupun kementerian berhasrat untuk meneruskan Program Subsidi Upah ini yang secara bersasar untuk membantu golongan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri M. Saravanan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya kita lihat keseluruhan walaupun Program Subsidi Upah ini hanya diperkenalkan untuk tiga bulan awal ataupun tiga bulan pertama, tetapi setelah mengambil kira kehendak industri, maka kerajaan dan Kementerian Kewangan telah menambahkan tiga bulan lagi.

Di samping itu kerajaan juga telah mengadakan program-program lain untuk membantu golongan tersasar iaitu mengadakan program latihan *reskilling* dan *upskilling* untuk mengekalkan mereka dalam sektor yang mereka ada ataupun memberi latihan-latihan khas melalui pembangunan sumber manusia sekiranya mereka hilang peluang-peluang pekerjaan. Hari ini kita lihat walaupun negara kita menghadapi kelembapan ekonomi, tetapi jika di banding dengan bulan Mei dan Julai, kadar pengangguran telah kurang daripada 5.3 peratus ke 4.7 peratus. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Ismail bin Yusop.

Tuan Ismail bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor enam.

6. Tuan Ismail bin Yusop minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, perancangan Kementerian dalam pembangunan sukan ragbi di Malaysia serta kebajikan-kebajikan institusi sukan ragbi agar tidak dianaktirikan susulan pencapaian dan sambutan sukan ragbi di negara ini semakin ada peningkatan.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Ismail bin Yusop atas soalan yang diberikan.

Pertamanya saya juga ingin merakamkan jutaan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas pelantikan sebagai Yang di-Pertua yang baharu untuk Dewan Negara. Sebagai bekas pemain ragbi Kuala Lumpur bawah 19, soalan Yang Berhormat Tuan Ismail adalah soalan yang baik untuk saya jawab.

Untuk makluman Yang Berhormat, Persatuan Sukan Kebangsaan bertanggungjawab terhadap pembangunan sukan negara ini dengan sokongan dan bantuan daripada Kementerian melalui Majlis Sukan Negara (MSN) serta pemegang taruh yang lain. Begitu juga dengan sukan ragbi. Kementerian melalui MSN telah mengambil langkah proaktif dengan melancarkan Program Pembangunan Sukan Ragbi Negara (NRDP) pada 22 Oktober 2016. NRDP bertujuan untuk mencari bakat-bakat baharu khususnya di kalangan atlet sekolah yang berumur daripada 13 tahun sehingga 18 tahun untuk membentuk kumpulan pemain pelapis ragbi kebangsaan. Kerjasama erat dijalin bersama Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memastikan pelaksanaan NRDP secara menyeluruh.

Sebagai permulaan, 22 buah sekolah di seluruh Malaysia terlibat secara langsung dalam NRDP. Program seperti karnival ragbi, pencarian bakat serta pertandingan di peringkat negeri telah digiatkan. Namun, aktiviti menjadi terhad sejak perintah kawalan pergerakan

bermula pada 18 Mac 2020 yang lalu. Kementerian juga memberikan tumpuan utama kepada persediaan awal untuk temasya Sukan Asia 2026.

Persiapan pasukan ini melibatkan 37 atlet yang mana terdiri daripada 20 lelaki dan 17 wanita dan enam jurulatih- dua jurulatih pasukan lelaki dan empat jurulatih pasukan wanita dengan latihan sepenuh masa. Untuk Sukan Asia 2026 ini, sasaran utama bagi pasukan lelaki ialah meraih pingat, manakala sasaran pasukan wanita pula ialah untuk berada di lima tangga teratas.

Untuk makluman juga, bengkel yang menghimpunkan pemegang taruh sukan ragbi negara seperti Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kesatuan Ragbi Malaysia telah diadakan pada 6 hingga 8 Ogos baru-baru ini bagi membincangkan perancangan jangka panjang NRDP termasuk menambah bilangan pusat latihan sukan ragbi di peringkat negeri.

Stadium Ragbi Nasional di Putrajaya juga dijangka akan siap dibina menjelang tahun 2022 nanti yang diharapkan akan menjadi pusat dan mercu pembangunan suka ragbi negara. Pihak kementerian sentiasa mengalu-alukan keterlibatan para pemegang taruh dalam pembangunan sukan negara termasuklah dalam aspek pengkomersialan demi membina sebuah ekosistem yang mapan dan lestari. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Ismail bin Yusop: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, sukan ragbi ini bermula di Negeri Sembilan, negeri Tuan Yang di-Pertua selepas Perang Dunia Kedua. Kali pertama dimainkan di Malaysia di Padang Stasion, Seremban.

Jadi soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah dengan perkembangan terkini, usaha kementerian dalam memperkasakan sukan ragbi itu tanpa mengetepikan kebajikan-kebajikan atlet- bukan sahaja atlet ragbi, atlet negara. Kesan daripada fasa suasana penularan COVID-19. Boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri perelaskan langkah-langkah yang demikian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Nampak gaya Yang Berhormat Tuan Haji Ismail ini mempunyai wawasan dan di samping itu mempunyai pengalaman. Mungkin dulu main ragbi agaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan Yang Berhormat, *alhamdulillah*.

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ismail. Kita pun maklum dalam tempoh perintah kawalan pergerakan yang terkesan teruk bukan sekadar rakyat biasa dan juga golongan seniman tetapi juga atlet-atlet negara. Di peringkat Kementerian Belia dan Sukan kita telah menubuhkan beberapa inisiatif yang penting melibatkan menjaga kebajikan para atlet kita. Antara yang utama ialah kita melalui badan YAKEB iaitu Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan menawarkan bantuan-bantuan berbentuk kewangan kepada mereka yang terkesan dalam khususnya melibatkan kesihatan.

Dalam hal-hal lain, baru-baru ini kita juga telah melancarkan dana prihatin, khas kepada persatuan-persatuan sukan di seluruh negara dan untuk persatuan ragbi, kita telah memberi geran elaun Setiausaha Eksekutif PSK berjumlah RM18 ribu, bantuan pentadbiran Pejabat Kesatuan Ragbi Malaysia berjumlah RM5,000 dan juga bantuan-bantuan lain pada tahun 2019 seperti bantuan penganjuran kejohanan berjumlah RM170 ribu, dan bantuan penganjuran kursus berjumlah RM18 ribu.

Jadi berdasarkan maklumat-maklumat ini, Kementerian Belia dan Sukan memang komited untuk membela kebajikan bukan sahaja atlet tetapi juga persatuan-persatuan sukan bukan sahaja sukan-sukan utama, tetapi sukan-sukan lain yang berdaftar di bawah Pesuruhjaya Sukan Kebangsaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua:Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Diteruskan perkhidmatan kita kepada Datuk Mohan a/l Thangarasu.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor tujuh.

7. Datuk Mohan a/l Thangarasu minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, jumlah warganegara yang telah menerima manfaat dari sudut peluang pekerjaan berikutan pelaksanaan operasi membasmi penglibatan warga asing di Pasar Borong Kuala Lumpur baru-baru ini.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Seri Dr. Santhara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menjawab.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sehingga 25 Ogos 2020 terdapat 448 pemborong yang berlesen di Pasar Borong Kuala Lumpur (PBKL) dengan jumlah 1,930 pekerja ataupun pembantu warga Malaysia yang bekerja. Pihak kementerian komited bagi memastikan keadaan sebelum ini tidak berulang dan akan mengambil semua langkah sewajarnya bagi memastikan warganegara Malaysia diberikan peluang dan ruang yang seluasnya untuk bekerja di Pasar Borong Kuala Lumpur.

Pelaksanaan operasi membasmi penglibatan warga asing di Pasar Borong Kuala Lumpur adalah satu contoh langkah penguatkuasaan yang telah dilakukan oleh Jabatan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bersama-sama agensi lain yang juga berkaitan seperti Jabatan Imigresen (JIM) dan juga Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).

Hasil operasi bersepadu yang dilakukan ini telah berjaya menukar wajah tenaga kerja Pasar Borong Kuala Lumpur yang sebelum ini didominasi oleh warga asing dan ia tidak akan berlaku lagi.

Dr. Yaakob bin Sapari: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Soalan tambahan- saya Tuan Yang di-Pertua. Ada soalan tambahan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya dapat pandangan daripada sini dahulu. Mengikut peraturan barang siapa yang mendapat tatapan mata Pengerusi, dia bercakap dahulu. Silakan.

Dr. Yaakob bin Sapari: Tuan Yang di-Pertua, apakah jaminan pihak kerajaan boleh mendapatkan pekerja tempatan yang memastikan kelancaran aktiviti perniagaan di pasar borong. Ini kerana saya difahamkan bahawa pekerja tempatan tidak mahu masuk untuk bekerja di pasar borong walaupun gaji tinggi. Jadi bagaimana kita hendak pastikan kelancaran perniagaan di pasar borong ini.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Seri Dr. Santhara: Soalan yang baik Yang Berhormat Senator. Sebenarnya pada masa ini, kita mendapati semua jawatan itu telah pun dipenuhi oleh pekerja tempatan, daripada 1,930 hanya 18 orang sahaja pekerja asing yang mempunyai permit. Maknanya sekarang kita mempunyai ramai warga dan belia yang mahu bekerja dan kerana itulah DBKL sedang merancang dalam untuk membina satu lagi pasar yang tidak lama lagi untuk memastikan lebih ramai warga tempatan boleh berniaga dan juga bekerja.

■1100

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Tuan Yang di-Pertua boleh saya? Terima kasih Timbalan Menteri. Adakah Kementerian Wilayah Persekutuan dapat menentukan gaji minimum yang relevan dan berpatutan bagi sektor '3D' sebagai galakan dan kurangkan kebergantungan kepada pekerja asing terutamanya di Wilayah Persekutuan? Apakah pelan jangka masa panjang...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah dua soalan Yang Berhormat.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: ...Kementerian Wilayah Persekutuan bagi menggalakkan- Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah dua soalan. Mana hendak soal- satu?

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Bolehlah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Satu gaji, satu lagi tambahan tadi. Satu sahaja.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Kenapa tidak boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh menjawab satu soalan yang jelas, Yang Berhormat telah mengemukakan dua lapisan soalan. Jadi, pilihlah satu.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak tahu Tuan Yang di-Pertua sebelum ini...

Tuan Yang di-Pertua: Baik, cepat sikit. Silakan. Segera sikit.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Okey. Adakah pelan jangka masa panjang Kementerian Wilayah Persekutuan bagi menggalakkan lebih ramai belia sertai dan kekal di sektor pekerjaan selepas PKP?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Seri Dr. Santhara: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Wilayah Persekutuan akan terus komited untuk memastikan tahap gaji ambang minimum yang ditentukan oleh Kementerian Sumber Manusia itu akan dipraktikkan juga kepada semua warga yang bekerja. Mengenai tempoh masa dan juga sebagainya, KWP akan sentiasa bekerjasama dengan agensi dan kerajaan yang berkaitan. Buat masa ini semua pekerja seramai 1,930 orang yang bekerja di sana, dibayar RM100 hingga RM120 sehari, maknanya jauh lebih daripada gaji minimum yang dikenakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk John Ambrose, berkaitan Yang Berhormat Menteri Alam Sekitar.

8. Datuk John Ambrose minta Menteri Alam Sekitar dan Air menyatakan, apakah usaha kementerian dalam meningkatkan pemantauan ke atas aktiviti-aktiviti perladangan bagi memastikan alam sekitar dapat terpelihara daripada pencemaran. Apakah statistik tindakan yang telah diambil terhadap syarikat-syarikat yang mencemarkan alam sekitar dalam aktiviti berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air [Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Kiranya tidak terlambat bagi saya untuk mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas lantikan sebagai Speaker Dewan Negara pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad: Untuk jawapan kepada Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose, sahabat saya dari Sabah, Penampang ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Dewan sekalian, dalam konteks nasional, dari tahun 2018 hingga Julai 2020 sebanyak 69 penguatkuasaan telah dilaksanakan bagi projek pertanian yang mana sebanyak 16 projek telah diberikan notis arahan. Dua projek dikenakan tindakan kompaun dan dua projek dikenakan tindakan mahkamah. Dalam konteks ini, dari tahun 2019 sehingga 23 Ogos 2020, pihak KASA mendapati sebanyak 269 kes pembakaran terbuka di ladang sawit dan sebanyak 49 kes pembakaran terbuka di ladang getah telah pun dikenal pasti di seluruh negara dan telah diambil tindakan di bawah seksyen 29A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Di Sabah sebagai satu contoh, dan lebih khusus kepada Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose. Di Sabah susulan kepada cuaca panas dan kering sekarang, Jabatan

Alam Sekitar bersama-sama Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS) negeri Sabah telah mempertingkatkan operasi mencegah pembakaran terbuka di peringkat negeri.

Di negeri Sabah projek-projek EIA bagi aktiviti perladangan adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Negeri Sabah sendiri. Manakala, bagi kes-kes pembakaran dalam konteks kawasan hutan simpan, kes ini akan dirujuk kepada Jabatan Perhutanan Negeri Sabah untuk tindakan lanjut.

Selain itu, dalam usaha mencegah kebakaran di negeri Sabah, Jabatan Alam Sekitar Sabah didapati telah mengambil beberapa langkah awal yang antaranya ialah:

- (i) rondaan darat dilakukan susulan pengaktifan Pelan Tindakan Pencegahan Pembakaran Terbuka pada musim kering sekarang;
- (ii) mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kes pembakaran terbuka dengan cara mengenakan kompaun, notis arahan dan juga surat amaran; dan
- (iii) pihak Jabatan Alam Sekitar Sabah ini telah pun mengadakan ceramah dan kempen kesedaran secara berkala dan juga mengedarkan bahan-bahan seperti poster larangan dalam konteks untuk memastikan pembakaran terbuka ini dapat dicegah.

Berdasarkan kepada kajian ke atas tanah gambut yang sering terbakar pada tahun 2019 di negeri Kedah- untuk makluman Yang Berhormat Dewan semua, keluasan tanah gambut adalah seluas 200,600 hektar yang mana daripada keluasan tersebut 36,200 hektar telah dikenal pasti sebagai kawasan berisiko kebakaran. Bagi tindakan penguatkuasaan ke atas kawasan pembakaran terbuka ini, khususnya kes pertanian di ladang sawit di Sabah, sepanjang tahun 2019 kita dapati sebanyak 43 kompaun telah dikenakan dan dikeluarkan dan satu kes telah dibawa ke mahkamah. Manakala bagi tahun 2020, sehingga 31 Ogos 2020 sebanyak 14 kompaun kesalahan kebakaran terbuka telah pun dikeluarkan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Datuk John Ambrose: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat lama saya, Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah berapa banyak Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) yang telah ditolak bagi tahun 2019 berbanding 2020 oleh pihak kementerian?

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, biasanya kalau memohon statistik, ia tidak adil kepada kementerian secara spontan kecuali Yang Berhormat Menteri itu secara kebetulan bersedia. Akan tetapi, terserah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi reaksi.

Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator. Saya fikir dalam hal ini untuk mendapat statistik yang lebih sahih, saya akan mengemukakan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Senator. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah.* Kita terus kepada Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying.

9. Puan Lim Hui Ying minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, apakah kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada imbalan dagangan- *balance of trade*, negara.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih datang ke Dewan kami.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying akan ingin mendapat penjelasan tentang kesan PKP terhadap *balance of trade* kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menganalisis kesan PKP kepada imbalan dagangan negara, tempoh yang digunakan adalah dari bulan Mac iaitu tempoh permulaan PKP sehingga bulan Julai 2020. Nilai dagangan Malaysia dalam tempoh lima bulan tersebut, Mac hingga Julai 2020 menyusut sebanyak 10.3 peratus kepada RM700.74 bilion disebabkan oleh penurunan eksport dan import yang masing-masing menurun sebanyak 9.5 peratus dan 11.4 peratus, berbanding tempoh yang sama pada tahun 2019. Namun, imbalan dagangan pada tempoh ini masih menunjukkan lebihan atau *trade surplus*, dengan izin, dengan peningkatan marginal sebanyak satu peratus kepada RM65.07 bilion berbanding RM64.45 bilion dalam tempoh yang sama pada tahun 2019.

Dalam tempoh Mac hingga Julai 2020, kesemua kategori utama import iaitu *intermediate goods*, *capital goods* dan *consumption goods*, dengan izin, telah menunjukkan penurunan import. Dalam tempoh Mac hingga Julai 2020 penurunan eksport turut dicatatkan bagi hampir kesemua sektor utama, khususnya barangan elektrik dan elektronik, keluaran petroleum, petroleum mentah, barangan perkilangan logam dan gas asli cecair.

Tuan Yang di-Pertua, penurunan eksport adalah disebabkan sekatan operasi yang dikenakan kepada kebanyakan sektor utama semasa tempoh PKP. Penyusutan eksport ini telah dijangka memandangkan kebanyakan negara di seluruh dunia berada dalam keadaan sekatan pergerakan ataupun *lockdown* bagi membendung penularan pandemik COVID-19. Ini telah menyebabkan gangguan serius terhadap aktiviti pembuatan serta rangkaian bekalan di peringkat global. Namun begitu, kesan pemulihan telah mula dilihat yang mana prestasi

eksport melonjak sebanyak lapan peratus pada bulan Jun 2020 berbanding bulan yang sama pada tahun 2019.

■1110

Momentum pemulihan terus direkodkan, di mana pada bulan Julai 2020, eksport mencatatkan kenaikan sebanyak 3.1 peratus berbanding pada bulan Julai 2019. Imbangan dagangan pula turut menunjukkan prestasi yang memberangsangkan, di mana pada bulan Jun ia meningkat sebanyak 88.5 peratus dan terus meningkat sebanyak 57.5 peratus pada bulan Julai.

Nilai lebihan dagangan pada bulan Julai iaitu sebanyak RM25.15 bilion merupakan nilai bulanan tertinggi yang dicatatkan semenjak 30 tahun yang lalu. Bagi tempoh Mac hingga Julai 2020, peningkatan eksport dapat dilihat, terutamanya bagi sektor keluaran getah. Eksport sarung tangan getah melonjak sebanyak 65.5 peratus, di sokong oleh permintaan tinggi di pasaran global berikutan pandemik COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, bagi tempoh Januari hingga Julai 2020, nilai perdagangan negara menyusut sebanyak 6.8 peratus kepada RM993.22 bilion berbanding tempoh yang sama pada tahun 2019. Eksport bagi tempoh tersebut menurun sebanyak 6.2 peratus kepada RM541.47 bilion dan import berkurang sebanyak 7.4 peratus kepada RM451.75 bilion.

Namun demikian, lebihan dagangan mencatatkan peningkatan sebanyak 0.8 peratus kepada RM89.72 bilion berbanding RM88.98 bilion yang direkodkan bagi tempoh yang sama tahun 2019. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan?

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memandangkan sektor pembuatan di Pulau Pinang adalah di antara pengeksport yang utama dalam negara, apakah perancangan kementerian bagi mengukuhkan lagi sektor tersebut di Pulau Pinang? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying. Kita mengambil maklum bahawa sektor pembuatan agak aktif di negeri Pulau Pinang semenjak beberapa tahun yang lalu. Akan tetapi atas hujah-hujah yang saya kemukakan sebentar tadi, membuktikan ia memberikan kesan akibat pelaksanaan PKP.

Walau bagaimanapun, kementerian sedang berusaha untuk memastikan sektor-sektor pembuatan ini dapat dirancahkan semula dengan mengenal pasti pasaran-pasaran baharu yang perlu diberikan perhatian dalam masa yang terdekat ini. Kita juga telah berbincang panjang dengan MATRADE untuk memastikan usaha-usaha pengeksportan ini dapat dilaksanakan dengan lebih giat lagi. Pelbagai inisiatif telah dijalankan seperti *Market Development Grant* (MDG), e-BizMatch yang berpandukan peluang *export trade leads*.

Kita juga telah melaksanakan beberapa inisiatif risikan pasaran yang boleh diakses secara atas talian menerusi perkhidmatan MyExport. Kita juga telah memperkenalkan dan melaksanakan aktiviti e-dagang, di mana ia dapat dilakukan menerusi penyenaian di dalam 20 platform e-dagang antarabangsa yang terpilih.

Kita juga sedang berbincang bagaimana usaha untuk meningkatkan kolaborasi di peringkat rantau. Baru-baru ini, kita gembira kerana MITI dengan dukungan pegawai-pegawai telah berusaha dan menamatkan konsultasi kita dengan negara-negara ASEAN dan juga anggota-anggota rakan dialog untuk menamatkan rundingan RCEP yang kita jangka dapat kita tandatangi pada bulan November 2020. Di mana RCEP ini akan menjadi sebuah blok ekonomi yang terbesar di dunia dengan jumlah penduduk yang tertinggi.

Kita percaya dengan blok ekonomi yang terbesar ini, ia dapat memberi peluang kepada Malaysia untuk menembusi pasaran-pasaran baharu. Oleh kerana kita juga mengambil maklum populasi di ASEAN sudah melebihi 650 juta orang dan ia mempunyai potensi yang besar. Maka untuk maksud itu, Malaysia perlu bersedia untuk lebih kompetitif, dan berdaya saing di peringkat rantau dan ini antara keutamaan yang diberikan oleh Kementerian. Terima kasih Yang Berhormat.

10. Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, sejauh manakah hala tuju dan peranan yang boleh diterajui oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam merangka kursus latihan kemahiran industri perabot bagi belia di Sarawak, dan bagaimana *Furniture Industry Technology Centre MARA (FITEC)* menyusun hala tuju latihan yang lebih berkesan kepada belia di Sarawak pada tahun 2021?

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II [Dato' Henry Sum Agong]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili, di atas soalan yang diajukan. Sebelum menjawab soalan, saya ingin turut mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua di atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Henry Sum Agong: Tuan Yang di-Pertua, peranan MARA dalam merangka kursus latihan kemahiran industri perabot boleh dikenal pasti melalui dua peringkat iaitu di bawah institusi TVET MARA iaitu GIATMARA, Institusi Kemahiran MARA (IKM) dan Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM).

Seramai 52 orang pelatih daripada negeri Sarawak telah dilatih dan diberi kemahiran dalam bidang perabot sejak tahun 2008 melalui Program Sijil Teknologi Reka Bentuk dan Pembuatan Perabot. Secara keseluruhan, seramai 88 orang peserta usahawan perabot dari negeri Sarawak telah menyertai program latihan perabot FITEC bagi melahirkan peserta yang berdaya saing. Program-program ini dilaksanakan melalui kerjasama dengan beberapa

institusi di Sarawak. Antaranya, Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) dan Persatuan Pengusaha Perabot Bumiputera Sarawak (PERBUMI).

Manakala bagi tahun 2021, FITEC telah merancang beberapa inisiatif yang melibatkan belia negeri Sarawak di bawah bumiputera *workforce skill development* seperti program *furniture skills and employability, training scheme fund sets*. Melalui program ini, belia akan dilatih untuk menguasai kemahiran dalam pembuatan perabot dan panel bagi memenuhi pasaran pekerjaan dalam industri perabot, sekali gus meningkatkan kebolehpasaran untuk mendapat pekerjaan yang lebih baik.

Program *Profession Furniture Industrial Training Skills Profits* turut dirancang bagi melatih belia di seluruh negara menjadi pekerja mahir dalam pengendalian mesin perabot berteknologi tinggi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Zaidi bin Haji Suhaili: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tadi. Kita faham bahawa hasrat kementerian adalah untuk memperkasakan industri perabot di negara kita dari segi kualiti, hasil kesenian dan juga untuk kita memasarkan perabot, bukan sahaja di dalam negara, bahkan juga di luar negara. Jadi, soalan saya ialah, soalan tambahan, sejauh manakah makmal pengujian perabot FITEC membantu usahawan untuk menghasilkan perabot yang berkualiti? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Henry Sum Agong: Tuan Yang di-Pertua, makmal pengujian perabot *Furniture Industry Technology Centre* (FITEC) mula beroperasi pada tahun 2018 dan telah mendapat akreditasi MS ISO/IEC 17025 dari *Standards Malaysia* pada tahun 2014. Makmal ini menjalankan pengujian terhadap perabot seperti kerusi, meja, almari dan lain-lain lagi.

■1120

Pengujian yang dijalankan adalah berdasarkan standard pengujian perabot antarabangsa seperti MS Standard (Malaysia Standard), BS Standard (British Standard) atau lain-lain standard yang diperlukan oleh pelanggan. Tujuan utama pengujian perabot adalah untuk mendapatkan sijil lulus ujian bagi tujuan memenuhi keperluan pembeli sama ada daripada jabatan kerajaan atau untuk tujuan eksport.

FITEC juga telah menganjurkan program latihan kepada usahawan perabot untuk menghasilkan perabot yang berkualiti berdasarkan sistem kualiti MS ISO/IEC 17025 dan pendedahan kepada keperluan standard antarabangsa. Pada tahun 2019, sebanyak empat program latihan telah diadakan melibatkan 40 orang peserta. Pada tahun 2020, satu program latihan telah dianjurkan dengan melibatkan 10 orang peserta.

Pada 27 Ogos 2020, FITEC telah mengadakan perbincangan dengan SIRIM QAS International Sdn. Berhad bagi mengadakan kerjasama di dalam meningkatkan kualiti perabot keluaran pengilang perabot tempatan untuk pasaran tempatan dan pasaran eksport.

Perjanjian persefahaman akan ditandatangani dalam masa terdekat. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

11. Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, sama ada wujudnya kajian mengenai implikasi negatif sesetengah aplikasi media sosial seperti *Tik Tok* dan sebagainya.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Zahidi bin Zainul Abidin]:

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Pertama sekali, untuk makluman Yang Berhormat Senator, mengenai implikasi negatif tentang *Tik Tok* ini, untuk makluman, bukan semua *Tik Tok* adalah negatif. Sebab, ada baru-baru ini pelajar IKM memuat naik dalam *Tik Tok* mereka program-program kajian mereka dan ianya cukup baik. Akan tetapi, untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian belum melaksanakan kajian khusus tentang implikasi negatif aplikasi media sosial.

Walau bagaimanapun, berdasarkan Kajian Tanda Aras Kesedaran Keselamatan Siber Kebangsaan yang dilaksanakan oleh CyberSecurity Malaysia bersama Kementerian Pendidikan Malaysia dan beberapa agensi lain pada tahun 2016, adalah didapati terdapat keperluan bagi meningkatkan tahap kesedaran keselamatan siber di kalangan murid dan guru di samping peranan dan tanggungjawab ibu bapa dalam melaksanakan kawal sendiri penggunaan *internet* yang selamat bagi mengelakkan aplikasi negatif penggunaan *internet*.

Dalam hal ini, Modul Kesedaran Keselamatan Siber Nasional yang merangkumi sekolah rendah dan menengah sedang dibangunkan oleh pihak CyberSecurity Malaysia dengan sokongan Kementerian Pendidikan Malaysia dengan memberi keutamaan kepada etika siber, antaranya jenayah siber, buli siber, ketagihan *internet* dan media sosial.

Melihat kepada keterbukaan dalam penyajian informasi melalui media sosial seperti *Facebook* hingga meningkatkan gejala buli siber, kerajaan sedang melaksanakan kajian bersama-sama dengan Universiti Multimedia untuk melihat keperluan mewujudkan satu perundangan khas berkenaan anti-buli siber bagi menangani isu kes buli siber Malaysia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Senator Datuk Seri Mohamad Ali bin Mohamad.

Datuk Seri Mohamad Ali bin Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

*Kapal dagang dari seberang;
Sarat muatan kayu meranti;
Dari Melaka saya datang,
Soalan dua belas jawapan dinanti.*

Tuan Yang di-Pertua: Pantun itu masyhur di Melaka. Yang Berhormat Menteri, silakan.

12. Datuk Seri Mohamad Ali bin Mohamad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah langkah yang telah diambil untuk membendung kemasukan dan penyalahgunaan kad pengenalan oleh warga asing yang dikategorikan sebagai pendatang tanpa izin (PATI), dan apakah pula tindakan yang diambil pada individu dan sindiket yang menjalankan kegiatan haram memalsukan Kad Pengenalan Malaysia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Mohamad Ali bin Mohamad.

Memang menjadi tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri melalui agensi-agensinya yang berada di dalam kementerian ini untuk memastikan keselamatan dan kedaulatan negara kita terjamin. Oleh sebab itulah, untuk membendung pendatang tanpa izin ini, pihak Imigresen, pihak APMM, dan juga PDRM bersama dengan ATM melalui operasi Ops Benteng dan juga operasi Ops Kuda Laut untuk memastikan kawasan sempadan negara kita tidak dicerobohi oleh PATI.

Sehingga 4 September 2020, Jabatan Imigresen kita telah melaksanakan sejumlah 5,082 operasi di seluruh negara yang melibatkan 19,164 tangkapan yang terdiri daripada warganegara asing iaitu warganegara Indonesia, Bangladesh, Myanmar dan juga negara-negara yang lain.

Oleh sebab itulah, untuk kita memastikan negara kita terus selamat bagi menangani masalah PATI di dalam negara kita, kita telah menggariskan lima strategi utama iaitu:

- (i) strategi operasi penguatkuasaan PATI;
- (ii) strategi perundangan dan dasar penguatkuasaan PATI;
- (iii) strategi kawalan sempadan dan pintu masuk;
- (iv) strategi pengurusan pekerja asing; dan
- (v) strategi media dan publisiti.

Mengenai masalah pemalsuan dokumen kad pengenalan diri, Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa komited bagi memburu pengguna atau mana-mana ejen yang bertindak untuk memalsukan dokumen pengenalan diri bagi memastikan negara kita terus berdaulat dan keselamatan negara kita terus terjamin.

Oleh itu, beberapa operasi yang telah kita lakukan seperti operasi bersepadu dan juga Ops Kutip khususnya bagi membendung penyalahgunaan kad pengenalan diri. Pada tahun 2020, sebanyak 27 operasi dan 13 tangkapan, manakala pada tahun 2019, sebanyak 39 operasi dan 57 tangkapan yang telah kita buat. Kita juga bekerjasama dengan pihak SPRM bagi menyalurkan aduan dan mengambil tindakan terhadap pegawai dan kakitangan kita yang terlibat ke unit integriti dan juga kepada SPRM untuk siasatan lanjut.

Seterusnya, kita memperkemas sistem dan penyampaian JPN khususnya dalam SOP kita. Seterusnya, menambah baik perundangan dan juga peraturan sedia ada bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dan kawal seliaan urus niaga berkaitan dengan pengeluaran dokumen pengenalan diri di JPN. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

13. Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah usaha yang telah diambil oleh Kementerian bagi meningkatkan tahap aksesibiliti dan kebolegunaan- *usability*, kemudahan pengangkutan awam oleh golongan OKU di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Tuan Haji Hasbi bin Habibollah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Pengangkutan sentiasa menggalakkan penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam untuk menyediakan perkhidmatan yang inklusif kepada semua golongan termasuk golongan OKU selaras dengan Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 di bawah Strategi 3.4 iaitu memperkukuh infrastruktur pengangkutan awam dan memperluaskan penggunaan digital bagi meningkatkan ketersambungan.

Kerajaan telah menggariskan pelan tindakan untuk meningkatkan aksesibiliti di terminal penumpang dan pengangkutan awam untuk golongan OKU. Ini dapat dilipat melalui bas mesra OKU yang telah disediakan oleh perkhidmatan bas *Rapid* di luar Lembah Klang seperti di negeri Pahang dan juga Perak.

Selain daripada itu, pihak kementerian menjalankan audit secara berkala di hab pengangkutan dan perkhidmatan awam termasuk di kawasan luar bandar seperti audit yang telah diadakan di stesen KTMB Wakaf Baru Kelantan pada Februari 2020 yang lalu bagi memastikan ia boleh digunakan oleh golongan OKU.

■1130

Pihak kementerian juga menyediakan perkhidmatan udara luar bandar- *rural air service*, dengan izin, bagi menghubungkan pengguna termasuk golongan OKU di kawasan pedalaman di Sabah dan juga di Sarawak sejak 1 Oktober 2017. Kemudahan yang disediakan termasuklah kerusi roda dan perkhidmatan porter untuk membantu penumpang OKU sepanjang proses pelepasan dan juga ketibaan pesawat. Pihak kementerian juga sentiasa menggalakkan pihak NGO yang berkaitan untuk menyediakan perkhidmatan khas bagi membantu golongan OKU, dalam masa yang sama boleh memberi nilai tambah dan meningkatkan ekonomi golongan tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sesi soal jawab lisan berakhir.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan tamat]

Tuan Yang di-Pertua: Saya membuat sedikit penyampaian iaitu kita akan memberi perhatian yang berat terhadap soalan-soalan yang tidak sempat kita jawab, sama ada kita selepas ini mengehendkan jawapan bagi sesuatu soalan atau mencari jalan yang lain supaya satu perimbangan yang lebih diterima dapat kita wujudkan sebagai para Senator yang mempunyai tanggungjawab bagi mengemukakan soalan-soalan kepada Yang Berhormat Menteri bagi pihak kementerian.

Kedua ialah kita memberi isyarat awal kepada semua kementerian supaya memberi jawapan tegas, pendek dan jelas dan tidak meleret, tidak menghabiskan masa Dewan yang mulia ini. Begitu juga bagi semua yang mempersoalkan sesuatu isu, hendaklah padat, tepat dan mempunyai matlamat yang di sisi negara membantu. Dipersilakan, Setiausaha Dewan.

Tuan Liew Chin Tong: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada persoalan jawab. Soal itu sudah muktamad. Sila Setiausaha.

Tuan Liew Chin Tong: Berkenaan dengan- Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Setiausaha Dewan, sila.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 17(1)

Tuntutan Negara Filipina Terhadap Negeri Sabah

11.32 pg.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih. Seperti mana yang telah dimaklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua pada 4 September yang juga telah diluluskan oleh Pejabat Tuan Yang di-Pertua pada hari yang sama, saya memohon kebenaran mengusulkan bahawa Majlis Mesyuarat pada hari ini ditangguhkan bagi merundingkan perkara tertentu, berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1) iaitu satu tuntutan negara Filipina terhadap negeri Sabah. Diminta kebenaran Tuan Yang di-Pertua untuk saya membacakan teks usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Bahawa saya Yang Berhormat Senator Adrian Banie Lasimbang, mohon mencadangkan agar Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan mengikut Peraturan Mesyuarat 17(1) bagi membahaskan berkenaan tuntutan negara Filipina terhadap negeri Sabah baru-baru ini melalui pengeluaran satu peta yang menyatakan bahawa Sabah merupakan sebahagian daripada wilayah Filipina. Ini adalah satu tindakan provokatif yang menggugat dan mencabar kedaulatan negara Malaysia dan kedaulatan negeri Sabah yang berada dalam Persekutuan Malaysia.

Usul ini satu perkara yang mustahak bagi kedaulatan negara dan satu pelanggaran terhadap kerjasama serantau melalui ASEAN, serta melanggar perjanjian-perjanjian di peringkat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Usul ini juga usul yang berkehendak disegerakan kerana sebarang tindakan yang mempersoalkan kedaulatan negara Malaysia adalah satu isu keselamatan dan tidak boleh diambil ringan.

Tuntutan negara Filipina terhadap negeri Sabah telah menggugat ketenteraman dan menimbulkan kerisauan akan keselamatan di kalangan rakyat negeri Sabah, apatah lagi kehadiran pendatang tanpa izin dari negara Filipina yang cukup ramai di Sabah. Usul ini juga melibatkan kepentingan ramai kerana ia melibatkan persempadanan negara, penguatkuasaan undang-undang maritim dan imigresen.

Malaysia sebuah negara yang mengamalkan prinsip *non-confrontational* dalam menangani isu diplomatik, perlu membuat tindakan proaktif yang memerlukan tindakan yang pantas daripada kerajaan melalui Wisma Putra untuk menangani isu ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita semua sudah mendengar penyampaian menerusi Yang Berhormat. Saya telah menerima satu pemberitahu usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1) oleh Yang Berhormat Tuan Adrian Banie Lasimbang pada Jumaat, 4 September 2020. Teks usul itu adalah seperti yang telah dibacakan sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua, hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat, iaitu:

- (i) bahawa perkara itu tertentu atau spesifik;
- (ii) adalah bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) berkehendakkan disegerakan perkara tersebut.

Saya telah meneliti perkara ini dan mendapati bahawa dalam skop tertentu, perkara ini adalah perkara yang tertentu.

Kedua. Adakah ia merupakan kepentingan orang ramai? Benar, ia adalah bagi kepentingan orang ramai bukan sahaja di negeri Sabah tetapi juga bagi tanah air Malaysia yang tercinta.

Ketiga. Adakah ia berkehendak kepada tindakan disegerakan? Benar, perkara ini juga perlu disegerakan.

Oleh yang demikian, saya membenarkan usul ini untuk dibahaskan mengikut Peraturan Mesyuarat 17(3). Usul ini akan dibahaskan pada petang ini Isnin, 7 September 2020 di dalam Dewan ini. Saya membenarkan pihak pencadang untuk berbahas selama tidak melebihi 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan akan menjawab selama tempoh yang sama. Sekian, terima kasih dan ini diperbuat secara rasminya pada 7 September 2020.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Tuan Yang di-Pertua. Selamat tengah hari Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi saya telah mengemukakan satu usul, pemberitahuan usul.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soal lain.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Isunya hendak diputuskan ialah seperti yang telah disebutkan tadi. Apabila Tuan Yang di-Pertua berucap, Yang Berhormat hendaklah duduk dan isu itu terus sekali sekarang kita letakkan dalam pertimbangan dan segala isyarat serta prosedur hendaklah dipatuhi pada petang dan tempat serta masa yang telah ditetapkan tadi.

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul dibaca bagi menyambung semula perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih di atas Titah Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Majlis Parlimen Yang Keempat Belas." **[3 September 2020]**

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Ahli Yang Berhormat.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

11.38 pg.

Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh. Bismillahi Rahmani Rahim.* Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah sekali lagi buat Tuan Yang di-Pertua di atas penghormatan yang telah diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut berbahas Menjunjung Kasih Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah disampaikan dengan penuh makna. Sesungguhnya hari ini adalah hari yang

bersejarah buat saya, berucap buat pertama kalinya di dalam Dewan Negara, Dewan yang mulia ini dan dengan izin Ilahi akan saya galas tanggungjawab dan amanah ini seluruh jiwa dan raga saya. Saya berdiri di sini sebagai wakil OKU. Justeru, tumpuan serta isi kandungan sokongan saya ini akan berkisar akan kehendak dan aspirasi komuniti OKU di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya muliakan. Sebelum saya memulakan perbahasan ini, izinkan saya untuk kongsi maksud OKU menurut Akta OKU 2008. Kami ditakrifkan sebagai individu yang mempunyai kekurangan jangka panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat. Namun kita lupa bahawa proses semula jadi penuaan- *aging*, dengan izin, juga akan menyebabkan seseorang yang bukan OKU pada hari ini, menjadi OKU di masa akan datang seperti yang berlaku pada diri saya, sungguhpun ketika itu saya belum tua sangat.

■1140

Tuan Yang di-Pertua, suatu hari nanti kita semua akan menjadi OKU. Bila dan bagaimana, hanya Yang Esa sahaja yang tahu. Justeru, kita mesti pastikan hak OKU dipertahankan. Pastikan kemudahan OKU mengikut spesifikasi, sekolah dan komunikasi punya akses untuk pelbagai kategori. Kami diberi peluang untuk bekerja, terdapatnya perumahan dan sistem sokongan yang kuat. Izinkan saya sentuh mengenai intervensi awal. Impak positif intervensi awal bukanlah hanya kepada anak berkeperluan khas sahaja tetapi juga kepada ibu bapa dalam bentuk maklumat, latihan, bengkel, konsultasi serta kaunseling.

Sehingga kini, pusat intervensi awal yang dikelolakan oleh Kerajaan Persekutuan adalah GENIUS Kurnia, namun ianya masih tidak mencukupi. Kita perlukan sekurang-kurangnya dua buah pusat intervensi awal di setiap negeri serta tingkatkan tenaga pengajar di antara guru pendidikan khas dan ibu bapa. Ini bagi menampung peningkatan anak-anak istimewa di negara kita. Ianya adalah sesuatu yang perlu dijadikan sebahagian dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Saya juga ingin mencadangkan agar perkhidmatan intervensi awal bukan sahaja disediakan di klinik-klinik atau hospital tetapi disediakan juga di pusat-pusat jagaan, taska-taska serta kelas-kelas prasekolah. Pihak kerajaan juga harus wajibkan kanak-kanak yang mengalami perkembangan lewat dan kanak-kanak berisiko tinggi untuk ikuti program intervensi awal seperti yang dilakukan di beberapa negara Barat dan Eropah. Perkara ini mesti dikuatkuasakan di dalam akta OKU.

Intervensi awal yang teratur bakal menjimatkan perbelanjaan negara. Ini kerana ianya dapat kurangkan beban penyediaan pendidikan khas, kemudahan penjagaan dan kesihatan. Malah, bilangan kanak-kanak yang memerlukan perkhidmatan pendidikan khas juga akan berkurangan. Ringkasnya, intervensi awal boleh meningkatkan intelek, perkembangan fizikal dan penguasaan bahasa kanak-kanak berkeperluan khas.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pembelajaran sering dikaitkan dengan kanak-kanak autistik. Gangguan hiperaktif defisit tumpuan seperti ADHD, pembelajaran spesifik termasuk membaca, menulis dan mengira. Masalah intelektual, terencat akal serta masalah pertuturan. Autisme kian meningkat pada kanak-kanak di negara kita, dengan anggaran satu daripada 100 yang mengalaminya. Ketika ini juga, tiada pusat khas menempatkan dan menguruskan OKU autistik kronik agar masa depan mereka lebih terjaga dan terjamin.

Pusat penjagaan khusus perlu diwujudkan untuk mereka yang autistik seperti anak saya, sama seperti fasiliti yang disediakan buat anak yatim, warga emas, gelandangan dan miskin terbiar. Pusat penjagaan ini akan dapat membantu mereka berdikari dalam melakukan aktiviti harian, mengurus diri, berkomunikasi dan tingkah laku yang terkawal.

Di sini juga, saya ingin menyarankan agar kita sama-sama mempromosikan pentingnya kesihatan mental agar suatu hari nanti ia bukanlah sesuatu yang janggal untuk dibicarakan secara terbuka. Seperti yang sering saya kongsi, dengan izin, *just because you don't see it, it doesn't mean that it isn't there*. Sungguhpun ianya tidak dapat dilihat dengan mata kasar, tidak semestinya ia tiada. Saya berharap Tuan Yang di-Pertua, agar kita dapat berbicara mengenai masalah kemurungan dan mengenai penyakit mental seperti, dengan izin, *bipolar* atau skizofrenia sama seperti kita berbincang mengenai obesiti, denggi, HIV dan juga AIDS.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), 15 peratus daripada populasi sesebuah negara adalah komuniti OKU. Ini bermakna OKU di negara kita adalah 4.7 juta orang. Namun yang menyedihkan, akibat pengumpulan data dan pendaftaran OKU yang sangat lemah, bilangan OKU berdaftar setakat ini hanyalah sekitar 560 ribu orang sahaja. Di mana sahabat-sahabat saya yang lain? Mengapa mereka tidak mendaftar, di manakah mereka? Mereka adalah rakyat Malaysia. Mereka boleh membantu menjana pendapatan negara dan berhak untuk keluar mengundi untuk kesejahteraan semua.

Justeru, saya memohon agar kempen mendaftarkan OKU dipergiatkan dan dapat turun ke padang lebih menyeluruh agar OKU dan ahli keluarga mereka dapat tampil untuk berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang bertungkus-lumus untuk memberi sokongan. Selain itu, perlu ada juga pelaporan wajib bagi pendaftaran OKU seperti yang dilakukan bagi kes denggi, HIV mahupun COVID-19. Perkara ini sangat penting bagi memastikan tidak ada OKU yang tercicir dan terpinggir dalam arus kemodenan negara, dengan izin, *no one left behind*.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh satu perkara yang jarang diberi perhatian iaitu penyakit jarang jumpa atau lebih dikenali dengan izin sebagai *rare disease*. Terdapat antara 6,000 hingga 8,000 penyakit jarang jumpa di seluruh dunia seperti sindrom Kongenital, sindrom *Marfan*, sindrom *Prader Willi* dan sindrom Noonan. Kita tidak tahu mengenai sindrom-sindrom itu.

Namun, tidak semua Penyakit Jarang Jumpa ini mendapat rawatan yang sewajarnya. Hanya 85 pesakit daripada 222 pesakit yang dirawat dalam kumpulan sindrom Kongenital, 93 pesakit daripada 138 pesakit dirawat dalam kumpulan metabolisme tenaga dan hanya 34 pesakit daripada 120 pesakit yang dirawat dalam kumpulan penyakit *Lysosomal*.

Ibu bapa kepada pesakit-pesakit *Lysosomal* sukar sekali Tuan Yang di-Pertua, kerana setiap mereka perlukan RM1 juta setahun untuk anak mereka, untuk menahan kesakitan iaitu dengan terapi *enzyme replacement therapy* menerusi suntikan intravena. Sebilangan besar penyakit-penyakit ini dikaitkan dengan gangguan genetik dan ramai yang tidak fasih mengenai sindrom atau permasalahan mereka serta tidak mengetahui saluran rawatan yang tepat.

Penyakit jarang jumpa ini sukar untuk didiagnosis kerana kekurangan data penduduk tempatan mengenai keadaan pesakit-pesakit ini. Kekurangan kepakaran dan perkhidmatan sokongan sering mengakibatkan salah diagnosis dan kelewatan diagnosis. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, penyakit jarang jumpa tidak mendapat akses kepada rawatan yang mencukupi berbanding pesakit-pesakit kronik yang lain. Dengan itu, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan terutamanya Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Pertama, meluaskan kategori OKU yang sedia ada daripada tujuh kepada lapan iaitu dengan memasukkan penyakit jarang jumpa, dengan izin, *rare disorder* atau *rare disease* sebagai satu kategori yang baharu. Ini kerana kebanyakan penyakit jarang jumpa sukar ditakrifkan di bawah kategori sedia ada oleh JKM dan kini masuk di dalam kategori pelbagai. Namun, untuk mereka mendapat kad OKU, mereka mestilah ditakrifkan oleh pakar.

Kedua, dana kerajaan amat dihargai, namun jelas tidak mencukupi. Kelompok penyakit jarang jumpa ini memohon pertimbangan untuk diberi peruntukan atau dana khas agar mereka mendapat akses rawatan yang *optimal*.

Ketiga, kaunselor genetik amat diperlukan untuk memainkan peranan besar dalam menyokong pesakit dan keluarga.

Keempat, kesemua pendaftar penyakit jarang jumpa perlu disatukan. Maka, barulah kita punyai pangkalan data yang lebih kuat

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mencadangkan agar bahasa isyarat dijadikan bahasa ketiga dan perlu diterapkan dalam modul pendidikan di negara ini. Mempelajari bahasa isyarat bermula daripada peringkat sekolah dilihat penting bagi membentuk komuniti inklusif antara OKU pekak dan yang bukan OKU. Apabila bahasa isyarat dijadikan bahasa ketiga bermula daripada prasekolah atau sekolah rendah, akan mudahlah untuk berkomunikasi dengan mereka yang pekak dan bisu. Malah, kelebihan itu boleh membuka peluang untuk mereka menjadikan jurubahasa isyarat sebagai kerjaya.

Justeru, saya memohon kerajaan agar dapat menyokong Persekutuan Orang Pekak Malaysia dan Persatuan Jurubahasa Isyarat Malaysia (MyASLI) agar dapat melahirkan

jurubahasa isyarat bertauliah. Ini bagi menampung 40 ribu OKU pekak di mana kini hanya 60 sahaja jurubahasa isyarat yang sedia ada.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya rakamkan kepada Parlimen Malaysia kerana mencatat sejarah apabila menerima cadangan saya untuk diadakan khidmat jurubahasa isyarat ketika persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat berlangsung ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sentuh mengenai sektor pekerjaan dan pengangguran dalam kalangan OKU. Matlamat kerajaan dalam memastikan satu peratus OKU dalam sektor kerajaan masih tidak dapat dicapai walaupun sudah tiga dekad. Ini menunjukkan bahawa terdapat kepincangan yang perlu diperhalusi oleh semua pihak. Pihak swasta juga saya gesa agar memberi peluang kepada OKU di bawah payung mereka.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua serta barisan Yang Berhormat di dalam Dewan Negara yang saya muliakan ini, saya sendiri alami diskriminasi dan disisihkan selama enam tahun selepas menjadi OKU. Majikan lama saya tidak memberi saya peluang untuk saya kembali berkhidmat. Mungkin kerana saya tidak seperti dahulu, tidak boleh berdiri, tidak boleh bergerak dan mungkin tidak semanis dahulu.

Sukar saya bukan kepayang. Saya hanya makan nasi bercampur garam dan meminum air paip selama enam tahun. Daripada situ, saya berjanji bahawa saya tidak mahu sudah lihat sahabat-sahabat saya seperti meminta sedekah sedangkan ada di antara kami yang berkelulusan dan berpengalaman. Terus terang saya katakan Tuan Yang di-Pertua, bahawa kami bukan OKU kerana kami OKU, sebenarnya keadaan sekeliling dan persepsi manusia yang membuatkan kami tidak upaya.

Jelas kita perlu ubah persepsi daripada, dengan izin, *from charity base to right base approach*. Di sinilah pentingnya sahabat-sahabat media juga. Mereka bertanggungjawab untuk memberi kesedaran terhadap OKU dan memaparkan isu-isu mengenai kami dan rakan kami. Mereka boleh membantu agar masyarakat lebih peka, memahami dan empati terhadap saya dan sahabat-sahabat saya.

■1150

Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati, saya ingin bertanya kepada Kementerian Sumber Manusia apakah sebab utama pengambilan kerja OKU dalam sektor awam masih belum dicapai seperti ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10, Tahun 1998 dan bilakah jangkaan satu peratus pekerja OKU dalam sektor awam berjaya dicapai?

Pada pandangan saya jumlah peratus ini perlu dinaikkan kepada tiga peratus menjelang tahun 2021. Untuk pengetahuan, sehingga Disember 2019 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mencapai 1.87 peratus, Kementerian Pertahanan 1.32 peratus, sementara Kementerian Pembangunan Usahawan 1.07 peratus dan kementerian yang lain masih belum mencapai apa-apa peratus pun.

Tuan Yang di-Pertua, seperti orang Negeri Sembilan kata, dengan izinnya, *abih camano?* Terima kasih diucapkan kepada Kementerian Sumber Manusia dan PERKESO dalam melaksanakan Program Insentif Pengambilan Pekerja (*Hire Malaysia*) yang telah mengajikan pencari kerja tempatan di kalangan golongan mudah terjejas termasuklah OKU. Saya ingin mencadangkan agar program ini diteruskan dan diperluaskan terutamanya buat golongan OKU yang hilang pekerjaan akibat wabak pandemik COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adalah mengenai soal *accessibility* dan prasarana. Saya ingin bertanya apakah status dan pencapaian menerusi pelan induk *accessibility* yang telah diperkenalkan oleh kerajaan. Adakah ia akan diteruskan dan apakah penambahbaikan yang bakal dilakukan? Ketika ini *accessibility* kemudahan dalam dan luar bangunan serta ruang awam di dalam kawasan setiap pihak berkuasa tempatan (PBT) masih tidak memuaskan. Banyak lagi kemudahan awam tidak mesra OKU. Bukan itu sahaja, kemudahan kami sering disalahgunakan oleh orang bukan OKU. Seperti meletakkan kenderaan di parkir kami, menjadikan tandas kami sebagai stor simpan dan sebagainya.

Ia seolah-olah ramai di luar sana tidak sabar untuk menjadi sebahagian dari kami, tidak sabar hendak menjadi OKU. Jelas tiada penguatkuasaan adalah punca utama berlakunya perkara seperti ini. Kita bakal menuju pasca 2020 tetapi malangnya kemudahan negara ini masih tidak mesra OKU. *Accessibility* OKU bukan sahaja dari aspek persekitaran dan kemudahan, malah melibatkan pengangkutan, pendidikan, pekerjaan, perumahan, perbankan dan sebagainya.

Di sekolah rendah, menengah dan IPT saya mohon agar kemudahan dan infrastruktur dinaikkan taraf secara berperingkat bagi mempertingkatkan *accessibility* untuk sekolah dan IPT. Ini bagi memudahkan para pelajar berkeperluan khas sama-sama menikmati kemudahan asas. Bagi merealisasikan saat ini saya ingin memohon peruntukan yang lebih besar bagi menaik taraf sekolah dan IPT serta saya mohon agar akses audit dan pemantauan dilaksanakan bagi memastikan pengubahsuaian menepati MS 1184:2014, *Universal Design and Accessibility in the Built Environment of Practice*, dengan izinnya, seperti yang termaktub di dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1991, seksyen 34A.

Tuan Yang di-Pertua, kedaulatan undang-undang bermakna kerajaan dan rakyat keseluruhannya terikat oleh undang-undang dan wajib mematuinya. Justeru, izinkan saya kongsi secara ringkas tiga perkara yang berkaitan dengan undang-undang yang melibatkan OKU sebagai gambaran keseluruhan. Tiga perkara tersebut adalah kita perlu meminda fasal 8(2) Perlembagaan kita untuk melarang diskriminasi kecacatan.

Kedua, kita perlu meminda Akta Orang Kurang Upaya 2008 untuk memenuhi tanggungjawab Malaysia dalam Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya dan ketiga kita juga perlu meminda Akta OKU 2008 untuk memasukkan mekanisme penguatkuasaan.

Pertama, kita perlu meminda fasal 8(2) Perlembagaan kita untuk melarang diskriminasi atas sebab kecacatan. Artikel 8(2) Perlembagaan, kita melarang diskriminasi atas dasar agama, bangsa, keturunan, tempat lahir atau jantina. Walau bagaimanapun, kecacatan bukanlah salah satu alasan. Ketiadaan larangan itu tidak menggambarkan hasrat kita untuk menjadi negara maju dengan masyarakat yang inklusif. Terdapat lima negara di rantau Asia Timur dan Selatan yang secara *explicit* menjamin kesaksamaan atau tidak diskriminasi bagi OKU. Lima negara itu adalah Fiji, Nepal, New Zealand, Thailand dan Timor-Leste. Walaupun Nepal adalah negara berpendapatan rendah negara itu tetap melarang diskriminasi kecacatan dalam Perlembagaannya.

Dengan meminda fasal 8(2) untuk melarang diskriminasi kecacatan Malaysia akan melaungkan pesan yang kuat bahawa kita mesti berhenti mengasing dan memisahkan OKU dan mula menyerap dan mengintegrasikan mereka ke dalam masyarakat. Seterusnya kita perlu meminda Undang-undang OKU agar undang-undang tersebut beralih dari menjadi undang-undang pentadbiran kepada yang mempromosi, melindungi dan memastikan kenikmatan penuh dan saksama semua hak asasi manusia dan kebebasan asasi buat Orang Kurang Upaya.

Tuan Yang di-Pertua, kita akan dapat mencapainya dengan meminda Akta OKU 2008 agar selaras dengan izin, *Convention on the Rights of Persons with Disabilities* (CRPD) dan memasukkan mekanisme penguatkuasaan. Malaysia adalah negara pihak kepada CRPD. Selain terikat secara hukum untuk melaksanakan kewajipan kita dalam CRPD, kita harus menarik balik tempahan untuk Artikel 15 dan 18 dan menandatangani protokol pilihan CRPD.

Pada dasarnya, mekanisme penguatkuasaan bermaksud meminda Akta OKU agar mempunyai peruntukan mengenai bidang-bidang berikut, mendefinisikan diskriminasi dan gangguan dalam pelbagai aspek, menghuraikan ubat-ubatan yang ada sekiranya berlaku diskriminasi dan gangguan, mengeluarkan seksyen 41 dan 42 dari Akta OKU. Seksyen 41 dan 42 menghalang pemerintah dan penjawat awam untuk di saman kerana gagal memenuhi tugas dan kewajipan dalam akta. Membentuk suruhanjaya bebas yang dipertanggungjawabkan kepada Parlimen untuk memantau pelaksanaan Akta OKU.

Suruhanjaya untuk Orang Kurang Upaya ini harus diberikan kekuatan dan sumber daya yang diperlukan baik tenaga kerja atau dana untuk menyiasat aduan pelanggaran undang-undang Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Apabila ada aduan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, suruhanjaya harus terlebih dahulu menjadi orang tengah antara pihak-pihak. Sekiranya mediasi asing gagal, suruhanjaya harus membawa kes itu ke pengadilan yang juga harus dibentuk dalam undang-undang PBB.

Menubuhkan tribunal untuk menangani kes-kes yang melibatkan pelanggaran Akta OKU. Tribunal untuk OKU adalah mahkamah khas yang terdiri daripada pakar hak cacat. Tribunal ini memberikan akses keadilan yang jauh lebih murah dan cepat dan kurang

menimbulkan masalah dan tekanan daripada mahkamah biasa. Kerajaan bersama-sama dengan NGO perlu meningkatkan kesedaran mengenai hal ini. Ini adalah faktor kritikal dalam pengurusan penyakit yang jarang berlaku kerana ia membawa kepada penglibatan awam dan swasta yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini ingin berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah sudi untuk menaikkan bantuan Jabatan Kebajikan Negara (JKN) ke RM1,000, *insya-Allah*. Bertolak daripada itu, saya ingin memohon agar kerajaan dapat mempertimbangkan syarat pendapatan bulanan RM1,200 dan ke bawah bagi yang menerima elaun pekerja cacat (EPC) dinaikkan ke paras garis kemiskinan baharu ini saya pohon. Ini akan dapat membantu meningkatkan kualiti hidup OKU.

Sebelum saya tamatkan perbahasan saya ini, saya ingin menyampaikan warkah buat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri begini bunyi:

“Salam hormat buat Perdana Menteri yang kami sayangi. Semoga sudi membaca warkah dari hati, hati kami ini. Salam merdeka, namun maaf sebenarnya merdeka ini belum lagi milik sepenuhnya OKU di Malaysia.

Mungkin segelintir merasainya namun hakikatnya ramai daripada kami masih belum menikmati erti kemerdekaan kerana kami seperti dianaktirikan di negara kami sendiri. Bangunan tiada kemudahan OKU hanya di kota, di luar bandar masih infrastrukturnya lama dan kalau yang adapun tidak mengikut spesifikasi belaka. Tandas kami sering dijadikan bilik stor dan kalau masuk pun pintunya tidak boleh dikatup. Ram yang disediakan tingginya bak mendaki gunung dan curamnya bakal membawa bencana buat kami yang tidak kuat kudratnya. Jalan tidak mesra untuk kami guna, bagi yang buta tersadung sentiasa, yang berkerusi roda usahlah cerita. Pengangkutan awam untuk kami kebanyakannya di bandar sahaja yang di pedalaman terpinggir, duduk di rumahlah alamatnya, yang pekak usahlah cerita. Jurubahasa isyarat pun hanya kurang 60 jumlahnya.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kami ingin bekerja namun hanya segelintir yang mahu mengajikan kami yang selebihnya mengambil kerana terpaksa. Apa mereka ingat kami boleh menanggung anak-anak dengan menjual tisu belaka. Sekolah-sekolah masih belum mampu menerima kami kerana keperluannya berbeza dan guru-guru khas terlalu kecil jumlahnya sedangkan OKU di Malaysia semakin meningkat ramainya. Tidak cukup itu masyarakat salah gunakan kemudahan kami tandas, tempat letak kereta kami dicabuli seperti mereka tidak sabar untuk hidup seperti kami. Di mana penguatkuasaan yang dijanji?

Maaf Yang Amat Berhormat, sekiranya rintihan kami mengguris belaka tiada niat kami sebenarnya tetapi yang nyata semuanya berlaku kerana Akta OKU kami tiada taringnya. Ia tidak mampu mempertahankan hak kami yang seharusnya. Yang Amat Berhormat terima kasih dan syukur kami buat yang telah membantu sekiannya. Namun inilah hakikat hidup kami berat sungguh realiti di alami sanubari.

Aduhai Perdana Menteri yang dikasihi, kami anak bangsa pohon tolong usah endahkan kami, berikanlah hak kami, merdeka dan perkasakanlah hati dan jiwa kami. Ingin sekali kami ingin menikmati kemerdekaan seperti yang semua kecapai.” Sekian ucapan saya.

Terima kasih, dan saya menyokong Titah Yang di-Pertuan Agong. *Assalamualaikum.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba Radzi yang telah menyampaikan ucapan yang baik dan bernas. Terima kasih Yang Berhormat dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid Md Arip, silakan.

■1200

12.00 tgh.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah* saya aturkan segala syukur ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW. Tuan Yang di-Pertua, awal mula, pertama mula, saya bermula dengan melafazkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana terpilih dilantik menganggotai Dewan Negara ini. Jika ada perkataan lain selain daripada syukur, perkataan itu adalah junjung kasih.

Saya menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana memperkenankan pelantikan saya. Terima kasih yang tidak terhingga juga buat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana menyembah cadang nama saya kepada Yang di-Pertuan Agong. Syukur juga saya panjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izinnya jua dapat saya berdiri di sini untuk membahaskan usul menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan ini juga merupakan ucapan sulung saya di Dewan yang mulia ini selepas mengangkat sumpah jawatan pada 16 Jun 2020 yang lalu.

Sebelum saya melanjutkan ucapan membahaskan usul ini, saya secara peribadi ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang baharu, yang ke-18 dalam sejarah Parlimen Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, memulakan ucapan ini saya dengan penuh rasa terharu ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat dan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin di atas pemilihan dan pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8 oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah selepas mendapat kepercayaan majoriti Ahli Dewan Rakyat.

Jelas pelantikan Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin telah melalui semua proses yang selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan dibuat secara telus serta seadil-adilnya sebagaimana yang ditahankan tatkala baginda merasmikan

Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas di Dewan Rakyat pada 18 Mei lalu.

Hal ini turut diperkukuhkan lagi oleh Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sultan Sharafuddin Idris Shah sewaktu baginda merasmikan Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Ketiga Dewan Undang Negeri Selangor, apabila baginda bertitah bahawa Yang di-Pertuan Agong telah secara bijaksana menggunakan semua kuasa yang diperuntukkan sebelum proses pelantikan Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin dimuktamadkan.

Makanya, Kerajaan Perikatan Nasional yang terbentuk pada hari ini bukanlah kerajaan pintu belakang sepertimana di tuduh dan di *troll*, dengan izin, oleh pihak pembangkang. Sebaliknya Kerajaan Perikatan Nasional adalah kerajaan pintu istana yang sah menurut Perkara 48, Perlembagaan Persekutuan.

Justeru, apa jua istilah yang digunakan sama ada kerajaan pintu belakang atau tebuk atap istilah itu hendaklah dianggap sebagai *unparliamentary* atau bercanggah dengan peraturan Parlimen dan tidak boleh diizinkan digunakan di dalam Dewan yang mulia ini. Tuduhan seperti ini boleh dianggap sebagai menghina keputusan Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, dunia mengakui Malaysia berjaya menangani penularan wabak COVID-19. Kerajaan telah bertindak secara bijaksana tegas dan berani ketika membuat keputusan-keputusan penting sepanjang negara berdepan tempoh sukar ini. Dalam soal ini, keprihatinan kerajaan terserlah, kesusahan dan keperitan hidup rakyat- kerajaan dengan tangkas memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) berjumlah RM250 bilion serta Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA) sebanyak RM35 bilion baru-baru ini.

Ucapan syabas, tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga saya panjatkan kepada semua petugas barisan hadapan *frontliners* khususnya para doktor, jururawat, kakitangan hospital, polis, Angkatan Tentera Malaysia, bomba dan seluruh yang terlibat yang tidak dapat saya sebut satu persatu, yang sanggup berkorban nyawa demi keselamatan rakyat Malaysia. Tahniah juga buat Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham bin Abdullah yang bukan sahaja diangkat sebagai Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan 1442 Hijrah tetapi juga menerima gelaran Tan Sri daripada Yang di-Pertuan Agong.

Sebagai menghargai jasa besar ke semua petugas barisan hadapan ini, saya mencadangkan kepada Kabinet, Kementerian Kewangan dan kerajaan agar sagu hati khas secara *one-off* diberikan kepada mereka dan bantuan ini hendaklah sama rata. Dengan maksud sebagai contoh, jika Ketua Polis Negara menerima sebanyak RM1,000 maka anggota berpangkat konstabel juga mesti menerima jumlah yang sama iaitu RM1,000. Kepada mereka.

*Tetak-tetak batang mempelas;
Hendak dibuat pagar ciku;
Budi mu tuan tak dapat ku balas;
Ku kenang dikau dalam doa ku.*

Tuan Yang di-Pertua, saya terpenggil untuk menyentuh isu terkini iaitu isu bekalan air di negeri Selangor yang melibatkan jutaan penduduk di Lembah Klang. Sementara kita meletakkan sepenuh kepercayaan kepada wibawa Kerajaan Negeri Selangor dalam menangani krisis ini, saya juga mengalu-alukan pengumuman Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor untuk merobohkan kilang yang menjadi punca pencemaran air.

Namun, dalam masa yang sama, kita juga berharap jangan ada pula kilang lain yang wujud selepas ini yang menjadi penyebab pencemaran air di negeri Selangor. Dengan kata lain, belajar dan mengambil iktibar daripada kejadian yang berlaku di Selangor ini, saya menyeru langkah drastik dan holistik perlu dilakukan oleh semua kerajaan negeri dengan kerjasama agensi di peringkat negeri dan Persekutuan agar ianya tidak berulang di negeri-negeri lain.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada keadaan *new normal* ketika ini, saya berpendapat kerajaan perlu memikirkan idea-idea baru yang boleh diperoleh daripada rakyat. Justeru, saya mencadangkan agar diwujudkan satu unit khas di setiap kementerian untuk menilai *proposal* daripada rakyat yang tidak melibatkan implikasi kewangan kepada kerajaan. Jika idea atau *proposal* itu membina, kerajaan hanya perlu memberikan restu, jika ia bersifat perniagaan pula dipermudahkanlah dengan cara pemberian lesen, lantikan panel dan sebagainya. Jangan lagi dipersulit dan kerajaan harus berani untuk keluar daripada tata kelola konservatif.

Pendekatan baharu dan berani serupa juga harus diambil segera kerajaan dalam soal ekuiti bumiputera. Saya mengikut ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat baru-baru ini dan sebentar tadi yang menjelaskan bahawa kedudukan pemilikan ekuiti bumiputera ketika ini amat membimbangkan iaitu hanya 16 peratus, jauh daripada sasaran awal 30 peratus. Statistik ini membuktikan bahawa dasar *affirmative* yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baharu bukan sahaja perlu diteruskan tetapi mesti dipastikan pelaksanaannya dibuat secara tegas, telus dan disertakan dengan keberanian politik, bukan lagi bersifat retorik semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar COVID-19 telah memberi kesan yang amat ketara kepada ekonomi rakyat dan dalam ramai dalam kalangan rakyat yang kini hilang pekerjaan. Akibat COVID-19, Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia dalam kenyataannya semalamnya menyatakan seramai 500 ribu orang belia hilang pekerjaan, seramai 350,000 orang graduan tidak bekerja, seramai 200 ribu orang pekerja tempatan di luar negara hilang pekerjaan dan balik ke Malaysia.

Peluang pekerjaan baharu juga amat terbatas dan mereka berdepan kesukaran untuk menjalani kehidupan seharian. Menginsafi penderitaan rakyat ini, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan, Bank Negara dan institusi perbankan di negara ini kerana melaksanakan moratorium bermula Mac dan akan berakhir 30 September ini.

Walaupun kerajaan sudah mengumumkan moratorium tersasar bermula Oktober ini, tetapi realitinya rakyat khususnya daripada golongan B40, M40 dan peniaga-peniaga kecil masih belum berupaya untuk bangkit dan keluar daripada kesan COVID-19.

■1210

Mereka masih mengharapkan ihsan dan belas kasihan kerajaan dalam hal ini. Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan sudi apalah kiranya untuk kerajaan dan Perdana Menteri mempertimbangkan sementara moratorium tersasar itu dikekalkan, kerajaan perlu meneruskan moratorium automatik bentuk baharu dengan dibuat bayaran sebanyak 50 peratus sahaja daripada jumlah pinjaman untuk tempoh enam bulan lagi bermula Oktober depan. Saya penuh yakin dan percaya dengan kaedah ini, institusi perbankan tidak akan rosak dan apa yang paling penting, rakyat akan merasa lega serta terbela dengan kata lain, dengan izin, *win-win situation*.

Selain itu, sebagai langkah interim juga, saya mencadangkan agar kerajaan memanjang tempoh ansuran balik pinjaman bank daripada maksimum 10 tahun sekarang kepada antara 15 tahun hingga 20 tahun. Langkah ini akan dapat mengurangkan beban ansuran bulanan rakyat.

Dalam hal ini juga, saya ingin menarik perhatian kementerian kewangan dan Bank Negara supaya menyemak semula dan membuat ketetapan baharu, mana-mana pinjaman peribadi kakitangan awam yang membuat potongan melalui ANGKASA, tempoh bayaran balik dilanjutkan juga untuk tempoh 15 tahun hingga 20 tahun. Dengan cara ini, beban membayar balik pinjaman dapat dikurangkan dan lebih wang tunai daripada gaji mereka akan dapat mereka gunakan untuk menampung keperluan lain dalam kehidupan mereka.

Tanyalah kepada penjawat awam, pasti mereka bergembira jika kerajaan melaksanakan perkara ini. Saya bimbang, jika langkah-langkah segera seperti mana yang disebutkan tadi dipandang sepi dan remeh oleh pihak kerajaan, kes-kes pinjaman along akan kembali meningkat dan memuncak, terutamanya sebaik sahaja tempoh moratorium berakhir.

Tuan Yang di-Pertua, aspek terpenting yang perlu juga dijaga adalah soal perut rakyat. Ketika ini isu harga barang, terutamanya harga produk makanan harian yang terus kekal tinggi, termasuk harga beras menambah lagi keresahan rakyat. Sebenarnya, dalam isu harga beras ini, ada mekanisme khas untuk membolehkan harganya menjadi kompetitif dan lebih murah. Bagi maksud ini, kerajaan perlu memastikan wujudnya persaingan dan bukannya monopoli oleh kumpulan tertentu sehingga menyebabkan rakyat tiada pilihan dari segi harga dan kualiti.

Sudah sampai masanya untuk kerajaan bertindak dengan membentuk satu konsortium baharu bagi mengimport dan mengedarkan beras serta bukan lagi hanya membenarkan monopoli oleh BERNAS semata-mata. Oleh kerana dalam soal ini, perut jutaan rakyat, khususnya kelompok B40 perlu menjadi keutamaan dan bukannya terus menerus mengenyangkan kelompok kecil pihak tertentu sahaja. Dalam hal ini, saya mohon perhatian dari Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Di dalam suasana *new normal* ini, kerajaan perlu memberi penekanan yang lebih serius...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Boleh minta penjelasan?

Tuan Muhammad Zahid bin Md. Arib: ...Dalam soal penguasaan kutipan cukai.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Boleh minta penjelasan Yang Berhormat? Isu beras tadi.

Tuan Muhammad Zahid bin Md. Arib: Sila.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, isu yang diketengahkan oleh rakan saya ialah satu isu yang sangat penting. Bagi saya beras, nasi bukan sahaja dekat dengan rakyat biasa, malah rakyat-rakyat marhaen di bawah sana. Setuju kalau saya cadangkan kepada rakan saya, bahawa isu beras ini ada kaitan dengan isu monopoli. Isu persaingan. Kebetulan Kerajaan Malaysia juga telah mewujudkan Suruhanjaya Persaingan Malaysia yang mana banyak keputusan-keputusan penting telah dibuat. Malah, keputusan-keputusan mengenai monopoli *AirAsia* dan sebagainya, telah dibuat oleh suruhanjaya dengan baik.

Saya ingin cadangkan kepada rakan saya, setuju atau tidak isu ini, isu monopoli beras ini juga dirujuk kepada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang mempunyai kuasa untuk menentukan agar monopoli tidak lagi berlaku dan boleh menguntungkan seperti mana yang diilhamkan oleh rakan saya tadi.

Tuan Muhammad Zahid bin Md. Arib: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Senator Yusmadi. Saya bersetuju dan saya mahu ia dimasukkan dalam ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana *new normal* ini juga, kerajaan perlu memberi penekanan yang lebih serius dalam soal penguatkuasaan kutipan cukai. Kelemahan dan ketirisan dalam aspek penguatkuasaan ini menyebabkan negara hilang pendapatan dalam jumlah yang amat besar. Paling ketara, dalam soal penyeludupan rokok. Di mana banjir rokok-rokok tidak sah di pasaran tempatan menyebabkan negara kerugian cukai antara RM5 bilion hingga RM6 bilion setahun.

Nilai RM5 bilion hingga RM6 bilion ini bukanlah kecil, pada ketika ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan perlahan ketika ini. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh *Euromonitor International*, Malaysia berada di kedudukan teratas penyeludupan rokok dunia iaitu sebanyak 63 peratus. Aktiviti penyeludupan ini mencatatkan peningkatan ketara mulai tahun 2015.

Persoalannya, kenapa dan mengapa trend penyeludupan ini meningkat secara mendadak? Rekod yang dikeluarkan oleh *Japan Tobacco International* (JTI) menunjukkan sebanyak 62 peratus atau 12.2 bilion batang rokok di pasaran Malaysia adalah rokok seludup. Dengan kata lain, bagi setiap 10 batang rokok di Malaysia, enam batang daripadanya adalah rokok seludup. Saya percaya semua ini ada kaitan dengan *cartel*, kelemahan penguatkuasaan dan isu integriti pihak-pihak berwajib.

Perkara ini jika tidak di banteras dengan segera akan menjadi barah. Bagi tujuan itu, saya mendesak agar kerajaan memperkasakan *multi-agency task force* merangkumi Kastam, Polis, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Peguam Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta beberapa lagi agensi penguatkuasaan sedia ada yang lain.

Saya mencadangkan, langkah memperkasakan *multi-agency task force* ini juga perlu diperkukuhkan lagi dengan tindakan susulan berikut iaitu kita bekukan, *ban of transshipment*, dengan izin, melibatkan rokok dan arak. Ini kerana lopong yang ada di sebalik kebenaran *transshipment* inilah sebenarnya yang dieksploitasi oleh *cartel* untuk menyeludup rokok ke negara kita.

Saya difahamkan, *cartel* mengeksploitasikan Borang K8 untuk menurunkan kontena berisi rokok atau arak, kononnya untuk dihantar ke negara jiran melalui jalan darat kita tetapi kemudiannya, dengan bantuan penguat kuasa yang tidak berintegriti, rokok dan arak ini tidak pun sampai ke destinasi yang dituju, sebaliknya dilambakkan di pasaran gelap negara kita. Saya juga mencadangkan agar kerajaan mengambil langkah berani dengan hanya menetapkan *single point of entry* iaitu di Port Klang untuk laluan laut dan di KLIA untuk laluan udara. Jika semua ini dapat dilaksanakan, saya penuh yakin dan percaya, kerajaan akan dapat mengutip sekurang-kurangnya RM5 bilion pendapatan tambahan setahun dan ia dapat disalurkan kembali bagi menjana ekonomi rakyat.

Selain cukai ke atas rokok, kerajaan juga boleh menguatkuasakan cukai ke atas *vape* atau rokok elektronik yang menjadi kegilaan baharu rakyat ketika ini. Ini kerana berdasarkan kajian yang dibuat oleh KPMG, Malaysia sebenarnya mampu meraih pendapatan sehingga RM3 bilion hingga RM4 bilion setahun jika *vape* dikenakan cukai. Dalam hal kutipan cukai ini, saya mohon perhatian Kementerian Kewangan. Dalam hal menghalalkan isu penggunaan *vape*, saya mohon perhatian kefahaman dan tindakan kelulusan segera Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak sudah keresahan rakyat yang saya ketengahkan melalui Dewan yang mulia ini untuk perhatian serta tindakan kerajaan. Namun, tidak lengkap rasanya jika soal kebajikan kakitangan awam, khususnya pekerja kontrak dan sementara tidak diangkat. Kita tahu bagaimana tergurisnya hati kakitangan di kalangan penjawat awam ketika mana mereka diperlakukan dahulu oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Sudahlah kebajikan

mereka diabaikan, saiz penjawat awam juga mahu dikecilkan. Maka, di bawah Perikatan Nasional, nasib mereka harus dibela.

Pada ketika ini, terdapat kira-kira seramai 31 ribu orang kakitangan awam berstatus kontrak dan sementara, majoritinya sudah berkhidmat lebih dari lima tahun hingga 10 tahun. Akan tetapi nasib mereka masih terabai seperti dianaktirikan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya rata-rata pekerja kontrak dan sementara yang bekerja dengan kerajaan telah menunjukkan mutu kerja yang baik. Justeru, saya menggesa kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menyerap mereka ini ke status tetap. Dengan status tetap ini, mereka dapat pinjaman beli rumah, beli kereta, pencen dan sebagainya serta hidup mereka boleh terjamin.

■1220

Jabatan Perkhidmatan Awam perlu menyerap mereka ke status tetap secara berperingkat-peringkat. Jika kekangan kewangan menjadi hambatan, JPA boleh menyerap mengikut *batch* iaitu 5,000 untuk setahun. Buat permulaan, kumpulan sumber manusia terlatih berstatus kontrak ini boleh diserap ke jawatan kekal dengan menempatkan mereka di kementerian atau agensi yang kritikal. Untuk itu, saya berharap pada hari Rabu akan datang, Kabinet boleh membincangkannya dan seterusnya membuat ketetapan atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyentuh Kementerian Pertahanan, saya suka menarik perhatian berhubung perkembangan geopolitik di Laut China Selatan yang menyaksikan siri pencerobohan perairan negara oleh kapal-kapal dari China yang membimbangkan kita.

Selain diplomasi melalui meja rundingan, Angkatan Tentera Malaysia memerlukan aset ketenteraan yang bukan sahaja cukup tetapi canggih. ATM perlu pada sepanjang masa berada dalam keadaan siap siaga agar disegani oleh mana-mana pihak yang cuba membuat onar termasuk oleh negara kuasa besar. Mereka juga akan berfikir dua kali jika tentera kita mempunyai tahap peralatan yang cukup dan canggih.

Sehubungan itu, saya menggesa kepada kerajaan agar memberi keutamaan kepada Kementerian Pertahanan. Cukuplah aspek pertahanan sering kali dijadikan korban di mana peruntukannya dipotong pada setiap kali pembentangan bajet. Ancaman di Laut China Selatan adalah nyata dan dalam keadaan sekarang, kerajaan tidak boleh lagi lokek untuk memperkasakan ATM kerana harga maruah keselamatan serta kedaulatan negara tidak ternilai dan tidak boleh ditolak ansur.

Dalam hal ini, program *15 to 5* Tentera Laut Diraja Malaysia perlu disegerakan pelaksanaannya. Saya difahamkan ketika ini Tentera Laut Diraja Malaysia berdepan masalah kekurangan dan keusangan aset tempur. Tambah meresahkan, program perolehan kapal *littoral combat ship Gowind* sebanyak enam buah yang sepatutnya sudah diterima secara berperingkat oleh TLDM juga berdepan dengan masalah.

Begitu juga dalam aspek perolehan *squadron multirole combat aircraft* Tentera Udara Diraja Malaysia bagi menggantikan pesawat tempur MiG-29N yang telah ditamatkan perkhidmatan juga masih gagal dilaksanakan.

Pada masa yang sama, aspek kesejahteraan anggota tentera dan polis juga perlu diberi keutamaan dengan mempercepatkan pembinaan rumah keluarga anggota tentera di seluruh negara dan juga kediaman polis buat kira-kira 50 ribu anggota polis yang ketika ini terpaksa menyewa. Jika semua ini dapat dilaksanakan, saya percaya bukan sahaja soal kesiapsiagaan pertahanan negara mampu diperkasakan tetapi moral dan kebajikan anggota keselamatan khususnya tentera dan polis dapat dimantapkan. Saya mohon Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri menjawab persoalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut ingin menyentuh soal Kementerian Luar Bandar. Kita sedar ketika ini terdapat Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) yang khusus dibina untuk anak polis, anak tentera dan generasi kedua FELDA. Sebagai tambahan kepada MRSM sedia ada, sudah sampai masanya Kementerian Luar Bandar mempertimbangkan pembinaan sebuah lagi MRSM khusus untuk generasi kedua FELCRA agar anak-anak FELCRA juga berpeluang mendapatkan pendidikan terbaik. Dalam hal ini, saya mohon pertimbangan khas oleh Kementerian Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, kini sudah sampai masanya untuk Kompleks Seri Perdana dinaiktarafkan. Bukan lagi fungsinya hanya sekadar kediaman rasmi Perdana Menteri tetapi turut menempatkan pejabat serta kediaman rasmi Perdana Menteri sepertimana *White House* di Amerika Syarikat, dan *10 Downing Street* di England. Jika kompleks sebesar itu hanya menempatkan kediaman rasmi Perdana Menteri sahaja, saya bimbang ia menjadi seperti gajah putih sedangkan terdapat banyak ruang di kompleks berkenaan yang boleh dimanfaatkan.

Bagi maksud itu, saya mencadangkan satu akta dibuat bagi benar-benar melindungi kompleks ini. Maknanya, sesiapa juga Perdana Menteri yang menduduki Kompleks Sri Perdana selepas ini tidak boleh membuat pengubahsuaian termasuk hiasan dalaman sesuka hati dan adalah menjadi kewajipan untuk setiap Perdana Menteri tinggal di kompleks berkenaan kerana ia sudah disediakan oleh kerajaan.

Namun, untuk melakukan pengubahsuaian tersebut, tentulah ia melibatkan kos. Akan tetapi, ini bukanlah satu pembaziran, sebaliknya satu tamadun yang akan memulakan sejarah baru Malaysia.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya minta celah sikit, boleh?

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arib: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Tuan Zahid Md Arib. Apakah pembinaan Seri Perdana merupakan satu pembaziran kepada negara sebelum daripada ini? Terima kasih.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arib: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Razali.

Pembinaan Kompleks Seri Perdana merupakan idea hebat cetusan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika membangunkan Putrajaya. Saya tidak melihat itu sebagai satu pembaziran. Saya melihat itu permulaan kepada suatu sejarah baru Malaysia.

Namun, bangunan itu perlu dibaikpulih untuk maksud bagi menempatkan pejabat dan kediaman rasmi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ia dibangunkan dengan jiwa hebat dengan pemikiran yang hebat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memperbetulkan tuduhan yang tidak tepat dan tidak benar sama sekali ke atas saya. Saya bukanlah pencetus 'Langkah Sheraton' tetapi saya mengakui bersama beberapa teman yang lain mengerakkan langkah politik menyekat Dato' Seri Anwar Ibrahim dan DAP dengan restu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia ketujuh. Selebihnya ia sudah menjadi sejarah dan biarlah saya simpan demi hormat saya kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad, seorang negarawan terbilang dan ulung yang jasanya kepada bangsa dan negara cukup besar.

Apa pun, saya pasti secara peribadi, Tun Dr. Mahathir pastinya menjadi orang yang paling gembira dewasa ini. Cuma, kegembiraan beliau itu tidak terzahir dan tidak terucap. Matlamat beliau yang tidak mahu Dato' Seri Anwar Ibrahim menggantinya serta matlamat untuk mengekang kemaraan DAP sudah pun tercapai dengan jayanya.

Ramai yang bertanya kepada saya kenapa Tun Dr. Mahathir meletakkan jawatan. Jawapan saya, selain qada dan qadar, Allah SWT juga menetapkan bahawa sudah tertulis sejak azali lagi peletakan jawatan Tun Dr. Mahathir adalah menjadi 'rezeki' Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia kelapan.

*Tidaklah boleh selandak padi;
Sekamalah juga ditumbuk luluh;
Tidak boleh kehendak hati;
Kehendak Allah juga yang sungguh.*

Tuan Yang di-Pertua, negara kita baru sahaja menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-63 yang bertemakan *Malaysia Prihatin*. Syukur, nikmat keamanan dan kemerdekaan ini terlalu besar dan tidak ternilai hasil pengorbanan darah, keringat dan air mata para pejuang terdahulu.

Namun, dewasa ini kita perlu mengakui hakikat pahit bahawa semangat patriotik dalam kalangan rakyat semakin luntur sehingga ada yang tergamak melakukan

pengkhianatan dengan sengaja menggantung Jalur Gemilang secara terbalik. Kepada kelompok buta sejarah ini, saya berpesan, Jalur Gemilang bukan hanya sehelai kain dan patriotik pula bukan semangat lapuk tetapi lambang kedaulatan serta maruah negara di mana bumi dipijak, di situ langit kita junjung.

Baru-baru ini, sebagai umat Islam, kita pastinya terguris hati apabila ada seorang pemimpin politik tergamak menyamakan penghijrahan junjungan mulia Nabi Muhammad SAW ke Madinah sebagai pelarian. Lebih menyedihkan, pemimpin ini menggunakan Dewan Rakyat sebagai pentas menyampaikan pemikiran orientalisnya dan sehingga kini tidak menarik balik kenyataan tersebut ataupun meminta maaf.

Pada saya, ia penghinaan kepada Rasulullah SAW. Kenyataan itu bukan sahaja jauh tersasar daripada sirah nabi tetapi nampaknya pemimpin politik terbabit gagal memahami apa itu wahyu Allah. Bahkan, seingat dan sepengetahuan saya, belum ada lagi mana-mana institusi pendidikan di negara ini baik secara formal atau tidak formal yang menganggap hijrah agung Nabi Muhammad SAW sebagai pelarian.

Saya tidak tahu jika pemimpin tersebut mendapat tafsiran berkenan di Iran tetapi di negara ini, Islam adalah agama Persekutuan dan fahaman Islam kita adalah *Ahlul Sunnah Wal Jamaah*. Dalam hal ini, saya menuntut jawapan daripada Menteri di Jabatan Perdana (Hal Ehwal Agama) di Dewan yang mulia ini.

■1230

Tuan Yang di-Pertua, pada kesempatan ini juga izinkan saya memberikan pengiktirafan kepada Pakatan Harapan di atas satu kejayaan gilang-gemilang mereka ketika berkuasa dahulu kerana berdasarkan rekod, tiada mana-mana pihak sebelum ini berupaya melakukannya, hatta oleh Barisan Nasional meskipun parti itu memerintah negara selama hampir 61 tahun. Kejayaan ini pastinya tidak akan luput dalam sejarah Malaysia iaitu kejayaan membawa balik abu mayat Chin Peng dan seterusnya ditaburkan di sepanjang Banjaran Titiwangsa. Sesuatu yang ternyata amat susah dan payah untuk dilaksanakan oleh Barisan Nasional ternyata amat mudah dijayakan semasa pemerintahan 22 bulan Pakatan Harapan.

Pada masa yang sama, ada sesetengah Ahli Parlimen di Dewan Rakyat sana yang di dalam ucapan mereka menganggap Chin Peng sebagai pejuang kemerdekaan. Mereka sengaja mendendangkan retorik songsang bagi merobek dan menulis semula sejarah kemerdekaan negara mengikut acuan politik mereka. Hakikatnya, Chin Peng bukan pejuang kemerdekaan. Chin Peng adalah Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya (PKM) dan hakikat ini kekal selagi ada bulan dan matahari. Jangan kita lupa, sejarah mencatatkan negara selepas kita mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, Komunis pimpinan Chin Peng terus menyerang dan memerangi anggota pasukan keselamatan kita serta membunuh ramai yang tidak berdosa, tidak kira Melayu, Cina atau India. Ada yang cacat kekal, tidak sedikit anggota pasukan keselamatan kita yang hilang anggota badan akibat terkena *booby trap* dan ramai

yang menemui ajal. Keluarga hilang ketua, isteri menjadi balu dan anak-anak bertukar menjadi yatim piatu.

Kepada mereka yang sengaja buat-buat lupa kekejaman Komunis, suka saya mengingatkan dalam masa hanya 15 hari, Komunis mengambil alih kuasa daripada Jepun bermula pada 3 September 1945 sahaja, seramai 2,542 orang Melayu, Cina dan India telah dibunuh dengan kejam. Lima tahun kemudian, tragedi Bukit Kepong pula berlaku. Seramai 19 anggota polis dibunuh dan ahli keluarga mereka pula termasuk anak kecil dibakar hidup-hidup.

Pada 7 Jun 1974, Ketua Polis Negara ketiga, Allahyarham Tan Sri Abdul Rahman maut dibedil 11 das tembakan oleh penganas Komunis bernama Lim Woon Chong dan Ng Foo Nam. Tidak hanya polis Melayu, Ketua Polis Perak, mendiang Tan Sri Khoo Chong Kong juga dibunuh dengan cara yang sama, dengan amat kejam pada 13 November 1975.

Luka akibat perbuatan Komunis diketuai Chin Peng ini kekal berdarah terutamanya buat pasukan keselamatan kita sehingga hari Kiamat. Namun saya penuh yakin dan percaya, pada pilihan raya umum yang akan datang, khususnya kepada orang Melayu dan umat Islam di negara ini yang ada di dalam hati mereka sekelumit rasa kasih dan sayang kepada Chin Peng, pasti akan memberikan undi mereka kepada parti-parti dalam Pakatan Harapan dan Pakatan Harapan Plus.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, kepada Perdana Menteri dan kerajaan, lakukanlah apa juga perubahan demi kebaikan rakyat, suburkanlah semangat Rukun Negara kepada rakyat dan sentiasa memperingatkan rakyat tentang lima teras yang terkandung dalam prinsip-prinsip Rukun Negara.

Kepercayaan kepada Tuhan.

Kesetiaan kepada Raja dan negara.

Keluhuran Perlembagaan.

Kedaulatan undang-undang.

Kesopanan dan kesusilaan.

*Bunga melati tumbuh melingkar;
Harum mekar di taman hati;
Dengan helah pencak pendekar;
Takkan tergugat pahlawan sejati.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip. Macam-macam perkara baik yang dibangkitkan, beras, arak, hal-hal cukai dan bermacam-macam sampai kepada penjajah kepada Komunis punya perangai. Terima kasih ya.

Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew.

12.34 tgh.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja. Pada masa yang sama, saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abang Johari kerana mencalonkan saya untuk menjadi anggota Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan fakta sejarah penjajahan, Sarawak dan rakyatnya menjadi sebahagian daripada negara ini pada 16 September 1963. Butir-butir mengenai pembentukan dan sejarah dua wilayah Borneo sebelum tahun 1963 tidak diajarkan di sekolah dan universiti kita. Ia juga hilang dalam perbincangan nasional. Salah satu tarikh paling penting dalam sejarah negara kita, tidak diakui secara rasmi sehingga 10 tahun yang lalu. Terdapat banyak kejahilan dan kesalahfahaman hasil daripada ini.

Sebagai contoh, apakah takrifan “Persekutuan” dalam Perlembagaan kita? Adakah jawapannya: (a) Persekutuan Tanah Melayu 1957? atau (b) Persekutuan Malaysia 1963? Apakah yang telah diajarkan oleh Fakulti Undang-undang dalam kursus Perlembagaan kita? Lebih membimbangkan lagi untuk mengetahui Perlembagaan masih mendefinisikan Persekutuan sebagai Persekutuan Tanah Melayu 1957. Bagaimanakah kita menerangkan kepada rakyat Sarawak dan Sabah bahawa Persekutuan yang mereka bentuk adalah pada tahun 1963 dan bukannya 1957?

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kurang daripada satu minggu, kita akan menyambut Hari Malaysia sebagai cuti umum untuk kali kesebelas walaupun ia sepatutnya kali ke-57. Pengasingan peranan yang dimainkan oleh Sarawak dan Sabah dalam sejarah Malaysia merupakan babak yang amat menyedihkan bagi negara. Sambutan tahun ini akan diadakan di kampung halaman saya iaitu di Sibu. Anehnya, sambutan hari jadi negara telah diadakan di Sabah dan Sarawak selama empat tahun berturut-turut. Saya mencadangkan agar setiap ibu negeri di Semenanjung Malaysia menjadi tuan rumah bagi sambutan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1963, negara baharu Malaysia tidak menggunakan Perlembagaan baharu. Sebaliknya, Perlembagaan Tanah Melayu lama digunakan sebagai *template* untuk Perlembagaan baharu. Sebanyak 92 daripada 183 artikel telah dipinda, 32 artikel baharu telah ditambah, 11 artikel telah dikeluarkan, sembilan daripada 13 Jadual telah dipinda dan satu Jadual telah dikeluarkan. Pindaan besar-besaran ini dijalankan dalam masa yang singkat untuk mengkaji akibatnya. Walau bagaimanapun, dari tahun 1965 hingga 2013, banyak pindaan telah dibuat yang telah menjejaskan hak Sarawak dan Sabah. Dua keadaan

darurat telah diisytiharkan. Pertama ialah pada tahun 1966, khasnya menjejaskan Sarawak dan satu lagi pada tahun 1969 yang memberikan kesan kepada seluruh negara walaupun Sarawak dan Sabah tidak mengambil bahagian dalam rusuhan 1969.

Satu-satunya perlindungan sebenar yang diberikan kepada Sarawak dan Sabah di bawah Perlembagaan Persekutuan 1963 adalah satu per tiga Kerusi di dalam Dewan Rakyat telah dikhaskan untuk negeri-negeri bukan Tanah Melayu.

■1240

Ini termasuk 15 Kerusi bagi Singapura, terdapat 159 Kerusi pada tahun 1963 dengan negeri-negeri Tanah Melayu sebanyak 104 Kerusi, Sarawak sebanyak 20 Kerusi, dan Sabah sebanyak 16 Kerusi. Selepas Singapura berpisah dari Malaysia pada 6 Ogos 1965, 15 Kerusi telah dibatalkan dan bukannya diberi kepada Sarawak dan Sabah walaupun dituntut oleh kedua-dua negeri. Ini merupakan kes pertama penggunaan kuasa majoriti di Parlimen untuk mengatasi had dan perlindungan Sarawak dan Sabah. Banyak lagi kes berlaku berikutan daripada itu. Saya beri satu lagi contoh.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang berikut berkaitan dengan Akta Laut Wilayah 2012. Selaras dengan definisi sempadan Sarawak pada tahun 1963, sebagaimana yang ditafsirkan di bawah Sarawak dengan izin, *definition of boundaries order, North Borneo (Alteration of Boundaries) Order in Council 1954*, sempadan Sarawak sepanjang pantai ialah kurang lebih 350 batu nautika dari garis pantai, dengan izin. “*Sarawak territory is defined as the area of continental shelf being the seabed and its subsoil which lies beneath the high sea contiguous to the territorial waters of Sarawak.*”

Semasa darurat pada tahun 1969, Kerajaan Persekutuan telah memanjangkan *Continental Shelf Act 1966* dan *Petroleum Mining Act 1966*, dengan izin, ke Sarawak dan Sabah dan mengurangkan sempadan bagi kedua-dua negeri Borneo sehingga kurang daripada tiga batu nautika dan mengambil alih petroleum di luar tiga batu nautika dengan mengeluarkan dua perintah eksekutif iaitu, dengan izin, *Emergency (Essential Powers) Ordinance No.7 1966*, dan *Emergency (Essential Power) Ordinance No.10 1969* yang berkuat kuasa pada 8 November 1969. Kedua-dua perintah eksekutif tersebut tidak dibentangkan di Parlimen yang digantung pada masa itu.

Seksyen 4(2) Ordinan No.7 berbunyi seperti berikut dengan izin, “*For the purpose of the Continental Shelf Act 1966, the Petroleum Mining Act 1966, the National Land Code and any written law relating to land in force in Sabah and Sarawak, any reference to territorial waters therein shall in relation to any territory be construed as a reference to such part of the sea adjacent to the coast thereof not exceeding three nautical miles measured from the low-water mark.*”

Pembatalan *State of Emergency* pada tahun 2011 bermakna semua undang-undang yang telah diluluskan di bawah perintah eksekutif dihapuskan dalam masa enam bulan.

Kerajaan Persekutuan kemudian menggantikan Ordinan No.7 dengan meluluskan Akta Laut Wilayah 2012. Akta ini telah mengenakan sekali lagi hak sempadan Sarawak kepada tiga batu nautika.

Ini dilakukan tanpa persetujuan Dewan Undangan Negeri Sarawak dan tidak selaras dengan Perlembagaan yang menyatakan bahawa dalam Perlembagaan kita, Artikel 2. *“Parlimen boleh melalui undang-undang:*

(b) mengubah sempadan mana-mana negeri,

tetapi undang-undang yang mengubah sempadan sesuatu negeri, tidak boleh diluluskan tanpa persetujuan negeri itu (yang dinyatakan melalui undang-undang yang dibuat oleh badan perundangan negeri itu) dan Majlis Raja-Raja.”

Dengan ini, saya memohon Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan semua badan perundangan menegakkan Perlembagaan dengan meminda Akta Laut Wilayah 2012 dan mengecualikan Sabah dan Sarawak daripada akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, tahun tersebut saya juga merupakan tempoh penyertaan Sarawak dalam Malaysia. Kurikulum sekolah saya berubah. Saya mengenali sedikit sejarah Sarawak sepanjang tumbesaran saya. Malangnya, ini masih berlaku pada hari ini. Amat menyedihkan rakyat Sarawak masih dan terus tidak didedahkan dengan sejarah Sarawak di sekolah.

Namun, saya membesar dalam persekitaran yang berbilang kaum dan suasana yang riang. Ingatan saya pada satu peristiwa iaitu seorang sahabat Iban di sekolah saya, Sekolah Menengah... *[Sebutan kurang jelas]* Apa yang menyentuh hati nurani saya tentang isu prejudis dan diskriminasi. Saya mula menghargai nilai keadilan dan kesaksamaan. Dia ialah satu-satunya orang yang bertanya dan berkongsi pandangan mengapa harus orang India Amerika Syarikat iaitu orang *Indian*- Merah sentiasa perlu menjadi orang jahat dan dibunuh. Di masa itu televisyen hitam-putih, dan filem *cowboy* Barat adalah perkara yang lumrah pada masa itu.

Malangnya, terlalu banyak masa dan sumber telah dibazirkan dalam sektor pendidikan kita yang sering berlakunya pertukaran dasar dan percanggahan antara golongan progresif dan konservatif. Sukatan pelajaran pendidikan negara kita haruslah menekankan nilai sejagat dan kurang penekanan dalam agama.

Saya memetik perkataan berikut dari Nelson Mandela kerana kata-katanya benar-benar memberi kesan dengan keadaan kita di sini, dengan izin, *“Education is the most powerful weapon which you can use to change the world. The power of education extends beyond the development of skills which we need for economic success. It can contribute to nation building and reconciliation. Our previous system emphasized the physical and other differences of South Africans with devastating effects. We are steadily but surely introducing education that enables our children to exploit their similarities and common goals while appreciating the strength in their diversity”*.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu meningkatkan peruntukan pembelajaran dalam sistem kesihatan negara kita. Keadaan semasa dengan pandemik COVID-19 memberi kesan yang amat besar kepada masyarakat yang sektor kesihatan pula menanggung beban besar tersebut. Kita perlu melatih dan mengekalkan kakitangan kesihatan terbaik kita. Kita perlu melabur dalam kemudahan baru.

Dalam bidang ini, bandar dan kampung di Sarawak dan Sabah amat memerlukan kemudahan kesihatan yang lebih baik. Terdapat perbezaan yang ketara dari segi pelaburan dan kemudahan di Semenanjung berbanding dengan Sarawak dan Sabah. Sarawak tidak boleh dianggap sebagai salah satu daripada 13 negeri dalam pembahagian peruntukan dana pembangunan dan sumber manusia.

Sarawak menghadapi masalah yang sama ke atas tenaga kerja di hospital di Sarawak. Saya beri contoh, baru-baru ini terdapat 102 jawatan pegawai perubatan tetap yang terdapat di hospital Sarawak.

■1250

Walau bagaimanapun, kurang 10 peratus daripada jawatan ini telah ditawarkan kepada pegawai perubatan di Sarawak. Seramai 30 orang pegawai perubatan daripada Semenanjung Malaysia yang ditawarkan jawatan tetap menolak tawaran tersebut.

Namun, 30 jawatan tetap ini tidak ditawarkan kepada pegawai perubatan di Sarawak. Sebaliknya, mereka kemudian ditawarkan kepada pegawai perubatan lain dari Semenanjung Malaysia. Terdapat 39 peratus klinik kesihatan di Sarawak yang tidak ada pegawai perubatan. Kesemua klinik ini terletak di kawasan pedalaman. Sebanyak 152 daripada 216 buah klinik iaitu sebanyak 7.7 peratus tidak dilengkapi makmal dan 192 daripada 216 buah klinik komuniti iaitu sebanyak 90 peratus tidak menawarkan perkhidmatan X-ray di Sarawak.

Dari seluruh populasi doktor di Malaysia, hanya tujuh peratus berkhidmat di Sarawak. Dari seluruh populasi doktor yang berkhidmat di sektor awam, hanya 8.4 peratus yang berkhidmat di Sarawak. Manakala, hanya 3.4 peratus daripada seluruh populasi doktor di sektor swasta berkhidmat di Sarawak. Hanya 6.5 peratus daripada seluruh populasi pakar perubatan berkhidmat di Sarawak. Secara keseluruhannya, nisbah populasi doktor di Sarawak adalah 1:892.

Berikut adalah nisbah mengikut bahagian. Di Bahagian Kuching adalah 1:604, Bahagian Kapit adalah 1:1,721, Bahagian Mukah adalah sebanyak 1:2,038. Berbanding dengan nisbah di Lembah Klang iaitu sebanyak 1:150. Di sini, saya ingin bertanya, berapakah perbelanjaan kesihatan per kapita bagi seluruh negara secara amnya dan bagi Sarawak secara khasnya?

Untuk kesihatan awam, jawatan dan pengisian pakar yang kritikal adalah pakar perubatan keluarga, dengan izin, *family medicine specialist*. Di Betong dan Mukah, tidak ada seorang pun pakar perubatan keluarga. Keadaan ini berlaku kerana kebanyakan pakar

perubatan keluarga adalah dari Semenanjung dan kurang ada dari kawasan tempatan. Bagi bahagian perubatan, kekurangan bidang kepakaran yang kritikal adalah dermatologi, neurologi, *cardiothoracic*, *neurosurgeons*, *plastic surgeons* dan forensik, dengan izin. Sudah tiba masa untuk kuasa autonomi bagi bidang pendidikan dan kesihatan tersebut dikembalikan kepada Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Lembangan Rajang, secara amnya dan Sibu secara khasnya telah memberikan sumbangan besar kepada negara dari segi sumber manusia melalui populasi pendidikan tinggi sebagai ahli pasukan keselamatan dan sumbangan kewangan dalam bentuk cukai yang dibayar kepada Kerajaan Persekutuan. Malangnya, Sibu dan bandar-bandar sekitarnya kini dalam keadaan padat dan juga semakin menurun.

Anak-anak muda kita tidak kembali. Kawasan rendah dan tebing sungai selalu dilanda banjir. Projek tebatan banjir yang diluluskan untuk Sibu mula berjalan pada tahun 2008, tetapi, masih belum disiapkan. Setakat ini, tujuh stesen pam telah siap dibina dan dua buah stesen pam lagi masih dalam proses. Lima buah stesen pam lagi dengan dua lagi pematang masih belum dibina. Mujur, Kerajaan Sarawak telah bertindak dengan memperuntukkan RM120 juta untuk melaksanakan fasa empat yang akan termasuk pembinaan dua buah stesen pam dan pematang sepanjang 1.5 kilometer, walaupun bidang kuasa projek tebatan banjir ini di bawah Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan Sarawak terpaksa bertindak sekarang untuk meringankan masalah banjir yang berterusan. Sarawak menyumbang begitu banyak cukai dan 55 peratus daripada minyak dan gas kepada peti persekutuan. Dengan wang yang telah kami tinggalkan, Kerajaan Sarawak masih perlu menjalankan kerja yang memberikan manfaat kepada rakyatnya, walaupun ia adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Justeru itu, saya menggesa Kerajaan Persekutuan supaya menyegerakan pembiayaan projek tebatan banjir fasa lima yang melibatkan tiga stesen pam dan pematang sepanjang 3.5 kilometer dengan anggaran kos sebanyak RM280 juta.

Kawasan persekitaran Sibu berada dalam keadaan yang teruk. Usaha perlu dilakukan untuk kawasan Sibu yang kopak kapik. Rumah, jalan raya, longkang dan tangki septik berada dalam keadaan buruk. Terdapat beberapa cadangan pembaharuan bandar yang diluluskan dilakukan sejak 20 tahun yang lalu. Apa yang terakhir dilakukan oleh Jabatan Landskap Negara di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada tahun 2013. Akan tetapi, cadangan itu belum dilaksanakan.

Saya berikan satu lagi ilustrasi mengenai kekurangan pembiayaan Kerajaan Persekutuan untuk Sarawak. Saya pernah menjadi Timbalan Pengerusi Majlis Daerah Luar Bandar Sibu sebelum dilantik sebagai Senator. Kawasan yang diliputi oleh Majlis Daerah Luar Bandar Sibu ialah 5,870 kilometer persegi sebagai perbandingan keluasan negeri Melaka

adalah 1,660 kilometer persegi. Negeri Sembilan adalah 6,686 kilometer persegi. Negeri Perlis pula adalah 820 kilometer persegi.

MDLBS cuma menerima sebanyak RM1 juta dan RM1.2 juta pada tahun 2020 dan tahun 2019 bagi projek BP1 di bawah KPKT. Setiap tahun ia mendapat kira-kira sebanyak RM10 juta di bawah *Malaysian Road Records Information System* (MARRIS), dengan izin, jumlahnya sedikit dan tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan satu lagi isu iaitu duti setem dan Cukai Keuntungan Harta Tanah. Saya mencadangkan bahawa duti setem bagi transaksi tanah dan cukai peruntukan harta tanah ataupun, dengan izin, *Real Property Gains Tax* (RPGT) dimansuhkan bagi Sarawak. Ini kerana, selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, tanah dan hasil yang dikutip daripada tanah adalah di bawah bidang kuasa Sarawak. Justeru itu, Kerajaan Sarawak seharusnya mempunyai kuasa untuk memungut cukai ke atas kedua-dua perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Wawasan 2020 diumumkan pada tahun 1991, rakyat amat mengharapkan sebuah negara yang lebih baik, inklusif dan progresif. Tahun 2020 telah tiba dan malangnya banyak perkara yang diharapkan tidak terlaksana. Kita memerlukan dasar sederhana di mana bakat dan kesungguhan usaha dihargai, tanpa mengira warna kulit dan kepercayaan agama yang kita ada. Sejarah telah menunjukkan kepada kita bahawa ini adalah satu-satunya jalan untuk mentadbir dan memberi manfaat kepada rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat banyak lagi?

Tuan Robert Lau Hui Yew: Dua minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Lekas. Tolong gulung. Terima kasih.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Kita telah mendengar banyak... *[Disampuk]*

Tuan Nga Hock Cheh: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Nga Hock Cheh: Saya hendak tanya Yang Berhormat di atas isu cukai keuntungan tanah, Kerajaan Sarawak ada mencadangkan untuk membawa isu ini kepada Mahkamah Persekutuan untuk menentukan sama ada kutipan oleh Kerajaan Persekutuan tegas dengan Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terdapat informasi, saya kira kerajaan negeri belum *take legal action* berkenaan hal ini. Akan tetapi, Kerajaan Negeri Sarawak sudah berunding bersama Kerajaan Persekutuan untuk hal ini dipulangkan kembali kepada Sarawak.

Pergi ke mahkamah ialah *last resort*. Kita mesti berunding, *we have to talk, negotiate*.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, sila.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Kita telah mendengar banyak tentang frasa perpaduan dalam kepelbagaian, dengan izin, *unity in diversity*. Ini adalah penting dalam masyarakat berbilang kaum jika kita ingin maju sebagai sebuah negara.

Walau bagaimanapun, saya ingin menerangkan bahawa perpaduan bukan keseragaman, dengan izin, *unity is not uniformity*. Rakyat Sarawak dan Sabah terdiri daripada latar belakang yang berbeza dengan lebih daripada 50 kaum dan suku kaum. Kita perlu belajar hidup bersama-sama tanpa provokasi, bangsa dan agama. Impian tanpa berarahan dan pelaksanaan tanpa komitmen akan gagal.

Saya akhiri dengan petikan dari Nelson Mandela lagi, dengan izin, "*Action without vision is only passing time, vision without action is merely day dreaming, but vision with mission can change the world*". Tuan Yang di-Pertua, sebelum berundur diri, izinkan saya berakhir dengan serangkap pantun.

*Jalan-jalan ke pantai damai;
Singgah Sibul membeli dawai;
Pelitup muka sentiasa dipakai;
Norma baharu perlu disemai.*

Timbalan Yang di-Pertua: Bagus terima kasih. Tahniah, tahniah.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terima kasih. Dengan ini saya mohon menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih banyak-banyak. Jadi, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew.

Hari ini tiga orang tokoh-tokoh Dewan Negara sudah berucap. Macam-macam poin ditimbulkan daripada Yang Berhormat Senator Ras Adiba, Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid dan juga tadi saya dengar apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid- sampai dia kata, Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin jadi Perdana Menteri, dia kata itulah ketentuan Allah. Tuhan tentukan dialah menjadi Perdana Menteri. Bak kata pantun orang Melayu...

*Buah mangga, buah bacang;
Kalau masak boleh dimakan;
Kita hanya boleh merancang;
Allah sahaja yang menentukan.*

Itu dia ya. Kita rancang. Jadi, terima kasih semua pandangan yang baik. Sekarang jam pukul 1 lebih sikit, saya tangguhkan Mesyuarat sehingga jam 2.30 petang. Sekian, *assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.04 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang]

■1430

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera Ahli-ahli Yang Berhormat yang dihormati dan kita sambung kita punya perbahasan. Saya jemput Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh. Dipersilakan.

2.32 ptg.

Tuan Nga Hock Cheh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang diberi kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2020 adalah satu tahun yang memang bersejarah di negara kita. Ini adalah tahun penghabisan Wawasan 2020. Lagipun, dalam tahun ini kita menyaksikan pandemik COVID-19. Nasib baik kita ada satu Ketua Pengarah yang bijaksana menyediakan SOP menjaga pandemik ini *from spreading*.

Bukan sahaja pandemik COVID-19, kita juga menyaksikan satu COVID-2020 yang mana Ahli Politik Yang Berhormat pun tukar parti menyebabkan ketidakstabilan di negara. Masa musim hujan, kita nampak katak lompat sini sana. Lepas PRU-14, kita pun nampak satu spesies yang lain, juga melompat. Ia cari apa yang boleh dapat dengan cepat dan dalam proses membawa ancaman kepada negara kita. Putrajaya bertukar tangan, diikuti dengan Johor, Melaka, Perak dan juga Kedah.

Malangnya, kita tidak ada apa-apa undang-undang untuk mengawal COVID-2020 tersebut. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri kepada soalan lisan saya, sama ada kerajaan berniat untuk menggubal pindaan Perlembagaan supaya melucutkan kelayakan seorang Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) sekira beliau tidak lagi seorang ahli kepada parti politik yang mana beliau bertanding dalam pilihan raya.

Jawapan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) adalah berikut, "*Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kerajaan berpandangan bahawa setiap warganegara masih dijamin hak untuk bebas berpersatuan yang selaras dengan Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan. Hak untuk bebas berpersatuan ini turut telah dibincangkan dalam keputusan besar Mahkamah Persekutuan dalam kes Dewan Undangan Negeri Kelantan and another vs Nordin bin Salleh [1992] 1 CLJ 343.*"

Perenggan kedua; *“Namun, sekiranya kerajaan berpandangan terdapat keperluan untuk menggubal Undang-undang Lompat Parti ini pada masa yang akan datang, kajian terperinci akan dilakukan termasuklah dengan mengadakan perbandingan best practice dengan negara-negara lain”*. Perenggan yang akhir, *“Kajian secara terperinci ini perlu dilakukan memandangkan perkara ini bercanggah dengan Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan iaitu hak membentuk persatuan dengan syarat ia tidak membabitkan soal keselamatan, ketenteraman awam atau prinsip moral. Pihak kerajaan juga perlu mengadakan konsultasi dengan pelbagai pihak lain termasuk badan bukan kerajaan dan parti politik jika ia hendak digubal kelak”*.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sepatah dua *in English. The Judicial has position in Nordin’s case- lack foresight. The Executive is slow to act, even on hindsight. The Electorate is ignored and cast aside. The rakyat remains prisoner with no relief in sight.*

Kalau kita kaji jawapan yang diberi, kementerian tersebut- Yang Berhormat Menteri tersebut tidak buat apa-apa rujukan kepada Artikel 10(2)(c) yang berbunyi seperti berikut; Artikel 10(2)(c); *“Parlimen boleh melalui undang-undang mengenakan- (c) ke atas hak yang diberikan oleh perenggan (c) Fasal (1), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, ketenteraman awam atau prinsip moral”*.

■1440

Tuan Yang di-Pertua, di pilihan raya, pengundi-pengundi ada pilih seseorang calon atas parti yang dia mewakili. Itu adalah satu mandat dan amanat yang diberi oleh pengundi-pengundi. Kerajaan pun dipilih atas mana-mana calon parti yang majoriti. Akan tetapi kita ada satu *defection*, pembelotan yang berlaku di negara kita. Biar saya rujuk terlebih dahulu kes Nordin.

Dengan ringkasnya, dalam kes Nordin, dia dan seorang kawan bernama Wan Mohamed Najib bertanding atas platform Semangat 46. DUN Kelantan ada satu undang-undang, *Article XXX1A “Vacation of seat due to resignations, etc., from political party.” In English it reads, “If any member of the Legislative Assembly who is a member of a political party resigns or is expelled from, or for any reasons whatsoever ceases to be a member of such political party, he shall cease to be a member of the Legislative and his Seat shall become vacant.”*

Dalam kes ini, selepas Kerusi beliau dilucutkan, dia bertanding pilihan raya kecil tetapi kedua-duanya kalah. Selepas mereka kalah, mereka bawa tindakan mahkamah untuk mencabar sama ada peruntukan di dalam Perlembagaan Kelantan yang tadi saya sebut, sah atau tidak memandangkan Artikel 10(1)(c).

So, Mahkamah Agung memutuskan bahawa peruntukan itu tidak sah, sebuah Dewan Undangan Negeri tidak boleh mengubah apa-apa undang-undang yang bercanggah dengan

Artikel 10(1)(c). Saya rujuk kepada *report* di [1992] 1 MLJ 697 di perenggan muka surat 711. Dalam kes tersebut, Mahkamah Agung mengikuti keputusan minoriti di dalam satu kes dari India iaitu *Mian case*.

Ketua Hakim, Yang Amat Arif Abdul Hamid Omar menyatakan seperti berikut, “*The positions in this country cannot however be said to be similar to the position in India then, for the background events to which we have briefly referred have no parallel here. Certainly, no attempt whatsoever was made either by the introduction evidence or even by way of argument to establish the contrary.*”

In any event, it is axiomatic that the highest of motives and the best-known of intentions are not enough to displace constitutional obstacles, so that the background events which led to the passing of the impugned legislation in Jammu and Kashmir are, with all due respect to the Acting Chief Justice, irrelevant to the question of its constitutional validity.”

Pada pandangan Ketua Hakim masa itu, dia cakap di Malaysia kita tidak ada lompat parti yang serius tetapi sekarang masa sudah bertukar. Yang Berhormat suka lompat parti. Sudah banyak tahun ini kita nampak. Akibat juga- adakah ini secara proses *Parliamentary democracy*? So, saya...

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak celah sedikit boleh?

Tuan Nga Hock Cheh: *What did you say?*

Datuk Razali bin Idris: Saya hendak celah sedikit. Saya agak bersetuju dengan hujahan yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh sebab dia seorang *lawyer*. Saya hendak tanya pandangan sedikit.

Kalau diwujudkan undang-undang anti lompat parti seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator, sesiapa sahaja Yang Berhormat yang keluar parti dan kerusi itu terpaksa dikosongkan. Jadi, dekat sini mengikut apa yang saya faham, si lompat parti ini tidak boleh bertanding di tempat yang dia lompat. Maksudnya, undang-undang kita juga mengatakan bahawasanya kalau kita *resigned as a* Yang Berhormat ataupun kita lompat, so kalau kita hendak bertanding balik di kawasan yang sama, tidak boleh. Apa pandangan Yang Berhormat Senator?

Tuan Nga Hock Cheh: Memang betul. Itu dalam Perlembagaan Persekutuan. Jadi, itu kita kena kaji semula. Saya diberi faham, peruntukan itu bukan asal dalam Perlembagaan Persekutuan. Ia dimasukkan kemudian sebab *development in politics in Malaysia. It was put probably due to one MP ‘down’ from the south and that amendment was introduced. So, it can be overcome.* Kalau semua Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat dan Dewan Negara bersetuju, Perlembagaan boleh diubahsuai. Itu bagus sekali sebab lain hari susah hendak bagi ini diusulkan. Itu perlu dapat dua pertiga majoriti di Parlimen dan juga di Dewan Negara.

So, sementara lebih baik kita gubalkan satu *act- anti-hopping act* untuk mengawal situasi yang kita hadapi sekarang. So, Yang Berhormat perlu fikir baik-baik bila dia mahu lompat parti. Itu ada dalam pilihan Yang Berhormat tersebut sendiri.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Yang Berhormat, boleh mohon penjelasan? Boleh mohon penjelasan? Yang Berhormat, ini satu tajuk perbahasan yang menarik perhatian saya, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat mencadangkan bahawa satu undang-undang anti lompat parti diperkenalkan. Sebelum perkara tersebut dicadangkan, saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat. Adakah peruntukan Perlembagaan sekarang ini, yang sedia ada sekarang ini, sekiranya dibaca dengan asas falsafah demokrasi yang betul, ia juga mampu mengekang perbuatan melompat parti.

Apa yang saya maksudkan ialah sekiranya apa yang dimaksudkan itu ialah *representative democracy* iaitu demokrasi berwakil. Maksudnya, kita betul ada hak untuk mengambil bahagian tetapi kita perlu mendapat watakah presiden parti kita. Pada pilihan raya yang lalu, saya difahamkan yang mana bertanding di atas lambang parti Keadilan perlu mendapat watakah daripada Presiden Parti Keadilan.

Jadi maksud saya itu, ia bukan lagi dalam konteks seperti zaman Greek yang dipanggil *direct democracy* yang mana kita bertanding di atas kapasiti kita secara peribadi. Akan tetapi apabila berkembangnya politik moden ini, berlakulah *representative democracy*. Oleh sebab itu, sekiranya Perlembagaan Malaysia sekarang ditafsirkan bahawa kepercayaan Ahli Dewan Rakyat tersebut bukanlah beliau secara individu

■1450

Akan tetapi beliau yang mewakili parti beliau. Jadi, sebenarnya keyakinan yang perlu digunakan itu ialah keyakinan dalam konteks *representative democracy*, bukan *direct democracy* di mana Ahli-ahli Yang Berhormat dengan sewenang-wenangnya boleh menarik rakan-rakan Ahli Dewan Rakyat yang lain di atas kapasiti individu.

Jadi persoalan saya ialah adakah konteks perlembagaan kita sekarang ini ditafsir di dalam konteks falsafah demokrasi yang betul? Ini kerana apabila saya baca laporan *Reid Commission*, Tuan Yang di-Pertua, dia kata dia bagi kepada kita ialah *parliamentary democracy*. Jadi, benda itu bukan satu benda yang kosong, bukan vakum, dia ada falsafah dia. Saya minta pandangan Yang Berhormat. Kalau maksudnya *representative democracy*, jadi Ahli-ahli Yang Berhormat itu tidak sewenang-wenangnya boleh membuat keputusan sendiri seperti dalam konteks *direct democracy* yang sebelum ini.

Tuan Nga Hock Cheh: Saya setuju seratus peratus dengan Yang Berhormat Senator dari *Penang*. Boleh saya sambung, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Nga Hock Cheh: Dalam masa yang sama, di negara India, ada satu kes yang masyhur lagi iaitu Kihoto Holohan lawan *Zachillhu and Others, 1992 supplementary to*

Supreme Court case, muka surat 651. Saya mahu petik satu dua perenggan untuk makluman Dewan yang mulia ini. Di muka surat 668 perenggan empat adalah berbunyi seperti berikut.

“Before we proceed to record our reasons for the conclusions reached in our order dated November 12th, 1991 on the contentions raised and argued, it is necessary to have a brief look at the provisions of the Tenth Schedule. The statement of Objects and Reasons appended to the Bill which was adopted as Constitution (52 Amendment) Act, 1985 says,

“The evil of political defections has been a matter of national concern. If it is not combated, it is likely to undermine the very foundation of our democracy and the principles which sustain it. With this object, an assurance was given in the Address by the President to Parliament that the Government intended to introduce in the current session of Parliament an anti-defection bill. This bill is meant for outlawing defection and fulfilling the above assurance.”

In their to action in the perenggan 9, Tuan Yang di-Pertua, berbunyi, “This brings to the fore object underlying the provisions in the Tenth Schedule. The object is to curb the evil of political defections motivated by lure office or other similar considerations which endanger the foundations of our democracy. The remedy proposed is to disqualify the Member of either House of Parliament or of the State Legislature who is found to have defected from continuing as a Member of the House. The grounds of disqualification are specified in Paragraph 2 of the Tenth Schedule.”

India ada peruntukan yang agak lengkap untuk mengatasi masalah pembelotan Ahli-ahli Parlimen atau Dewan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan pembelotan dan korupsi ada satu hubungan seperti anak kembar. Bukan anak kembar sahaja tetapi anak kembar Siam, *they are intertwin*. Bukan atas dia punya prinsip dia lompat. Tadi saya sudah sebut, saya tidak mahu ulang. So, apa yang kita boleh buat atasi situasi demikian? Di bawah pimpinan Tuan Yang di-Pertua, kita harap Dewan Negara boleh membentang satu rang undang-undang anti-lompat parti... [*Tepuk*] Ini akan menjadi satu sejarah sebab setahu saya, Dewan Negara belum pernah membuat apa-apa *bill* untuk menjaga kepentingan yang patut dijaga. Tadi...

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Boleh celah sikit tidak?

Tuan Nga Hock Cheh: Okey.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Pendek sikit ya. Yang melompat parti ini, mereka ini bersembunyi belakang Artikel 10(1)(c). Betul? Okey. Akan tetapi kalau baca Artikel 10(1)(c) itu ialah untuk membentuk parti, bukan menyertai. So, mereka yang melompat dan *join* parti yang baru ini bukan membentuk tapi menyertai. So, bolehkah mudah untuk kerajaan untuk membentuk satu undang-undang anti-lompat parti? Terima kasih.

Tuan Nga Hock Cheh: Bawah Artikel 10(2)(c), kerajaan boleh membentang rang undang-undang yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita harap Kokus Dewan Negara boleh ambil tindakan yang sewajarnya untuk membuat apa-apa yang sesuai untuk mengatasi masalah ini dan menjaga serta mempertahankan demokrasi di negara kita dan boleh dilihat bersih dan telus.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Minta laluan sikit. Tuan Yang di-Pertua, sini. Saya ingin penjelasan sedikit berkenaan dengan isu ini *because* bagi kami di Sabah, perkara ini sangat serius, lompat melompat ini. Kita sudah banyak- sampai ada gelaran 'raja katak' lah dan sebagainya. Sampai ada istilah baru yang digunakan dalam PRN hari ini iaitu *katakrasi*. Jadi, ini satu perkara yang serius, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Senator, adakah Yang Berhormat setuju bahawa sistem demokrasi kita di Malaysia ini juga ada penyumbang dia? Kerana kita masih mengamalkan *first past the posts*. Jadi, semua ini dikira berkenaan dengan berapa Kerusi, bukannya berdasarkan suara ramai. Jadi, kerusi-kerusi ini juga kadang-kadang ada yang banyak pengundi, ada sikit pengundi tapi nilainya sama.

Jadi, mungkin salah satu daripada cadangan untuk juga melihat bagaimana kita mahu mengatasi masalah ini adalah juga mengkaji semula sistem pilihan raya yang ada di negara kita ini. Daripada *first past the posts* kepada sesuatu yang saya rasa lebih sesuai apabila- apa lagi kalau kita ada sistem federasi. Terima kasih. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat.

Tuan Nga Hock Cheh: Masalah kita sekarang yang dahsyat bukan *first past the posts*, tetapi sudah masuk *post*, pergi tukar lain punya *post* masuk.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Nga Hock Cheh: Sambung, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sambung.

Tuan Nga Hock Cheh: Sekarang saya hendak sentuh sikit...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Yang Berhormat, sebelum ke topik yang lain, Yang Berhormat. Yang Berhormat ke topik yang lain ya? Kalau saya boleh tanya lanjutan sebelum ke topik yang lain. Boleh? Pohon kebenaran.

Tadi ada menyentuh mengenai Kokus Dewan Negara. Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan di sini, semasa COVID, kami Kokus Dewan Negara telah bermesyuarat, kami telah bersetuju mewujudkan Kokus Dewan Negara *Working Group on Anti-Hoping Law*. Telah diputuskan. Jadi, saya menjemput rakan-rakan, tidak mengira batas parti, untuk bersama-sama menjayakan agenda ini.

Dan ingin juga saya mohon pandangan Yang Berhormat Nga. Dewan Rakyat, saya difahamkan melalui Ahli Parlimen Padang Rengas, bersama-sama dengan Ahli Parlimen Dewan Rakyat daripada pelbagai parti telah mewujudkan satu kokus *electoral reform* dan saya telah dihubungi dan mereka mahukan kerjasama bersama dengan Kokus Dewan Negara.

■1500

Saya percaya mengambil kira mudarat, mengambil kira kepentingan negara ke hadapan, saya rasa perkara yang baik ini perlu diangkat oleh rakan-rakan di Dewan Negara ini sebagai agenda yang *bipartisan*, sama-sama untuk kepentingan demokrasi kita ke hadapan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Nga Hock Cheh: Bagus kalau Dewan Rakyat boleh sokong kita punya cadangan Dewan Negara. Macam seekor burung, Tuan Yang di-Pertua. Satu sayap tidak boleh terbang. Kita perlu dua sayap, baru boleh terbang tinggi. Cadangan bagus, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi. Tolong hubungi sama Dewan Rakyat dan bersama-sama kita berusaha... [*Tepuk*] Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak beritahu, selain daripada Singapura dan India, ada juga lebih daripada dua *dozen* negara di seluruh dunia yang telah menggubal undang-undang anti lompat. So, ini bukan suatu cadangan yang baharu atau luar biasa.

Dengan itu, saya hendak sentuh sedikit subjek pendidikan. Tuan Yang di-Pertua, saya merasa amat bangga apabila surat khabar STAR bertarikh 5 September melaporkan bahawa beberapa universiti di Malaysia telah memperoleh kedudukan global antarabangsa yang lebih tinggi. Universiti-universiti adalah seperti berikut. Universiti Malaya, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL). Syabas dan tahniah kepada universiti-universiti tersebut atas kejayaan mereka.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Malaysia boleh diubah menjadi satu pusat pengajian cemerlang khususnya di dalam berbilang bahasa multi lingua or *multi language*. Kita sudah ada khazanah setia yang terdiri daripada golongan yang berbilang kaum, bahasa dan budaya. Untuk mencapai wawasan tersebut, kita mahu ketepikan patriotisme seperti katak di bawah tempurung. Bukan kah lebih elok sekiranya anak cucu kita, boleh fasih bukan sahaja dalam Bahasa Kebangsaan kita, Bahasa Melayu, bahkan juga bahasa Inggeris, bahasa Mandarin, bahasa India- Tamil, Kadazan dan lain-lain lagi. So, itu pun boleh mendatangkan *foreign exchange* kepada negara kita. Saya merasa amat sedih apabila ada pihak tertentu menyuarakan bahawa sekolah-sekolah vernakular dimasukkan berperingkat kerana menghalang perpaduan.

Di sini saya hendak ambil peluang saya di sini membawa perhatian di Dewan yang mulia ini satu artikel yang di tulis oleh Profesor Tajuddin Rasdi. Bukan Tajuddin dari Pasir Salak [*Ketawa*] Bertarikh 10 Januari 2019. Saya petik satu, dua perenggan. *In this article, I want to share about my days at Hua Lian Secondary School in Taiping, particularly the first of my five years there. It was a matter of fate that I ended up in a Chinese public school but my*

time in that school helped make me what I am today. A Malay Muslim who has lived among Chinese Malaysians and who has come to know and love many of his friends there.

This article serves as a reminder to my many Malay friends and relatives that what they think they know about the Chinese is simply false- images and constructs created by unscrupulous politicians, questionable religious leaders and their own arrogance and ignorance.

I lived among the Chinese and I never felt any anger towards me, nor did they cause me to fear them. This article is also a tribute to my old school, SMJK Hua Lian, and all my teachers from 1976 to 1980 before I left to further my studies in the US under a government scholarship.

Tuan Yang di-Pertua, semasa saya ada di sekolah, murid-murid terdiri dari kaum Melayu, India dan kaum Cina. Selepas habis tingkatan lima, kita pergi jalan, *different ways we went*. Antaranya ada seorang budak Melayu, beliau pergi ke England untuk bekerja. So, banyak tahun tidak jumpa. Satu hari, bila anak saya *graduate from Nottingham University*, saya pergi ke England buat kali pertama. Perempuan ini nama Salmah. Dia dan suami ambil cuti menjaga lawatan saya. So, *I* rasa inilah perpaduan. Inilah persahabatan antara kaum yang kita perlu *nurture*. Tidak mahu banyak ucapan perkauman. Itu tidak bantu pembangunan negara.

Lagi, saya hendak bawa perhatian kepada Dewan yang mulia ini, murid-murid yang bukan kaum Cina telah lebih pada tahun 2009 berbanding pada tahun 2018 membaca di sekolah rendah jenis kebangsaan cina. Ini satu jawapan yang diberi kepada saya, mantan Timbalan Menteri Pendidikan menjawab seperti berikut. Berdasarkan sistem aplikasi pangkalan data murid APDM, Kementerian Pendidikan- KPM, peratusan murid bukan Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina- SJKC di seluruh negara ini bagi tahun 2008 adalah 18.19 peratus melibatkan seramai 93,437 orang berbanding dengan jumlah keseluruhan murid lain iaitu 513,585 orang. Manakala peratus murid bukan Cina di sekolah SJKC pada tahun 2019 iaitu sehingga Jun lalu, ada 18.73 peratus melibatkan seramai 79,250 berbanding dengan jumlah keseluruhan murid lain iaitu 509,160 orang.

■1510

Peningkatan murid bukan Cina di SJK(C) bagi tahun 2019 berbanding dengan tahun 2018 adalah sebanyak 0.54 peratus. Saya pun rasa bangga dan ini adalah bagus. Murid-murid dari kaum Melayu boleh tahu bahasa Cina bila dia sudah besar, cari kerja di pasaran global pun senang. China sekarang kuat sebagai rakan niaga.

So, murid-murid kita boleh cakap Bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Cina, dia senang dapat pekerjaan. So, saya harap *we should be slow to call for the abolition of vernacular schools. They are actually not the hinderance to unity, it is the unscrupulous politicians that is the source of division in this country and we can do better without them.*

Akhirnya, satu lagi perkara saya hendak sentuh sedikit, berkenaan dengan durian runtuh di Pahang. Biasanya bila kita cakap durian runtuh, ia membawa makna positif, keuntungan. Ada juga di Dewan yang mulia ini ada pihak yang menjadi waris durian runtuh seperti Yang Berhormat dari Pahang yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, pada persidangan yang lepas Yang Berhormat Timbalan Menteri Perpaduan ada buat rujukan kepada satu kehebatan mungkin dia sahaja yang mempunyai iaitu kencing berlari-lari. Mungkin ini adalah masa sesuai bagi beliau memberi satu pertunjukan kehebatannya dalam ilmu silat atau kung-fu tersebut. Saya memohon keizinan Yang Berhormat terutama kaum wanita, tolonglah pakai pelitup muka, tutup tinggi sedikit sampai mata. Takut nanti apa-apa yang mencolok mata...

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Tuan Nga Hock Cheh: ...Sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri Perpaduan sudah boleh balas dendam. Saya hanya menggeletek beliau sahaja. Dia sekarang mesti mahu kurang lawan mulut, lebih hati kawan terutama dengan saya. *Aside from a lighter vein*, durian runtuh di Pahang juga membawa banyak kesedihan dan kesengsaraan kepada pihak golongan petani atau peladang durian Mosang King. Tuan Yang di-Pertua...

*Peladang durian kerja membanting tulang;
Bila durian jatuh, tak dapat ambil pulang;
Ada pihak tertentu mari dari belakang;
Macam musang kejar ayam.... lari lintang pukang [Ketawa]*

Adakah ini patut? Kenapa Kementerian Pertanian dan Industri Makanan tidak membantu golongan peladang ini menubuhkan satu koperasi supaya mereka boleh dapat rezeki yang lebih senang. Mereka bukan penjahat. Mengikut maklumat saya, ada rancangan bagi mereka dahulu membuka tanah dan menanam buah durian. So, tidak boleh cakap mereka mencero boh tanah kerajaan. *There was certain scheme that was given to them in the 1970's for them to work and to be the ears of the government*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Biar saya gulung bahagian ini dalam bahasa Inggeris lebih senang.

They were asked to go there to be the ears and the eyes of the government because of the Communist activities. So, they should have formed a koperasi for these people, they could have given the land to these people. So, instead they gave it to one consortium, they become the tuan tanah. So, ini become the coolie. Adakah ini patut?

For so many years they have worked on this land, invested money, hard work. Why can't the government give them another land? Why can't the government give this land about two acres to each that was promised to these farmers. I hope our Timbalan Menteri Perpaduan would do something to help these poor people.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Yang Berhormat. Boleh saya mencelah sedikit? *[Ketawa]* Akan tetapi tidak ada kena mengena dengan mantan Menteri Perpaduan. Saya hendak tanya sedikit, Yang Berhormat dengan jelas menyatakan bahawa pengusaha-pengusaha durian ini diberikan kebenaran, saya difahamkan sejak tahun 70-an, semasa ancaman komunis dahulu. Mereka telah- *as you rightly pointed out*, mereka telah mengusahakan tanah tersebut dan kini tanah tersebut pula diberikan kepada pihak syarikat.

Jadi, setuju kah Yang Berhormat sekiranya saya nyatakan bahawa adalah menjadi tugas dan tanggungjawab kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk menyerahkan tanah tersebut kepada pengusaha-pengusaha durian. Saya difahamkan lebih 300 orang. Jadi itu akan menunjukkan bahawa kerajaan adalah berpihak kepada rakyat dan bukannya kepada syarikat yang hanya mengaut keuntungan. Setuju atau tidak?

Tuan Nga Hock Cheh: *We should have rule of law and not rule by law. This is no legalization of the land. This is actually prioritization by rule of law.*

Tuan Yang di-Pertua, *in school* kita baca *Robin Hood*. *Robin Hood* ambil dari orang kaya bantu orang miskin. Di Malaysia, sekarang kita ambil dari orang miskin bagi orang kaya. Mana ada keadilan? Mengapa mereka kerja kuat membanting tulang, bila hasil buah itu jatuh, jual kepada mereka harga tetap. Tiap-tiap tahun kena bagi- membayar sewa tanah lagi. *If the government had given the land to them, they go and pay everything to the government as a cooperative or as an individual. There is no reason why we go through this- this is what I called high class middleman, worse than the middleman that exploit the farmers and the fisherman.* Biar saya tutup dengan ini...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Nga Hock Cheh: Titik masa berdekatan keabadian hanya satu degupan jantung sahaja. Di dalam perkataan Omar Khayyam, *the famous Persian poet and astronomer. He said "The Moving Finger writes; and, having writ, Moves on: nor all thy piety nor wit shall lure it back to cancel half a line, nor all thy tears wash out a word of it"*. Saya harap pihak yang berkuasa dapat memberi sedikit perikemanusiaan kepada golongan peladang durian Mosang King ini.

■1520

Saya sebagai seorang anak penoreh getah yang buta huruf, saya tahu bagaimana mereka sekarang hati dalam rasa. Ini bukan- *this is not justice, this is not fairness. Something must be done to do it*. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul *all The Royal Address. Thank you very much.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh, dia bawa kita kepada soal lompat akhirnya ke sebuah tempat dinamakan ladang durian Musang King di Raub. Semestinya dia bawa itu tempat ini sangat cantik tempatnya. Tempat ini paling sesuai untuk tanam durian, tanah landai, tanah yang tidak takung air ya, bagus. Jadi,

insya-Allah Menteri kita akan jawablah benda-benda ini ya, akan bawa perkara ini. Jangan bimbanglah kita sudah suarakan dalam Dewan ini.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah, dipersilakan.

3.21 ptg.

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam.*

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: *[Membaca sepotong doa]* Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Dewan yang mulia sekalian. Jadi alhamdulillah pada petang ini saya diberi peluang untuk membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas pada 18 Mei yang lepas. Peringkat permulaan ini sebenarnya isu saya lebih kurang sama dengan Yang Berhormat Tuan Nga. Walau bagaimanapun Yang Berhormat Tuan Nga tadi dari perspektif seorang *lawyer*, jadi ini perspektif seorang awam.

Jadi Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara. Parlimen ialah institusi perundangan tertinggi di dalam negara yang menggubal undang-undang tetapi amat malang apabila sistem yang cantik itu telah dirobekkan dengan melompatnya beberapa kelompok Ahli Parlimen membentuk, dengan izin, *coalition* baharu dan sekali gus meruntuhkan kerajaan yang dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya.

Budaya lompat parti bukanlah satu perkara baharu dalam politik Malaysia. Di sebalik kehairahan wakil rakyat melompat parti, budaya ini telah menimbulkan kekecewaan dan rasa dikhianati selepas mereka memberikan mandat melalui pilihan raya. Setelah beberapa dekad politik Malaysia berkembang, penyakit lompat parti ini masih lagi tiada penawar. Ia sama seperti warga dunia yang menanti penawar pandemik COVID-19 yang masih tidak ditemui. Di peringkat Persekutuan, akta anti lompat parti masih gagal digubal kerana ia didakwa bercanggah dengan Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan yang memberi hak kebebasan untuk bersatu.

Pada hemat saya, menggubal akta anti lompat parti tidaklah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan kerana Perkara 10(2)(c) memperuntukkan Parlimen membuat undang-undang bagi menyekat kebebasan bersatu yang didapatinya perlu untuk keselamatan Persekutuan, ketenteraman awam dan prinsip moral.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Suruhanjaya Pilihan Raya 1958 iaitu Akta 19 boleh dipinda bertujuan bagi menyelesaikan isu lompat parti dengan menggunakan sistem pilihan raya

berdasarkan parti. Terdapat dua asas yang dikemukakan untuk melakukan pindaan kepada akta ini. Pertama menonjolkan lambang parti berbanding calon ketika pilihan raya, ia mampu mengekalkan kestabilan politik dan mandat rakyat. Ini kerana parti yang menang boleh menamakan Ahli Parlimen di kawasan masing-masing.

Kedua kaedah ini didakwa boleh mengelakkan wakil rakyat menjual kerusi mereka untuk kepentingan peribadi dan mengelakkan isu tidak berintegriti. Rasuah mula timbul apabila Ahli Parlimen ditawarkan lompat parti khususnya ketika kerajaan hampir jatuh. Sistem ini akan mengukuhkan peranan parti dalam Demokrasi Berparlimen Malaysia. Ia juga satu pengiktirafan kepada parti politik yang telah memberi platform kepada rakyat ketika bertanding pilihan raya umum. Walau bagaimanapun, sistem ini akan memberi kuasa yang luas kepada parti untuk memilih Wakil Rakyat. Ia juga akan mewujudkan jurang ketidaksefahaman antara rakyat dan parti memandangkan pelantikan berdasarkan parti tidak semestinya mencerminkan aspirasi kehendak pengundi kawasan yang sebenar.

Sekiranya sistem ini dilaksanakan, ruang untuk wakil rakyat untuk mengundi mengikut pendirian sendiri di Parlimen akan di kawal oleh parti. Keputusan berdasarkan parti di Parlimen mempunyai kelemahan kerana ia berkemungkinan tidak memberi gambaran sebenar apa yang sedang berlaku di ruang awam. Ia turut mengurangkan keberkesanan semak dan imbang di Parlimen khususnya *backbenchers* kerajaan apabila semua *backbenchers* perlu mengundi mengikut haluan parti pemerintah. Maka ia memberi keselesaan kepada Jemaah Menteri untuk menikmati sokongan di Parlimen. Hal ini akan mencipta ruang kepada dominasi eksekutif yang lebih berisiko kepada Parlimen. Perkara ini menunjukkan cadangan ini perlu dikaji oleh pihak berkuasa tetapi ia tidak dapat menafikan kepentingan kaedah ini dapat mengatasi budaya lompat parti dan mencipta kestabilan politik negara.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama sistem pilihan raya berdasarkan parti politik amat penting difahami iaitu membina keyakinan orang awam akan integriti sistem pilihan raya dan mengangkat perwakilan parti politik di Parlimen seperti yang telah dipilih rakyat secara demokratik. Berbanding dengan cadangan lapuk selama dua dekad yang lalu untuk menggubal akta anti lompat parti, sistem pilihan raya berdasarkan parti ini dilihat sebagai penawar dalam mengubati penyakit lompat parti ketika ini. Inilah penawar alternatif yang mampu menjaga mandat rakyat daripada disakiti wakil rakyat yang gelojoh yang tidak berprinsip.

Perlu juga dijelaskan bahawa pilihan raya kecil iaitu PRK masih diperlukan sekiranya kelayakan wakil rakyat tersebut terbatal kerana melakukan jenayah berdasarkan Perkara 48(1)(e) Perlembagaan Persekutuan atau wakil rakyat tersebut meninggal dunia. Sekiranya wakil rakyat telah dipecat oleh parti, maka wakil rakyat perlu mengosongkan kerusi tersebut dan parti perlu memilih wakil baharu. Situasi ini pernah berlaku di New Zealand apabila

Awatere Huata, Wakil Rakyat Parti ACT diarahkan untuk mengosongkan Kerusi Parlimen selepas dilucutkan jawatan oleh parti. Mahkamah Agung New Zealand memutuskan tindakan ini sah atas peruntukan Akta Pilihan Raya Integriti 2001.

Ini bermaksud tiada wakil bebas di Parlimen kecuali individu tersebut bertanding dalam pilihan raya tanpa mewakili mana-mana parti. Wakil rakyat bebas yang mahu menyertai parti politik selepas pilihan raya juga perlu mengosongkan Kerusi, namun wakil rakyat bebas ini perlu dibenarkan bertanding dalam PRK atau pilihan raya akan datang secara adil dan saksama. Pindaan kepada Perkara 48(6) Perlembagaan Persekutuan bagi membenarkan wakil rakyat tersebut bertanding. Adalah lebih baik sekiranya cadangan sistem pilihan raya berdasarkan parti dan pindaan Akta 19 dikaji lebih mendalam oleh Jawatankuasa Khas Pilihan Raya. Begitu juga dengan beberapa pindaan Perlembagaan Persekutuan yang perlu dibuat oleh kerajaan dan Parlimen untuk merealisasikan cadangan ini secara berkesan.

Secara prinsipnya sistem pilihan raya berdasarkan parti ini akan memberi satu perubahan yang signifikan kepada persekitaran politik Malaysia. Semua pemimpin parti politik di Malaysia perlu mempertimbangkan dan bersetuju dengan cadangan ini demi membentuk persekitaran politik matang, stabil dan menghormati mandat rakyat. Pemerdagangan Kerusi Parlimen yang dimenangi dengan sesuka hati oleh Ahli Parlimen yang menyandang amat-amat mengecewakan seluruh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, memang sukar memahami apa kaitannya kestabilan politik dengan kesejahteraan hidup pengguna. Namun secara mendalam jika diteliti kestabilan politik memang ada kesannya kepada kualiti hidup pengguna. Awalnya Indeks Harga Pengguna iaitu IHP memberi petanda kepada harga barangan dan perkhidmatan. Kini pada Januari lalu, CPI adalah pada angka 122.4 dan trend ini nampaknya akan terus meningkat. Ini sudah tentu bergantung kepada bagaimana kos pengeluaran bekalan dan pengedaran serta harga barangan pengguna ditentukan. Barangan import dan pertukaran nilai mata wang juga memberi pengaruh. Ada ditentukan pasaran tetapi ada juga ditetapkan garis panduan yang ditetapkan kerajaan.

Di sinilah kerajaan berperanan agar Indeks Harga Pengguna tidak terus meningkat hingga ia menjadi terlalu tinggi sekali gus menjejaskan kualiti kehidupan pengguna. Kerajaan memantau aliran harga sama ada barangan keluaran dalam negara mahupun barangan import.

■1530

Jika dilihat menjejaskan kemampuan rakyat bawahan untuk membeli keperluan asas, maka, kerajaan yang membuat intervensi pasaran dengan cara menentukan subsidi. Di sini, kestabilan pentadbiran kerajaan yang diperkukuhkan dengan wujudnya kestabilan politik kemas akan memberi kesan langsung untuk kesejahteraan kualiti hidup. Ia dijamin apabila dasar yang sesuai boleh diputuskan kerajaan. Tatkala roda pemerintahan tidak menentu,

kerajaan tidak berada dalam keadaan politik stabil, dasar negara tidak dapat diputuskan dan diimplementasikan serta dasar juga akan tergantung. Dalam hal inilah, pengeluaran bekalan dan pengedaran barangan terkesan kerana kerajaan adalah pemantau dan pengawal kepada pasaran.

Dalam pasaran bebas, dikatakan harga barangan dan perkhidmatan ditentukan permintaan serta bekalan. Namun, sistem ekonomi negara ini bukan pasaran bebas secara mutlak. Sebaliknya, kerajaan memainkan peranan menentukan kualiti hidup rakyat berada dalam keadaan munasabah. Hal ini adalah dengan memastikan keperluan asas terjamin terutama untuk pengguna pada peringkat bawahan iaitu M40 dan juga B40. Golongan ini dalam kalangan majoriti rakyat. Jika kerajaan tidak stabil, keputusan mengawal harga dan menentukan bekalan tidak akan dapat dibuat. Jika harga dan bekalan serta kualiti keperluan asas tidak dikawal dan tidak terjamin, kos hidup pengguna akan terjejas. Kerajaan yang memiliki kuasa untuk memperbetulkan pasaran agar sepadan dengan kuasa membeli dalam kalangan pengguna kaya dan pengguna yang berada pada garis kemiskinan.

Oleh sebab itu, sebuah kerajaan didorong politik stabil, sekali gus memberi kesan kepada kualiti hidup pengguna. Dasar dan implementasi berada pada kuasa kerajaan. Kestabilan politik menjamin pelabur dalam dan luar negara seterusnya ekonomi pengguna dapat diurus dengan lebih baik. Ia juga bergantung kepada kestabilan sistem demokrasi negara yang berjalan lancar, bebas dan berintegriti. Politik yang sarat dengan korupsi dan penyelewengan pasti memberi kesan kepada kawalan dan arah tuju ekonomi negara sekali gus menentukan aliran pasaran.

Maka, kesejahteraan pengguna berkaitan dengan kecukupan keperluan asas, kualiti dan hidup, banyak boleh ditentukan jika kestabilan politik menjadi wahana kestabilan kerajaan. Apabila kerajaan berubah tangan, banyak isu akan muncul. Kerajaan baharu terpaksa melihat kepincangan satu persatu untuk mengembalikan kesihatan pertumbuhan ekonomi. Dasar yang salah oleh kerajaan yang tidak berada dalam politik stabil akan memporak-perandakan ekonomi.

Industri dan pengusaha berada langsung di bawah pengawasan kerajaan. Maka, sudah tentu hal ehwal pengguna sangat ditentukan kerajaan. Kestabilan politik mewujudkan kerajaan utuh yang boleh mengekang manipulasi harga dan pengawal sektor korporat daripada monopoli barangan. Dalam suasana politik yang tidak menentu, kawalan pelbagai aspek pengurusan negara akan berkesan kerana keputusan besar tidak mungkin boleh dicapai jika politik menjadi medan persaingan antara ahli politik, bukan untuk menangani nasib pengguna terhimpit.

Tuan Yang di-Pertua, implikasi kemelut politik negara ini perlu dilihat kepada kesan jangka masa panjang ke atas ekonomi negara. Ketua Unit Penyelidikan Risiko Ekonomi dan Politik Universiti Utara Malaysia, Prof Madya Dr. Irwan Shah Zainal Abidin berkata, jika

keadaan politik negara dilihat sebagai tidak stabil oleh pelabur, ia akan menjadikan ekonomi negara semakin teruk. Ketidakstabilan ini menjadikan negara kehilangan peluang pelaburan bernilai berbilion ringgit. Itu tidak termasuk kesan lain seperti terlepas daripada segi penciptaan peluang pekerjaan dan pembinaan infrastruktur baharu kerana pelabur takut untuk melabur. Begitu juga apabila pasaran saham dan ringgit yang semakin merudum. Ini juga membabitkan kos berbilion Ringgit.

Hala tuju ekonomi daripada kerajaan baharu juga akan memainkan peranan dalam memulihkan ekonomi. Fokus utama yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan ketika ini ialah pakej rangsangan ekonomi tambahan terutamanya bagi membantu PKS yang mengalami kesan yang teruk disebabkan oleh COVID-19. Singapura akan membelanjakan lebih daripada SGD6 bilion untuk rangsangan ekonomi. Begitu juga dengan Thailand yang akan mengumumkan pakej rangsangan ekonomi mereka dalam masa yang terdekat

Tuan Yang di-Pertua, kejatuhan Ringgit Malaysia yang semakin menjadi-jadi, kejatuhan harga minyak dunia di paras yang rendah dek kerana permintaan global yang terus melemah, kemelesetan ekonomi dunia dan lonjakan kos sara hidup yang masih lagi tidak menampak tanda-tanda untuk pulih serta banyak aktiviti perdagangan di seluruh dunia terjejas dek kerana wabak COVID-19.

Selain itu, permintaan dalam negeri dan eksport yang terus lemah. Kadar pengangguran di Malaysia terus melonjak tinggi. Di kala ini dikatakan telah melebihi seramai 800 ribu orang mengikut Jabatan Statistik dan akan terus meningkat dengan kadar sejumlah 0.3 peratus setiap bulan dan dijangkakan akan meningkat hingga ke seramai 1 juta orang menjelang hujung tahun.

Punca dan faktor juga bermulanya kemelesetan ekonomi adalah disebabkan hutang yang tinggi. Hutang isi rumah di Malaysia antara yang tertinggi di Asia. Jika hutang itu terus tidak terkawal dek kerana masalah kena buang kerja dan ketidakupayaan membayar pinjaman bank, ia akan mempercepatkan lagi krisis ekonomi Malaysia terutamanya selepas tamatnya tempoh moratorium pinjaman bank iaitu pada 30 September 2020 ini.

Suku pertama KDNK Malaysia adalah sebanyak 0.7 peratus. Akan tetapi, itu hanya meliputi sekitar 10 hari sahaja tempoh PKP dan Keluaran Dalam Negara Kasar bagi suku kedua 2020 merosot sebanyak 17.1 peratus. Benar seperti yang dijangkakan oleh pakar ekonomi bahawa pertumbuhan ekonomi Malaysia atau KDNK Malaysia bagi suku kedua bagi suku kedua 2020 akan negatif dan keseluruhan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2020 juga adalah negatif. Malahan, beliau berkata lagi jikalau suku ketiga KDNK masih negatif lagi, ini bermakna Malaysia sedang memasuki krisis kemelesetan ekonomi iaitu dua kali berturut-turut, setiap suku KDNK negatif yang bermaksud kemelesetan.

Perusahaan kecil dan sederhana terjejas dengan teruk. Mereka perlukan dana tambahan. Kita mahu penerusan ekonomi yang bergerak pantas dan yang penting, transaksi

kewangan dan transaksi rantaian permintaan dapat digerakkan segera. Maka, ia akan mampu memulihkan ekonomi negara dengan lebih cepat dan seterusnya mewujudkan kembali peluang pekerjaan baharu. Selain daripada itu, COVID-19 ini amat memberikan kesan yang amat negatif terhadap jiwa mereka yang terkesan akibat PKP. Antara mereka yang menimbulkan tekanan terhadap perasaan dan emosi penduduk di Malaysia adalah seperti berikut;

Pertama, kehilangan pekerjaan akibat daripada penutupan dan pengecilan beberapa sektor seperti perniagaan, pelancongan, perhotelan dan sektor-sektor lain di Malaysia. Sehingga kini, lebih daripada seramai 800 ribu orang rakyat Malaysia telah kehilangan pekerjaan akibat daripada COVID-19. Manakala sebanyak 79 peratus kehilangan pekerjaan berlaku di lima negeri iaitu Selangor, Kuala Lumpur, Johor, Kedah dan Pulau Pinang.

Peningkatan kes keganasan rumah tangga telah dicatat sebanyak 44 hingga 57 peratus seperti yang telah diadakan kepada Talian Kasih Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berikutan mangsa dan pelaku mempunyai lebih banyak masa berada di rumah susulan Perintah Kawalan Pergerakan.

Pesakit COVID-19 pula mengalami kebimbangan terhadap ketidaktentuan penyembuhan dan perasaan bersalah kerana mungkin menjadi punca penyakit ini tersebar kepada orang lain dan dikuarantin jauh daripada keluarga dalam jangka masa yang tidak diketahui. Tekanan psikologi juga boleh berlaku terhadap ahli keluarga terdekat pesakit yang meninggal dunia akibat COVID-19 dan juga menjadi penjaga mereka.

Pesakit yang mengalami *Post-Traumatic Stress Disorder* (PTSD) akibat peristiwa lampau seperti kehilangan orang tersayang, peperangan, bencana alam yang teruk, kemalangan dan serangan peribadi ataupun perkara-perkara lain yang mungkin merasakan tempoh PKP memberikan lebih banyak masa untuk mereka mengingati perkara-perkara yang lepas.

Pesakit *Obsessive-compulsive Disorder* (OCD) akan menimbulkan simptom yang lebih ketara waktu ini. Mereka amat merasa mudah untuk merasa ketakutan terhadap jangkitan, mudah menjadi bimbang dan waswas dengan kesempurnaan mereka membersihkan diri seperti membasuh tangan berulang kali kerana tidak yakin dengan tahap kebersihan basuhan terdahulu. Mereka juga mula memikirkan bahawa kemungkinan merekalah yang menjadi pembawa COVID-19 yang boleh menjangkiti orang lain. Kekeliruan antara ketakutan mengatasi COVID-19 dan kecelaruan akibat OCD mungkin boleh menimbulkan tekanan yang lebih, dalam di jiwa mereka.

Petugas-petugas barisan hadapan di hospital dan juga perkhidmatan di tempat-tempat lain yang bertungkus-lumus memerangi COVID-19 dan membantu orang awam- yang masih ada merasa ketakutan dan kerisauan, mengalami insomnia dan ada yang rasa bersalah terhadap keluarga kerana pengabaian ketika mereka bertugas.

■1540

Mereka yang mempunyai tanggungjawab terhadap ibu bapa yang tua, uzur, anak-anak yang baru lahir, anak-anak yang kurang upaya yang memerlukan persekitaran yang sangat bersih dan yang tinggal bersama dengan mereka yang berkeperluan khusus akan sentiasa berasa risau dan curiga tentang tahap kebersihan diri sendiri dan orang sekeliling. Jadi, terlalu banyak kesan-kesan yang disebabkan oleh PKP dan juga COVID-19. Jadi, kita harapkan pihak berwajib mengambil tindakan segera, kalau tidak, ramai orang gila di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi iaitu berkenaan dengan *supply* makanan, *food security*, dengan izin. Sekarang ini daging ayam dan telur adalah merupakan sumber pertama protein di Malaysia. Kalau ikut *ranking* adalah makanan yang ketiga penting. Pertama ialah beras, kedua ialah ikan dan juga hasil-hasil laut dan yang ketiga adalah ayam dan harganya adalah amat murah. Saya rasa sebahagian besarnya, *most of the time* harganya kurang daripada RM8, tidak ada ikan yang harganya kurang daripada RM8.

Jadi, justeru untuk mengekalkan pertumbuhan, untuk makluman penggunaan ayam. Seorang rakyat Malaysia menggunakan atau memakan ayam sebanyak 52 kilogram setahun, sebanyak 360 hingga 380 biji telur ayam setahun. Sumber protein yang pertama tetapi masalahnya hari ini dalam industri ternakan ayam, pertumbuhan industri tidak dapat berjalan dengan begitu berkesan kerana masa yang diambil untuk membina ladang-ladang baru mengambil masa terlalu panjang.

Jadi, saya mohon MAFI iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Makanan berserta dengan KPKT melihat perkara ini dengan mendalam, berbincang dengan pemegang-pemegang taruh. Oleh kerana jangka masa untuk menubuhkan atau mengadakan suatu ladang yang baru mengambil masa dua setengah atau tiga tahun. Itu tidak termasuk lagi permohonan untuk memasukkan bekalan elektrik.

Jadi, saya rasa kita ambil sempena dengan PKP ini, kita masih lagi berada dalam PKPP, kita perlu bekalan makanan yang mencukupi, sebagaimana saya kata tadi ayam adalah yang termurah setakat ini sejak beberapa tahun. Kita adalah *self-sufficient*, pengeluaran kita sekitar 115 hingga 120 peratus kadar sara diri. Maksudnya, kita ada sedikit lebihan dan kita eksport kepada beberapa negara, terutamanya kepada Singapura. Jadi, untuk memastikan keperluan ayam ini dan harganya tidak meningkat, ladang-ladang baru untuk diusahakan ini perlulah dipendekkan masa.

Jadi, sebagai rumusan, gagal merancang adalah merancang untuk kegagalan. Ini bukan saya kata, ini dikatakan oleh Benjamin Franklin. Dalam hidup, tidak kira sebagai individu, organisasi, hatta kerajaan sekalipun, perancangan amat penting bagi menentukan hala tuju masa depan. Namun, krisis ini juga memberi peluang kepada kita menilai semula struktur ekonomi supaya berdaya tahan dan lebih berdaya saing seperti meningkatkan

kegunaan digital dalam semua sektor, khususnya ekonomi dan juga kerajaan. Semoga segala yang dirancang akan memberi manfaat kepada rakyat dan juga negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam. Yang Berhormat menimbulkan banyak perkara-perkara yang bernas, yang baik untuk kita bincangkan bersama. Sekarang saya minta pula Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing. Dipersilakan.

3.44 ptg.

Dr. Nuing Jeluing: Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya ingin mengambil bahagian dalam Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa pembukaan Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas pada 18 Mei 2020. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin dan barisan Kabinet baharu dan kerajaan kerana telah berjaya membentuk Kerajaan Persekutuan dan berjaya juga mengemudi Malaysia, mengawal wabak COVID-19.

Mengikut maklumat yang terkini, di dalam dunia ini ada 27 juta kes COVID-19 dan 800 ribu kematian. Di Sarawak, jumlah kes adalah 699, di peringkat negara Malaysia lebih 9,377. Saya juga hendak mengucapkan terima kasih kepada Majlis Keselamatan Negara dan barisan depan yang memerangi wabak COVID-19. Khususnya daripada Kementerian Kesihatan, pakar-pakar, doktor, *nurse* dan semua kakitangan hospital dan juga pasukan keselamatan seperti polis atau PDRM, tentera dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APAM) dan semua jabatan-jabatan kerajaan yang telah terlibat, bukan sahaja di peringkat Pusat tetapi di peringkat negeri juga.

Di Sarawak, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBN) atau *Sarawak Disaster Management Committee* (SDMC), dengan izin, adalah bertanggungjawab penuh untuk memerangi wabak COVID-19. Saya berterima kasih kepada mereka yang telah bertungkus-lumus menjalankan tugas mereka dengan berjaya. Syabas diucapkan kepada Kerajaan Pusat kerana telah memperkenalkan beberapa inisiatif dan pakej rangsangan ekonomi seperti Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

Usaha-usaha ini memastikan ekonomi negara berada di landasan yang betul. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sarawak di bawah pimpinan Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Abang Abdul Rahman Johari bin Tun Abang Openg kerana telah mengambil inisiatif untuk menyelesaikan isu antara Kerajaan Sarawak dan Petronas dengan cekap dan harmoni.

Seperti mana yang telah dipersetujui, Petronas akan membayar cukai jualan atau *sales and service tax* (SST), dengan izin, kepada Negeri Sarawak berjumlah RM2.6 bilion. Ini bukan 1MDB, ini *sales and service tax* dari Sarawak... [*Dewan ketawa*] Terima kasih kepada Petronas, sebagai badan korporat yang bertanggungjawab telah mematuhi undang-undang negeri Sarawak dan Perlembagaan Persekutuan. Saya merasa rasa syukur kepada Kerajaan Negeri Sarawak yang telah berjaya melaksanakan hak negeri mengikut Perlembagaan negeri ke atas cukai jualan SST sebanyak 5 persepun ke atas produk minyak yang perlu dibayar Petronas. Syarikat-syarikat minyak yang lain misalnya seperti *Shell*, *Nippon* dan lain-lain, semua sudah membayar.

■1550

Justeru itu, saya menaruh harapan yang besar kepada Kerajaan Persekutuan di bawah Perikatan Nasional untuk menyelesaikan masalah-masalah dan tuntutan-tuntutan berasaskan MA63, 20 perkara, *IGC Report*, Perlembagaan Persekutuan, janji-janji dan jaminan-jaminan yang telah diberi semasa penubuhan Malaysia.

Saya difahamkan bahawa satu bahagian khas telah ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang dikenali sebagai Bahagian Hal Ehwal Sarawak dan Sabah (BHES) yang diberi mandat untuk memantau dan mengambil tindakan susulan berhubung dengan isu-isu di bawah Perjanjian Malaysia 1963. Dari 21 perkara dituntut, 17 sudah dipersetujui dan empat masih dalam rundingan.

Saya ingin bertanya kepada kementerian berkenaan, apakah empat perkara yang masih belum selesai ini? Saya minta Menteri yang bertanggungjawab memberi penjelasan berkenaan dengan isu ini. Apakah 17 isu-isu dan apakah empat isu setakat masa isu-isu yang telah dipersetujui telah dilaksanakan atau pelaksanaan itu telah dipantau?

Walau bagaimanapun, saya berterima kasih kepada Kerajaan Perikatan Nasional kerana telah bersetuju dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah tentang 17 perkara. Diharapkan persetujuan akan dicapai tentang empat perkara yang masih belum selesai secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpanggil mengemukakan masalah atau bencana yang sering kali berlaku di Sarawak iaitu berhubung kait dengan kebakaran rumah panjang. Masalah ini juga telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat belum lama ini.

Di sini saya mahu kongsi sedikit statistik berkenaan masalah ini dengan Dewan yang mulia ini. Dari bulan Januari tahun ini hingga sekarang, lima buah rumah panjang telah terbakar. Maklumat yang terperinci adalah seperti berikut.

Pada 10 Februari, rumah yang terbakar adalah Rumah Dingon Megong *Sekuau Settlement* di Jalan Oya melibatkan 22 buah pintu dan 222 orang mangsa. Istilah pintu ini ialah sama dengan bilik atau *room*. Atau kalau kita tengok rumah teres atau *terrace house*, itu

sejajar sama satu unit di mana satu keluarga duduk. So, istilah dipakai di rumah panjang adalah pintu.

Kedua, rumah panjang di Long Selaan, Ulu Baram melibatkan 12 pintu, 60 orang mangsa pada 8 Jun 2020.

Ketiga, Rumah Elo, Bintulu melibatkan 24 pintu dan 135 orang mangsa pada 11 Jun 2020.

Keempat, Rumah Lanting, Ulu Sungai Arip, Balingian- saya punya kawasan, melibatkan 20 pintu, 87 orang mangsa pada 19 Julai 2020.

Dan akhir sekali, Rumah Chat Nanga Bilat, Entabai, Beluan melibatkan 20 pintu, 142 orang mangsa pada 17 Ogos 2020.

Jumlah semua ialah 98 pintu atau 98 keluarga dan mangsa 646 orang. Dalam tahun ini, tahun 2020, sebanyak 10 kebakaran berlaku dan lima dari itu melibatkan rumah panjang. Dalam tahun 2019, sebanyak 27 kebakaran berlaku dan sebahagian besar adalah rumah panjang.

Kesannya bukan sahaja hilang rumah tangga tetapi kediaman dan harta benda juga. Mengikut kenyataan dari Bomba Sarawak atau *Fire and Rescue Department*, dengan izin, dari 1 Januari 2015 hingga Julai tahun ini, 120 rumah panjang telah terbakar melibatkan 1,554 pintu atau keluarga dan kehilangan harta benda bernilai RM95,696,622.

Saya menyeru agar kementerian berkenaan membuat kajian yang teliti untuk menentukan sebab-sebab kebakaran berlaku. Mengikut Pengarah Bomba Sarawak baru-baru ini, dari 120 kejadian, 54 kes atau 45 peratus adalah berpunca dari kerosakan elektrik-*electrical fault*, diikuti dengan api dari dapur atau dari tempat masak adalah 29 kes atau 24 peratus. Apakah sebab, dengan izin, *electrical fault* ini berlaku? Adakah sebab salah guna atau salah sambung? Saya ingin kerajaan mengambil langkah untuk menentukan gejala kebakaran rumah panjang tidak berlaku lagi.

Saya mencadangkan bahawa pihak kerajaan menentukan reka bentuk rumah panjang yang akan mengurangkan risiko api itu merebak sebegitu cepat. Misalnya, mesti mengadakan *fire break*, membahagikan rumah panjang itu kepada blok dan menghadkan jumlah unit atau pintu dalam satu blok dan juga mengasingkan dapur, tempat masak atau penjarakan yang sesuai untuk mengelakkan api merebak.

Kedua, bahan yang diguna pakai untuk membina rumah panjang yang tahan api- *fire resistance*. Kurangkan menggunakan kayu yang mudah terbakar, sebaliknya gunakanlah lebih batu-bata dan simen.

Saya juga berharap agar pihak kerajaan dapat membantu rumah-rumah panjang ini dengan melengkapkan bekalan alat pemadam api dan juga hos-hos pemadam api.

Insurans. Satu langkah untuk meringankan beban akibat kebakaran, penghuni rumah panjang boleh membeli insurans. Akan tetapi, banyak syarikat insurans tidak minat sebab

tapak rumah panjang kebanyakannya tidak ada surat milik- *land title*. Hampir semua rumah panjang adalah dibina atas tanah asal atau *Native Customary Rights- NCR land* yang tidak ada surat milik.

Untuk membina sebuah rumah panjang di kampung pedalaman bukanlah perkara yang mudah. Ini melibatkan kos dan juga keperluan kewangan. Saya berharap agar pihak kerajaan dapat mewujudkan semula skim pinjaman rumah panjang khas untuk pembinaan semula rumah panjang yang terbakar.

■1600

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Baginda telah mengucapkan kebimbangan Baginda melihat polarisasi kaum yang masih wujud ketika ini. Saya berpendapat bahawa satu sebab adalah tindakan provokasi yang tidak dibendung menyebabkan ia merebak dan akan menjadi barah kepada kestabilan negara. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk membendung perkauman dan mempromosi integrasi di kalangan rakyat kita? Memang tidak dipertikaikan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Akan tetapi, penganut agama lain perlu juga diberi bantuan dan hak-hak mereka dipertahankan untuk mereka terus bebas mengamalkan agama mereka secara berhemah dan aman.

Oleh sebab daripada langkah sebegini, perpaduan negara akan wujud. Di sini juga saya mahu kongsi apa yang telah dibuat di Sarawak berkenaan dengan perkara ini. Berhubung dengan kebebasan mengamalkan agama, Kerajaan Sarawak telah menubuhkan satu unit baharu di bawah Jabatan Ketua Menteri, Unit Hal Ehwal Agama Lain-lain (UNIFOR) yang telah disentuh sedikit pagi tadi oleh rakan saya.

Ditubuhkan pada 26 Mei 2017, unit ini adalah di bawah portfolio Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah Embas. Penubuhan UNIFOR merupakan cetusan idea bekas Ketua Menteri Sarawak, Allahyarham Pehin Sri Tan Sri Datuk Patinggi Haji Adenan bin Haji Satem dan disokong kuat oleh penggantinya, Ketua Menteri Sarawak sekarang iaitu Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg. Tanggungjawab utama adalah untuk mengawal selia dasar bagi mempromosikan keharmonian antara agama selain menilai, mencadangkan dan merumuskan dasar undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan hal ehwal agama bukan Islam di Sarawak.

Setakat hari ini, RM115 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan negeri dan baru-baru ini RM70 juta dengan satu tapak tanah diperuntukkan kepada UNIFOR Trust untuk membina ibu pejabat. Dengan adanya unit seperti UNIFOR, keharmonian antara agama dan perpaduan negara boleh dijamin. Saya menyeru agar unit serupa ditubuhkan di peringkat Persekutuan untuk tujuan yang sama iaitu untuk mengamalkan kehendak Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong mewujudkan keharmonian antara agama dan perpaduan negara. Pagi tadi,

Menteri Perpaduan telah menyatakan memang sudah wujud satu badan di peringkat Persekutuan yang dinamakan sebagai Harmoni. Itu saya ucap syabas kepada Menteri Perpaduan.

Berkaitan dengan isu ini, saya juga merujuk kepada ucapan Ahli Parlimen Pasir Puteh, Yang Berhormat Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh yang menyatakan pendapat peribadinya mengenai kesahihan Al-Kitab di Dewan Rakyat baru-baru ini. Saya bersama bersuara dengan beberapa individu dari Sarawak dan Sabah, pemimpin-pemimpin parti politik dan badan keagamaan menyeru untuk Yang Berhormat Pasir Puteh membatalkan kenyataannya demi keharmonian negara. Beberapa laporan polis telah dibuat dan saya ada membawa keratan laporan polis ini dalam surat khabar tempatan dan ada dua badan yang bukan NGO telah membawa kes ini ke mahkamah.

Kebebasan beragama kita yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan juga bermaksud saling menghormati kepercayaan dan agama masing-masing. Setiap agama suci bagi penganutnya dan tidak ada yang harus mempermainkan Tuhan dan menilai keaslian atau kebenaran kepercayaan atau agama lain kerana ini boleh menyebabkan konflik agama dan kekacauan. Pihak berkuasa yang berkenaan mesti bertindak tegas untuk menegakkan undang-undang kita, untuk setiap perlanggarannya oleh sesiapa sahaja untuk memastikan penghormatan berterusan terhadap undang-undang dan sistem kehakiman kita.

Setiap kepercayaan dan agama, mengajar kita untuk mempraktikkan nilai kasih dan pengampunan yang terbaik dan mulia antara satu sama lain. Penegak undang-undang kita mesti berwaspada dan bersedia bertindak tanpa rasa takut atau berat sebelah apabila ada yang melanggar undang-undang. Kita tidak boleh membiarkan tindakan segelintir ekstremis dan fanatik agama merosakkan keharmonian dan kesucian agama yang ada di negeri dan negara kita. Itulah sebab-sebabnya mengapa Kerajaan Negeri Sarawak akan terus menjaga kesatuan dan keharmonian agama kita dengan menghentikan pelampau atau fanatik agama memasuki Sarawak kerana ini adalah sebahagian daripada hak imigresen ini yang termaktub di MA63.

Semua pemimpin kita, termasuk wakil rakyat seperti Ahli Parlimen Pasir Puteh dan pemimpin agama kita harus memikul tanggungjawab dan harus menunjukkan teladan yang baik dengan menunjukkan rasa hormat dan belas kasihan kepada pengikut-pengikut yang berlainan agama untuk menjaga keharmonian agama dan perpaduan nasional. Kata-kata dan tindakan kita akan menggambarkan iman dan kepercayaan kita. Adalah tanggungjawab semua kita untuk memahami, menghayati dan meraikan perbezaan ini, agar dapat memiliki masyarakat dan negara yang aman dan makmur.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri dengan menyokong Titah Tuanku Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Mohon mencelah, Yang Berhormat.

Dr. Nuing Jeluing: Saya menjunjung kasih. Terima kasih.

Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy: Yang Berhormat, mohon mencelah, boleh? Saya minta penjelasan sikit. Semasa saya bertugas sebagai Menteri Perpaduan dan bila saya melawat negeri Sarawak, saya dapati perpaduan dan keharmonian di kalangan masyarakat Sarawak berbeza dengan Semenanjung. Boleh tak Yang Berhormat kongsi dengan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, rahsia keharmonian di Sarawak, *what is the special?* Rahsia itu. Mesti ada sesuatu yang *special* tentang Sarawak. Terima kasih.

Dr. Nuing Jeluing: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sambung? Oleh sebab saya sudah akhiri tadi.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh. Ringkas, ringkas.

Dr. Nuing Jeluing: Sebenarnya di Sarawak, agama itu tidak penting. Biasa kami tidak cakap fasal agama. Itu satu, sebab kami berpendapat agama itu adalah antara seorang itu dengan Tuhan. So, tidak ada masalah daripada segi agama dan ada juga dalam satu keluarga, ada yang Islam, ada yang Kristian, ada yang Hindu juga.

■1610

Akan tetapi saya ingat perpaduan yang *you* nampak di Sarawak adalah berasal dari sekolah sebab sekolah di Sarawak kebanyakan yang dulu-dulu memang semua kaum dalam sekolah itu bukan satu bangsa atau satu agama sahaja. Orang di Sarawak memang dari kecil sudah diajar menerima orang lain. Bila saya pergi ke Semenanjung dalam tahun 70-an, saya pun terkejut sebab kami orang Sarawak tidak berfikiran begitu, semua yang sama. Itulah saya rasa sebab memang dari kecil dulu kami diajar menerima orang lain dan sekarang *you* nampak kesan ajaran itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Paul Igai: Sikit lagi. Saya menambah sikit, tolong dia.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, ringkaskan.

Datuk Paul Igai: Ada satu yang menarik iaitu ada satu Masjid An-Naim di Miri. *I hope* kita punya *pronunciation* betul- dan *Good Shepherd Church* di Miri juga. Hari Jumaat orang yang bersembahyang di masjid ini menggunakan parkir atau *car park* iaitu yang dipunyai oleh *Good Shepherd Church*. Hari minggu parkir di masjid ini digunakan oleh penganut Kristian, sebelah untuk bersembahyang di *Good Shepherd Church*. *Correct* ya? *You from Miri*.

Ini menunjukkan tiada berselisih, ini menunjukkan keharmonian antara Islam dan Kristian. *I think this is very good example* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, gulung. Sila.

Dr. Nuing Jeluing: Ya, memang betul apa yang dikatakan rakan saya itu. Ini di bandar Miri sebab masjid dan itu gereja ia *next to each other* dan ini diwujudkan waktu *Shell* bekerja di- ada *office* di Miri dan saya adalah bekas pekerja Shell. Saya tahu keadaan di Miri, memang betul. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing. Antara lain yang kita dengar dengan baik sekali perpaduan itu, menghormati agama itu tadi. Iaitu pernah saya katakan tadi hormati yang tua, kasih yang muda. Itu kita amalkanlah. Itu yang sebaiknya.

*Bunga melur bunga melati;
Mari pakai di ufuk hati;
Budaya orang kita ini;
Yang tua dihormati, yang muda dikasihi.*

Insya-Allah, inilah perpaduan yang kita akan kekalkan. Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat kita.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/ Nachiappan. Dipersilakan.

4.14 ptg.

Tuan Balasubramaniam a/ Nachiappan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya ruang untuk membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan bagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada Parti Islam Se Malaysia (PAS) yang telah memilih saya sebagai Ahli Dewan Negara yang pertama daripada kalangan bukan Islam sejak PAS ditubuhkan pada tahun 1951.

Ini adalah satu pengiktirafan kepada Dewan Himpunan Pendukung PAS (DHPP) sejak ianya diwujudkan pada tahun 2010. Peristiwa 13 Mei dan penyelarasan sisi kaum. Seluruh rakyat Malaysia mesti memahami sejarah daripada perspektif yang sebenar. Saya teringat kata-kata seorang ahli falsafah George Santayana, dengan izin, *“Those who are forget history are doomed to repeat it”*. Amat relevan dan signifikan apabila bercakap soal sejarah negara kita.

Kita perlu sedar bahawa perpaduan masyarakat diibaratkan sebagai tiang kemakmuran dan kedamaian negara di samping menyumbang kepada keamanan dan kestabilan. Adalah sukar untuk kita mencapai kedamaian yang kita impikan sekiranya kita masih lagi bertembung, bercakaran dan bertelagah dalam isu yang melibatkan kaum amnya, kerana ada pihak bersifat etnosentrik atau merasakan mereka lebih hebat dan lebih baik daripada kaum lain.

Di dalam ajaran Islam, manusia yang mulia dan istimewa di sisi Tuhan adalah mereka yang memiliki takwa. Di dalam Al-Quran ada sebutkan, *“Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, bukan yang lebih keturunan atau*

bangsanya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam pengetahuan-Nya akan keadaan dan amalan kamu". Surah Al-Hujurat, ayat 13.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu formula mencegah ketegangan hubungan etnik masa kini adalah kembali kepada memahami apa yang terkandung di dalam kontrak sosial. Kontrak sosial adalah merupakan satu persetujuan bersama antara kaum-kaum yang berbeza di Tanah Melayu sebelum merdeka dengan tujuan untuk setiap kaum saling hormat-menghormati, faham-memahami dan bertolak-ansur mengenai status quo masing-masing dalam usaha mewujudkan perpaduan ke arah kemerdekaan.

Kefahaman rakyat terhadap perkara ini adalah sangat penting kerana jika tersalah faham maka ia membawa kepada permusuhan sesama kita. Memahami sejarah khususnya punca berkaitan peristiwa 13 Mei 1969 berupaya mencegah masyarakat daripada mengulangi kesilapan tersebut. Pengaruh isu perkauman dan menentukan kuasa politik dalam negara tidak dapat dinafikan menjadi sebab utama peristiwa hitam ini terjadi.

Seharusnya ia menyedarkan kita semua tentang peri pentingnya perpaduan untuk keselamatan dan pembangunan negara tetapi ia tidak berupaya mengikis sepenuhnya perasaan perkauman di kalangan kumpulan etnik di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya tidak ada sesiapa pun di dalam Dewan yang mulia ini inginkan pertembungan kaum seperti yang pernah dilalui oleh mereka yang terdahulu berlaku lagi di dalam negara yang kita cintai ini.

Cukuplah ia ditinggalkan dan diletakkan di dalam lipatan sejarah kerana rakyat tidak perlu melalui suasana kehidupan yang kucar-kacir, pertumpahan darah, keganasan, pertembungan dan akhirnya membawa kepada kemusnahan. Semua rakyat Malaysia mahukan kehidupan yang harmoni dan sejahtera, ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semua.

Oleh kerana itu saya amat terkesan dengan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang melahirkan rasa kebimbangan terhadap polarisasi kaum yang masih wujud di dalam masyarakat Malaysia. Kebimbangan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah sekiranya ia tidak dibendung mereka akan merebak dan menjadi barah kepada kestabilan negara.

Tuan Yang di-Pertua, polarisasi kaum di negara kita sebagaimana kita tahu berpunca daripada dasar pecah dan perintah oleh penjajah British yang mengasingkan kaum-kaum di negara ini. Kaum Melayu di kawasan perkampungan, kaum Cina ditempatkan di kawasan bandar, manakala kaum India di kawasan ladang dan estet.

■1620

Kerencaman atau komposisi masyarakat majmuk di negara kita perlu diurus dengan sebaiknya bagi mengelak lagi sebarang konflik perkauman yang boleh menimbulkan krisis yang akhirnya akan menggugat perpaduan nasional. Tidak dinafikan bahawa pihak kerajaan

telah melaksanakan pelbagai usaha untuk mengatasi pertelingkahan di antara etnik termasuklah menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara selepas berlaku peristiwa 13 Mei 1969.

Menggubal Dasar Kebudayaan Kebangsaan, membentuk sistem pendidikan yang berorientasi perpaduan, penggubalan prinsip Rukun Negara dan melancarkan rancangan pembangunan 20 tahun Dasar Ekonomi Baru. Namun usaha murni ini perlu dilipat gandakan dengan perhatian yang lebih tinggi. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dibawah Kementerian Perpaduan Negara seharusnya perlu...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat tunggu sekejap ya Yang Berhormat.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional di bawah Kementerian Perpaduan Negara seharusnya perlu sentiasa komited memperkasa hubungan kaum dan menangani isu yang berkaitan dengan agenda memperkasa perpaduan kaum. Program ke arah mengukuhkan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan amalan berintegrasi secara silang budaya terutama dalam kalangan pelajar pelbagai kaum daripada peringkat rendah hingga pusat pengajian tinggi mesti diberi perhatian agensi terbabit.

Saya menggesa kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional merangka satu model silang budaya yang perlu di terapkan melalui sistem pendidikan di sekolah untuk generasi muda kita supaya hubungan di antara etnik dapat di perkasa. Bak kata pepatah, *bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat.*

Pelan Tindakan Perpaduan Negara, Tuan Yang di-Pertua Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2025 yang sedang dirangka di bawah Kementerian Perpaduan Negara diharapkan akan dapat menjadi satu lagi usaha ke arah memperkukuhkan lagi perpaduan rakyat Malaysia berbilang kaum ini.

Yang di-Pertuan Agong telah menitahkan supaya agenda perpaduan nasional dapat diterapkan secara menyeluruh menerusi elemen-elemen kepercayaan dan jati diri yang teguh berlandaskan kepada prinsip Rukun Negara. Input yang bakal diperoleh melalui sisi maklum balas rakyat berhubung draf Pelan Tindakan Perpaduan Nasional ini daripada semua pihak secara atas talian ataupun secara bersemuka sepanjang bulan Ogos sehingga September ini. Diharapkan akan dapat meningkatkan semula penghayatan prinsip Rukun Negara dalam kalangan masyarakat berbilang kaum.

Saya menggesa agar semua pihak sama ada individu atau pun persatuan dapat memberikan kerjasama terhadap usaha Kementerian Perpaduan ini dan Dewan ini perlu

kompass, bersedia untuk menyampaikan pandangan kami kepada Yang Berhormat Menteri Perpaduan sebelum berakhir bulan September ini.

Rukun Negara, Tuan Yang di-Pertua pelancaran sambutan ulang tahun ke-50 rukun negara oleh Perdana Menteri Malaysia pada 9 Julai 2020. Adalah sangat tepat pada masanya untuk mengambil kesedaran rakyat Malaysia terhadap peri pentingnya memahami isi kandungan Rukun Negara ini. Saya masih ingat lagi ketika bersekolah dahulu, setiap kali perhimpunan sudah tentu akan ada acara untuk menyanyikan lagu Negaraku, lagu negeri dan ketua murid akan mengetuai bacaan ikrar Rukun Negara. Saya yakin dan percaya semua yang berada di dalam Dewan yang mulia ini pasti mempunyai pengalaman yang sama seperti saya.

Kita jangan lupa bahawa Rukun Negara diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 bersempena dengan tahun kemerdekaan negara yang ke-13 adalah sangat berkait rapat dengan Peristiwa 13 Mei 1969 yang menjadikan faktor lemahnya perpaduan antara kaum di Malaysia. Rukun Negara berasaskan kepada lima prinsip yang berhubung dengan kehidupan masyarakat, manakala matlamatnya pula tertumpu kepada memperkasakan Malaysia sebagai sebuah negara kukuh dan mempunyai kepelbagaian nilai serta menjadikan alat pembentukan negara. Ianya mestilah dijadikan pegangan hidup semua rakyat Malaysia tanpa kira kaum atau bangsa mahupun agama. Pembentukan Rukun Negara pada ketika itu adalah langkah tepat dalam mengeratkan perpaduan dan prinsip itu kekal relevan sehingga kini.

Peranan pemimpin terdahulu yang berfikiran jauh terhadap usaha untuk menyatupadukan semua etnik dan golongan di negara ini sangat dihargai. Saya mencadangkan supaya kerajaan mesti terus melaksanakan Program Bulan Rukun Negara pada setiap tahun seperti mana meraikan Hari Kemerdekaan. Ini amat penting bagi kerajaan untuk mempromosikan Rukun Negara bagi menerangkan kepada rakyat terutamanya generasi muda apa makna sebenar Rukun Negara, mengapa ia diwujudkan dan tujuannya dari aspek mempromosi, keharmonian, hormat-menghormati antara kaum.

Integrasi serta perpaduan terutamanya terhadap generasi muda yang bakal memimpin negara pada masa akan datang. Dato' Usman Awang Sasterawan Negara pernah berkata, *"Perpaduan tidak memberi erti kalau sekadar dalam lafaz kata-kata semasa, perpaduan tidak wujud hanya dengan disuruh-suruh dan di seru-seru, perpaduan harus diwujudkan atas kepentingan rakyat dan bukan kepentingan sesuatu pihak atau golongan sahaja."*

Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Tuan Yang di-Pertua kerajaan telah merangka membentukkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan dengan tujuan untuk menjamin kelangsungan perpaduan kaum di Malaysia. Ianya menjadi garis panduan dalam usaha membentuk satu bangsa yang bersepadu dan beridentiti negara serta dapat membentuk ciri-ciri keperibadian bangsa Malaysia yang hebat. Allahyarham Dato' Haji Shahnnon bin Ahmad

pernah menyatakan bahawa kesedaran untuk memupuk kebudayaan kebangsaan diasaskan berdasarkan tiga matlamat yang utama:

- (i) memupuk dan memelihara keperibadian nasional yang tumbuh dari kebudayaan nasional;
- (ii) mengukuh perpaduan bangsa dan negara melalui kebudayaan nasional; dan
- (iii) memperkaya dan mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan pembangunan sosioekonomi.

Usaha untuk mencari titik pertemuan melalui kebudayaan ini mesti diteruskan malah perlu diberikan perhatian serius. Asimilasi budaya bukanlah bermakna menghapuskan budaya sesuatu kaum tetapi ianya bertujuan untuk mencari titik pertemuan ke arah kebaikan bersama.

Penutup. Tuan Yang di-Pertua sebagai penutup saya ingin mengajak seluruh Ahli Dewan Negara dan seluruh rakyat Malaysia supaya kita membina anjakan paradigma dalam hubungan sesama rakyat Malaysia. Mengamalkan kehidupan saling muafakat yang tidak berpecah belah ibarat...

*Serumpun bak serai;
Sesusun bak sireh.*

*Bersatu kita teguh;
Bercerai kita roboh.*

■1630

Negara ini perlukan rakyatnya yang bersatu padu untuk kekal merdeka. Bukannya rakyat yang saling yang bermusuhan atau bercakaran sesama sendiri. Jika bukan kita, siapa lagi? Jika bukan sekarang, bila lagi? Dengan ini, saya menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 17(1)

Tuntutan Negara Filipina Terhadap Negeri Sabah

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang masa telah pun pukul 4.30 petang. Menurut keputusan yang telah dibuat pada pagi tadi, satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1) telah dibenarkan untuk dibahas pada petang ini.

Saya sekarang memulakan perbahasan usul ini. Pihak pencadang akan diberi tidak lebih daripada 30 minit dan pihak kerajaan juga sedemikian. Yang Berhormat Senator Tuan Banie Lasimbang, sila kemukakan.

4.31 ptg.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kerana luluskan Usul yang saya telah bawa pada hari ini. Saya ingin memulakan perbahasan ini dengan menyentuh beberapa perkara berkenaan dengan perkara yang telah saya bangkitkan.

Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, perkara tentang tuntutan Filipina terhadap Sabah ini bukanlah perkara yang baharu. Malah, jikalau kita dilihat daripada sejarah, sehinggakan penubuhan Persekutuan Malaysia itu pun telah ditangguhkan. Ini kerana, untuk memastikan tuntutan-tuntutan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Filipina pada masa itu, dapat kita atasi dan dapat diurus dengan baik di peringkat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Saya yakin pada masa itu, semasa penubuhan Kerajaan Persekutuan Malaysia, kita telah melalui proses itu. Melalui proses-proses yang diperuntukkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu kita telah mendapat- *Cobbold Commission* menjalankan tugasnya dan laporan-laporan IGC telah dibentangkan di peringkat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkenaan dengan perkara ini.

Tuntutan Kepulauan Spartly oleh Filipina sebenarnya satu tuntutan yang bertindih dengan negara Malaysia. Oleh sebab itu, saya rasa salah satu kenapa Filipina terus berkeras untuk menuntut Sabah kerana strategiknya kedudukan Sabah itu di perairan Laut China Selatan yang untuk memperkukuhkan tuntutan mereka ini. Ini adalah satu tindakan yang sangat yang tidak bertanggungjawab kerana menggunakan Sabah sebagai satu titik untuk menuntut Kepulauan Spartly bagi pihak mereka, sedangkan kita juga mempunyai hak terhadap kawasan ini dan kita telah mempunyai kedaulatan terhadap kawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada 20 Ogos 2020 baru-baru ini, perkara ini timbul lagi kerana *House of Representatives* ataupun Dewan Perwakilan Filipina telah meluluskan satu Rang Undang-undang iaitu *Bill 6399* yang telah dicadangkan oleh perwakilan mereka Rufus Rodriguez daripada *Cagayan de Oro* di dalam *House of Representatives* Filipina yang menyatakan bahawa perlu peta untuk memasukkan peta Sabah itu sebahagian daripada pasport negara Filipina. Implikasi daripada Rang Undang-undang ini sebenarnya sangat besar, sungguhpun ia hanya satu peta yang menunjukan bahawa mereka *mark* dan ada tuntutan terhadap itu tetapi daripada segi perbuatan ini, ia adalah satu pengkhianatan dan penghinaan terhadap kedaulatan negara kita.

Jadi, kita tidak harus berkompromi dengan penghinaan seperti ini. Ini kerana, kita telah berjuang sekian lama. Apakah *basis* ataupun asas tuntutan Filipina ini untuk menuntut Sabah

dan kawasan-kawasan ini? Jadi, kalau kita lihat daripada segi sejarah, sebenarnya tuntutan ini semua datang daripada sejarah yang sudah sekian lama. Sebenarnya apabila satu perang saudara Kesultanan Brunei pada masa itu pada tahun 1661 sehingga tahun 1673 yang telah membuatkan salah satu pihak daripada Kesultanan Brunei itu untuk meminta pertolongan daripada Kerajaan Sulu pada masa itu.

Akan tetapi, apa yang telah berlaku adalah pertolongan itu tidak pernah datang. Oleh sebab tidak pernah datang, keputusan daripada perang saudara itu di Kesultanan Brunei, maka apa yang dituntut oleh Kesultanan Sulu pada masa itu adalah tidak berasas kerana pada surat yang telah diutus- sebenarnya janji itu adalah kalau mereka datang dan bantu, Kerajaan Brunei pada masa itu akan menghadiahkan kepada Kesultanan Sulu sebahagian daripada wilayah dia, iaitu di sebelah Sabah.

Akan tetapi, apa yang telah berlaku adalah *help* atau bantuan itu tidak pernah datang. Jadi, apa asasnya mereka menuntut janji ini sedangkan apa yang telah dijanjikan oleh mereka itu tidak pernah datang. Jadi, perkara ini telah berlaku sekian lama, sudah beratus tahun sehingga ke hari ini. Jadi, saya mintalah kepada kerajaan sekarang ini untuk kita menjalankan satu kajian sejarah yang terperinci berkenaan isu-isu ini. Oleh sebab apa yang berlaku ini adalah kebanyakan hanya menjadi *hearsay* kerana tidak ada *supporting documents* yang menyokong tuntutan Filipina tersebut. Jadi, untuk memastikan bahawa apabila kita menghujahkan dan melawan tuntutan ini, kita harus bersedia dengan fakta-fakta dan juga dokumen-dokumen yang memastikan bahawa Sabah itu adalah tidak ada dalam tuntutan Filipina- dalam Kesultanan Sulu.

Perkara kedua, yang saya ingin tegaskan di sini Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai orang asal Sabah, kami tinggal di dalam *inland*. Sebenarnya, dalam *oral history* kami Tuan Yang di-Pertua, kami tidak pernah bercakap dan ada dalam rekod kami, kami memperakui Kerajaan Sulu, tetapi apa yang ada dalam sejarah kami adalah, Kesultanan Brunei dan juga bagaimana pemimpin-pemimpin ataupun ketua-ketua kaum kami itu berinteraksi dengan wakil-wakil daripada Kesultanan Brunei.

Jadi, ini menunjukkan bahawa tuntutan yang diambil oleh Filipina ini sebenarnya tidak ada asasnya. Jadi, kita harus memastikan bahawa apabila perkara ini hendak dibincangkan, kita mempunyai kekuatan daripada segi fakta dan juga daripada kajian sejarah yang berasas, kuat dan kukuh. Dengan itu, saya mencadangkan supaya kerajaan memperuntukkan peruntukan khas bagi Universiti Malaysia Sabah membuat kajian sejarah ini untuk memastikan sejarah-sejarah yang ada di negeri Sabah dan kawasan kepulauan Borneo dapat di-*compile*.

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai persoalan di sini adalah, apabila tuntutan ini keluar, apa tindakan Kerajaan Malaysia? Apa tindakan yang telah berlaku? Jadi, saya ingin tegaskan di sini bahawa kalau kementerian melalui Yang Berhormat Menteri hanya menjawab

melalui *Twitter*, saya rasa itu tidak cukuplah. Kita mesti buat satu tindakan yang lebih formal. Jadi, ini adalah satu perkara yang serius dan kita tidak boleh gunakan sosial media sahaja untuk membuat sesuatu yang ada kaitannya dengan hubungan diplomatik. Jadi, saya mintalah kepada kita punya Yang Berhormat Menteri untuk mengambil tindakan yang lebih tegas dalam perkara ini.

Perkara kedua yang ingin saya bangkitkan di sini, yang ada kaitan keputusan daripada *International Court of Justice* (ICJ) apabila membuat penghakiman tentang Sipadan dan Ligitan. Keputusan *precedent* daripada kes ini mengambil- membolehkan satu asas yang kukuh bagi Kerajaan Malaysia sebab dalam *precedent* tersebut Kerajaan Malaysia menang kerana *continuous occupancy* ataupun *governance* terhadap Ligitan dan juga Kepulauan Sipadan.

Jadi, ini menunjukkan bahawa kalau kita menunjukkan dari dahulu lagi kita ada *continuous governance*, dengan izin, terhadap kawasan Wilayah Sabah ini, sudah tentu ini memperkukuhkan lagi *claim* ataupun kedaulatan kita. Jadi, saya mintalah autoriti ataupun kita punya kerajaan untuk mempersiapkan satu *legal team* untuk melihat daripada aspek sudut undang-undang daripada undang-undang yang paling rendah sehinggalah undang-undang antarabangsa untuk memastikan kedaulatan Sabah dapat dipelihara.

Kemudian, apa yang perlu kita buat? Saya juga ingin cadangkan di sini bahawa passport Filipina yang kononnya akan dikeluarkan dengan peta Sabah itu, saya ingin mencadangkan supaya tidak boleh digunakan di Malaysia. Kita tidak mahu menerima passport-pasport yang berbentuk memprovokasi kedaulatan kita.

■1640

Jadi, saya minta Kementerian Luar Negeri untuk memastikan bahawa Kementerian Dalam Negeri tidak memperakui passport-pasport Filipina yang mempunyai peta yang memasukkan negeri Sabah. Rakyat Sabah mendapat jaminan keselamatan dan perlindungan ketika membentuk Persekutuan Malaysia. Oleh sebab ini adalah satu daripada asas daripada penubuhan Persekutuan. Sabah pada masa itu sangat waswas dan susah hati kerana tuntutan daripada pelbagai pihak, bukan sahaja dituntut oleh Filipina tetapi juga ada tuntutan dari pihak Indonesia pada masa itu.

Jadi ketika ini, saya rasa kita sudah ingin menikmati kemajuan dan juga kedaulatan kita bersama dengan Malaysia. Datang pula tuntutan-tuntutan seperti begini. Saya mintalah supaya Kementerian Luar Negeri harus bertindak balas sekeras-kerasnya dalam perkara ini. Apa yang jelas, satu pelanggaran kedaulatan negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggulung perbahasan saya di sini untuk memastikan bahawa kita harus menggunakan jalan-jalan diplomatik, khasnya di platform ASEAN. Oleh sebab saya masih ingat ada pernah sekali Filipina menggugurkan atau hampir menggugurkan tuntutan ini semasa era pemerintahan Marcos pada tahun 80-an. Oleh sebab

beliau telah mengumumkan hasrat itu di peringkat ASEAN kerana kita harus memelihara juga setia kawan kita di antara negara di dalam ASEAN ini.

Jadi, saya minta Kementerian Luar Negeri untuk terus membawa perkara ini di peringkat ASEAN, membincangkan ini secara diplomatik dengan baik untuk memastikan kita mendapat penyelesaian yang terbaik bagi negeri Sabah. Sekian dan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang. Perbahasan dimulakan dan dijemput Yang Berhormat Senator Paul Igai.

4.42 ptg.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju, kita mesti tidak mengiktiraf tuntutan dari negara Filipina. Sabah telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan masyarakat antarabangsa iaitu Sabah adalah sebahagian negeri di dalam Malaysia sejak September 1963 dulu.

Sedikit menyentuh sejarah Sabah. Pada tahun 1941, Sabah telah dijajah oleh Jepun. Pada 1945, Jepun menyerahkan diri kepada Britain atau British. Kemudian British menjajah Sabah, hampir tahun 1963 Sabah bersama Sarawak, Singapura dan Malaya membentuk negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, perlulah Wisma Putra mengambil tindakan tegas dan sewajarnya mengenai hal kedaulatan negara kita ini. Perkara ini adalah dilihat sebagai satu provokasi yang serius dan tidak diingini.

Hubungan antara Malaysia dengan Filipina selama ini, lama sudah, sangat tenang dan tidak ada masalah selama ini. Sejak tahun 1977, bila kerajaan Filipina bersetuju untuk tidak meneruskan tuntutan kepada Sabah. Tuan Yang di-Pertua, tidak wajarlah Filipina atau tidak berhak untuk menuntut Sabah. Saya harap isu ini hanyalah isu politik dalam di negara Filipina sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong.

4.44 ptg.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Selamat petang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut berbahas dalam usul yang dibawa oleh rakan saya iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang. Oleh kerana saya berasal dari Sarawak, semasa insiden Lahad Datu yang berlaku, insiden yang begitu malang sekali berlaku pada tahu 2013.

Saya yang di utara Sarawak ini turut berasa bimbang oleh kerana ancaman tersebut. Oleh sebab sebelum ini, pada zaman saya tidak berlaku apa-apa yang kita katakan sebagai

perang. Masa itu, walaupun kita di Sarawak, kita juga terasa ancaman pencerobohan berikutan dengan insiden ataupun tragedi Lahad Datu tersebut.

Saya inginkan kerajaan bersiap sedia. Setakat sekarang ini, saya telah dimaklumkan melalui Menteri Luar Negeri kita, Dato' Seri Hishammuddin. Beliau telah berkata akan memanggil Duta Besar Filipina ke Kuala Lumpur ke Wisma Putra. Akan tetapi itu belum ditunaikan, saya tidak nampak ada berita bahawa Duta Besar Filipina ke Kuala Lumpur telah hadir ke Wisma Putra untuk memperjelaskan isu tersebut.

Saya harap Menteri Luar Negeri kita boleh tegas dan memanggil dengan serta-merta beliau untuk hadir ke Wisma Putra. Ini satu tanda kita protes terhadap provokasi yang dilakukan ke atas kedaulatan Sabah, kedaulatan Malaysia. Saya ingin Menteri kita bertegas dalam hal ini dan memanggil beliau dan juga dengan segera kita mengadakan satu rundingan dua hala iaitu *government-to-government*. Oleh kerana saya tidak akan mengulang lagi hujahan yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator yang lain bahawa memang tidak boleh dipertikaikan lagi, Sabah sebahagian dari Malaysia sejak pembentukan Malaysia pada 1963.

Itu telah diisytiharkan oleh Mahkamah Antarabangsa dan juga diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Saya harap negara Filipina mengamalkan semangat ASEAN dan tumpukan perhatian mereka untuk memerangi COVID-19. Oleh kerana negara ia mencatat jangkitan COVID yang begitu tinggi, paling tinggi di Asia Tenggara tetapi ia hendak campur tangan lagi hak kedaulatan Sabah ini. Ini tidak masuk akal dan saya menyeru supaya kita bantah termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, termasuk Menteri Luar Negeri yang bertanggungjawab untuk kita memberi satu notis bantahan tersebut yang kuat sekali kepada negeri Filipina.

Untuk ESSCOM ataupun tentera kita. Kita harus bersiap sedia. Bukan kita hendak menakut-nakutkan tetapi *we have to be ready*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kerana kita takut apa-apa pun boleh berlaku pada bila-bila masa juga. Saya harap dari segi ESSCOM kita tambah baik persiapan mereka dan juga alat-alat yang patut diberikan kepada ESSCOM untuk kita berwaspada tentang tuntutan ini yang tidak habis-habisan. Saya rasa amat kesal dan saya kritik sekeras-kerasnya.

Saya terima kasih juga kepada Tuan Yang di-Pertua, walaupun baru tetapi isu ini merentasi... [*Tepuk*] Terima kasih kita ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan usul ini di bawa di Dewan yang mulia ini. *This issue is not a political issue. It is not about politics. It is about country sovereignty*, negara kita. Itu kita harus pertahankan tanpa kita mengambil kira latar belakang politik kita kerana negara kita, kerana Sabah adalah sebahagian daripada Malaysia yang kita cintai. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat, terutama tentang penekanan bahawa Sabah merupakan sebahagian kita dan tidak boleh diceraikan dalam apa

pun situasi. Saya memberi juga peluang kepada petang ini untuk Yang Berhormat Senator Puan Raj Murni binti Sabu untuk meneruskan.

4.49 ptg

Puan Raj Murni binti Sabu: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Pada petang ini, saya juga ingin merakam ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah menerima usul ini untuk dibahaskan di Dewan yang mulia ini. Pada hakikatnya, di sudut fakta, Filipina memulakan tuntutan ke atas Sabah pada 1963, yakni selepas kita, Sabah berjaya dimerdekakan bersama-sama dengan Malaysia.

■1650

Akan tetapi kemudiannya telah bersetuju pada tahun 1977 untuk tidak lagi meneruskan tuntutan terhadap Sabah. Walau bagaimanapun, dalam politik yang berlaku di Filipina, khususnya pada tahun 2016 dalam percaturan Presiden yang ada sekarang ini di Filipina, Rodrigo, telah menggunakan isu tuntutan Filipina atas Sabah ini sebagai kempen politik beliau. Kita tahu bahawa Pilihan Raya Presiden di Filipina juga akan berlaku pada tahun 2022 dan saya melihat sekali lagi Rodrigo cuba untuk mengangkat isu ini untuk menjadi juara di negaranya.

Ini satu yang saya setuju dengan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa ini adalah provokasi politik yang tidak seharusnya dibiarkan oleh sebuah negara yang menjalinkan kerjasama yang baik dengan negara kita. Saya juga setuju supaya Yang Berhormat Menteri Luar Negeri untuk kerajaan memanggil semula Duta Filipina yang ada di Kuala Lumpur untuk membincangkan hal ini supaya hal ini tidak lagi berlanjutan, Tuan Yang di-Pertua.

Terbaru pada 1 September ini, saya memetik, Kementerian Luar Filipina mahu membuka semula jabatan khas bagi menggerakkan usaha menuntut hak dan merebut semula Sabah dari Malaysia. Pada saya, ini juga satu provokasi melampau yang kerajaan kita perlu mengambil tindakan yang tegas supaya hal-hal ini tidak berlaku.

Pada waktu ini juga saya ingin mengambil kesempatan, Tuan Yang di-Pertua, untuk mungkin saya merakamkan beberapa soalan kepada kerajaan untuk kita mendapat jawapan yang tuntas. Mudah-mudahan dengan jawapan itu, kita sendiri sebagai rakyat Malaysia dan saya sendiri sebagai orang Sabah akan merasa selamat, tidak lagi ditakut-takuti bahawa Filipina akan mengambil Sabah.

Pertama yang saya mungkin ingin kemukakan kepada kerajaan, kementerian, Menteri ialah mengapa isu tuntutan Filipina atas Sabah ini masih berterusan walaupun selepas 57 tahun Sabah sudah merdeka bersama-sama dengan Malaysia? Mengapa hal ini berterusan? Mungkin di situ ada fakta dan juga fakta-fakta yang jelas mungkin boleh mempengaruhi selain daripada saya sebutkan tadi mungkin faktor-faktor politik. Apakah langkah-langkah kerajaan ambil dan akan ambil agar isu-isu ini tidak lagi diulang tayang?

Saya percaya bahawa isu ini juga kalau kita tidak dapat urus dengan baik, ia juga menjadi provokasi kepada rakyat Sabah. Seolah-olah kerajaan kita membiarkan mereka berada dalam keadaan tertekan oleh Kerajaan Filipina atau mungkin terancam. Rakyat Sabah mula merasa terancam. Maka ini juga mungkin boleh dijadikan isu-isu pilihan raya negeri, dilanjutkan. Pada saya sebagai Ahli Dewan Negara, hal ini perlu diuruskan dengan sebaiknya supaya tidak dipolitikkan berlebihan sehingga menjejaskan keutuhan dan perpaduan negara.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, adakah Filipina akan dan mungkin sudah pun memasukkan kah- kita tidak pasti, kita bertanya kepada Wisma Putra. Apakah Filipina akan membawa isu tuntutan ini ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa? Sekiranya itu berlaku, bagaimanakah potensi Malaysia? Sebab, kita tahu dalam satu kes iaitu Sipadan dan Pulau Ligitan yang dituntut oleh Indonesia, akhirnya dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa tetapi akhirnya menunjukkan kita berjaya mendapatkan hak pada Pulau Ligitan dan Sipadan. Justeru itu juga, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang antarabangsa sebenarnya memperuntukkan ataupun menetapkan beberapa cara untuk sesebuah negara mendapatkan wilayah yang mereka hendak rampas. Pertamanya mungkin penjajahan. Penjajahan itu sudah tidak berlaku lagi. Lagi-lagi pun, dalam Piagam PBB sudah mengesahkan bahawa Sabah adalah dalam Malaysia.

Keduanya adalah preskripsi dan ketiga adalah serahan. Jadi dalam isu tuntutan Filipina atas Sabah ini, saya tidak nampak di bahagian mana yang mereka boleh terus menuntut Sabah dari Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin Dewan Negara ini juga merakamkan kenyataan tegas kita kepada Kerajaan Filipina dan ahli-ahli politik di Filipina agar segera menghentikan provokasi-provokasi yang melampau begini. Ia tidak cocok untuk negara-negara yang sepatutnya serumpun ataupun berjiran. Ini akan menimbulkan keadaan-keadaan yang lebih tidak cantik di peringkat kita khususnya di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Raj Murni binti Sabu. Ada rayuan untuk dibenarkan Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong untuk berucap. Silakan.

4.55 ptg.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong usul yang dibentangkan oleh rakan saya iaitu Yang Berhormat Senator Adrian Banie Lasimbang berkenaan dengan tuntutan Filipina.

Pertama sekali, saya ucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan usul ini dibahaskan dalam Dewan ini dan saya harap kita boleh ada lebih banyak peluang untuk membahaskan isu-isu serantau dan isu-isu yang berkenaan dengan kedaulatan negara.

Isu ini sudah lama tetapi saya rasa dalam sejarah kita, sebenarnya Malaysia dengan Filipina ada satu asas yang baik pada lawatan Presiden Ramos ke Malaysia pada tahun 1993. Ahli-ahli politik di Filipina seharusnya kembali kepada asas perjanjian di antara Malaysia dan Filipina pada lawatan Presiden Ramos pada tahun 1993 sebagai satu asas untuk kedua-dua negara menghadapi cabaran di serantau kita.

Ahli-ahli politik di Filipina memang mempolitikkan isu ini untuk mengalihkan pandangan pengundi terhadap isu-isu serantau termasuk isu geopolitik di antara Amerika Syarikat dengan negara China di Laut China Selatan. Saya harap kita memang tegas. Kita tegas melawan dan juga menegakkan kedaulatan kita.

Tetapi juga saya rasa adalah penting untuk ahli-ahli politik di negara Filipina bersama dengan kita memahami bahawa suasana geopolitik kita sudah memang dalam suatu keadaan di mana kerjasama di antara Filipina dan Malaysia adalah amat diperlukan. Kalau Filipina memainkan isu kedaulatan negara kita, memang ia adalah dikesali dan tidak betul, tidak harus dilakukan pada masa ini. Pada masa ini di mana kita menghadapi begitu banyak cabaran di Laut China Selatan, adalah penting untuk ahli-ahli politik terutamanya pentadbiran Duterte memberikan tumpuan untuk mengadakan kerjasama yang lebih kerap, lebih baik di antara Malaysia dengan Filipina.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selesai kita mendengar hujah-hujah daripada beberapa orang Yang Berhormat Senator pada petang ini. Tentu sekali apa-apa yang telah dikemukakan itu bertalian belaka dengan apa yang dianggap sebagai kedaulatan terhadap Malaysia sendiri.

Tanpa meneruskan pandangan yang bertambah, meletakkan hal ini di paras yang agak sukar, sukacita kita mendengar kupasan semula oleh Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang bagi mengupas dan membuat rumusan berhubung dengan usul yang beliau bawa. Dipersilakan.

4.59 ptg.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak akan membuat rumusan yang panjang. Saya rasa hujah-hujah yang telah dibawa oleh rakan-rakan Senator saya cukup jelas bahawa kedaulatan terhadap negeri Sabah dan juga kedaulatan negara kita ini tiada komprominya. Hanya kita mahu supaya tindakan yang drastik dapat dibuat oleh Kementerian Luar Negeri untuk memastikan hubungan dua hala diplomatik

daripada kerjasama Malaysia dan Filipina ini tidak terjejas dan pada masa yang sama, kedaulatan Sabah itu tidak dapat dipersoalkan.

Jadi itulah untuk menggulung perbahasan ini dan juga usul-usul yang telah dibawa, saya minta supaya Kerajaan Persekutuan mengambil tindakan yang drastik untuk memastikan bahawa isu ini dapat ditangani dengan sebaiknya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1700

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Sampai masa bagi kita mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri.

5.00 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Kamarudin Jaffar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi barakatuh* dan salam sejahtera.

Saya bangun mewakili Yang Berhormat Menteri Luar Negeri yang terpaksa berada di luar Kuala Lumpur kerana menjalankan tugas-tugas rasmi Kementerian Luar Negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang, yang disokong oleh Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong, Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu, dan Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong, di dalam suatu Usul yang amat penting untuk kita bersama-sama menjaga kepentingan dan menjelaskan lagi kesetiaan kita bersama kepada negara Malaysia yang kita cintai ini.

Saya juga amat-amat berterima kasih di atas peranan Tuan Yang di-Pertua sendiri kerana apabila dibangkitkan Usul ini dan dimaklumkan kepada Kementerian Luar Negeri dalam semangat baru yang Tan Sri telah nyatakan di hari pertama Tan Sri sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan ini untuk kita memastikan bahawa Dewan Negara yang mulia ini memainkan peranan yang penting dalam isu-isu dalam negara kita ini.

Dalam seingatan saya Tuan Yang di-Pertua, ini mungkin kali pertama sepanjang yang kita ketahui bahawa Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1) ini dibawa dan dibahaskan di Dewan Negara yang mulia ini... *[Dewan tepuk]*

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, perkara dan isu ini juga telah dibawa pada 27 Ogos yang lalu di Dewan Rakyat yang dibawa oleh Yang Berhormat daripada Sabah juga iaitu Yang Berhormat Batu Sapi dan kita telah juga membahaskan Usul ini di Kamar Khas Dewan Rakyat. Pertamanya saya yakin bahawa apa yang kita dengar daripada Yang Berhormat Senator tadi, semuanya walaupun ada soalan, ada cadangan, ada pertanyaan dan sebagainya, tetapi sebahagian besar daripada ucapan-ucapan yang kita dengar tadi juga

menandakan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang lima tadi semuanya memahami dan mengetahui latar belakang kepada isu ini sendiri. Jadi, ini memudahkan tugas saya untuk memberikan penjelasan-penjelasan dalam penggulungan di atas Usul ini.

Walau apa pun, sebelum kita meneruskan ucapan ini, izinkan saya berkongsi secara ringkas latar belakang perkembangan terbaharu yang disebutkan di dalam Usul dan juga semasa perbahasan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Sebelum saya menerangkan secara lanjut, saya ingin memperbetulkan Usul yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang iaitu bahawa perkara ini bukan langkah terbaharu Kerajaan Filipina ataupun pendirian rasmi Kerajaan Filipina ataupun ia telah diluluskan oleh Dewan Perwakilan Filipina. Sebenarnya, ia hanyalah sekadar satu cadangan yang dibawa oleh anggota Jawatankuasa Hal Ehwal Luar Dewan Perwakilan Filipina atau, dengan izin, *The Committee on Foreign Affairs of the Philippines House of Representatives* yang akan saya terangkan seperti berikut.

Baru-baru ini Jawatankuasa Hal Ehwal Luar Dewan Perwakilan Filipina mengadakan proses untuk mewujudkan satu rang undang-undang gantian, dengan izin, *Substitute Bill* bagi meminda, menggantikan ataupun memansuhkan Akta Republik, dengan izin, *Republic Act No. 8239* yang juga dikenali sebagai Akta Pasport Filipina, dengan izin, *Philippines Passport Act 1996*. Jawatankuasa tersebut dianggotai oleh 46 orang Ahli Dewan Perwakilan Filipina.

Cadangan-cadangan pindaan yang telah diluluskan di peringkat jawatankuasa tersebut meliputi antara lain perkara-perkara berhubung Akta Pasport Filipina seperti Penubuhan Pusat Pemprosesan dan Pengeluaran Pasport di Filipina, kemudahan proses dokumentasi dan senarai kelayakan untuk mendapatkan pasport rasmi dan pasport diplomatik dan juga mengenai penetapan tempoh sah laku pasport negara itu.

Berdasarkan maklumat yang diterima oleh Kementerian Luar Negeri juga, salah seorang ahli jawatankuasa berkenaan, Rufus Rodriguez dari Cagayan de Oro telah membuat cadangan, rang undang-undang pindaan untuk memasukkan wilayah Sabah ke dalam peta Filipina dengan tujuan peta baharu tersebut dimasukkan dalam pasport Filipina. Jadi, apakah status cadangan Ahli Jawatankuasa Hal Ehwal Luar Dewan Perwakilan Filipina dan apakah proses kelulusan rang undang-undang Filipina?

Setakat ini, cadangan rang undang-undang tersebut yang kita bahaskan pada hari ini, masih lagi belum dikategorikan sebagai Rang Undang-undang Dewan Perwakilan Filipina. Berdasarkan proses penggubalan undang-undang di Filipina yang kita ketahui, cadangan rang undang-undang tersebut masih perlu melalui pelbagai peringkat Jawatankuasa Perolehan atau, dengan izin, *House Committee on Appropriation*, dan Jawatankuasa Peraturan, dengan izin, *House Committee on Rules* sebelum dibentangkan untuk bacaan kali kedua dan kemudiannya bacaan kali ketiga untuk diluluskan di peringkat Dewan Perwakilan Filipina atau *The House of Representatives*.

Cadangan rang undang-undang tersebut, jika diluluskan di peringkat Dewan Perwakilan Filipina akan dirujuk pula untuk perbahasan dan kelulusan di Dewan Senat atau *The House of Senate*. Dewan Perwakilan dan Dewan Senat merupakan dua *Chambers* ataupun Dewan Kongres Filipina. Hanya setelah rang undang-undang tersebut diluluskan oleh Kongres Filipina dan melepasi beberapa peringkat perundangan atau, dengan izin, *legislative* dan kajian semula- *review*, dengan izin, barulah ia diangkat untuk kelulusan Presiden Filipina.

Apa pendirian Kerajaan Malaysia? Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 29 Ogos 2020, semasa lawatan beliau ke Sabah telah menegaskan bahawa, dengan izin, “*We are stand fast that Sabah is a very important and integral part of Malaysia, now and forever*”. Sambung beliau lagi, “*...dan jangan ada pihak yang mahu mencabar kedaulatan Sabah sebagai sebahagian daripada Malaysia ini. Ini akan terus kita pertahankan sampai ke titisan darah yang terakhir*”... [Dewan tepuk]

Di sini apa yang penting kepada kita, bukannya proses bagaimana cadangan rang undang-undang di Filipina ini akan disusuli. Akan tetapi, sudah tentunya ialah cadangan rang undang-undang itu sendiri sebagaimana yang kita dengar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Ingin saya tegaskan di sini bahawa pendirian Malaysia mengenai isu tuntutan Sabah ini adalah jelas dan konsisten. Malaysia tidak akan sekali-kali dan sampai bila-bila masa melayan apa lagi mengiktiraf sebarang bentuk tuntutan oleh mana-mana pihak asing ke atas negeri Sabah. Kita sedia maklum bahawa isu tuntutan ke atas Sabah kadangkala dimainkan oleh beberapa ahli politik di Filipina bagi kepentingan politik dalaman mereka. Isu ini sering dijadikan modal politik terutamanya oleh segelintir ahli politik dari Kepulauan Luzon untuk kononnya menunjukkan semangat patriotik. Akan tetapi sebenarnya hanya bersifat kosmetik dalam usaha mereka untuk meraih sokongan rakyat Selatan Filipina. Isu ini selalunya kerap dibangkitkan menjelang pilihan raya di Filipina.

Kita di Malaysia menganggap permainan politik sebegini adalah tindakan yang sia-sia dan tidak bertanggungjawab. Jelas sekali tindakan sebegini adalah tidak sensitif dan tidak mengambil kira hubungan baik yang sudah lama terjalin di antara Malaysia dan Republik Filipina dan juga semangat setia kawan serta kerjasama dalam ASEAN. Kita semua sedia maklum isu tuntutan ke atas Sabah oleh Filipina bukan sahaja tidak berasas, malah tidak relevan. Sabah adalah sebuah negeri dalam Persekutuan Malaysia berasaskan fakta-fakta berikut.

Pertama, pada tahun 1962 rakyat negeri Sabah telah dengan jelas menentukan sendiri hak mereka, dengan izin, *in the exercise of their self determination* supaya Sabah berada dalam Persekutuan Malaysia.

■1710

Keputusan Referendum Suruhanjaya Cobbold seperti yang termaktub dalam laporan yang bertarikh 1 Ogos 1962 menentu sahkan aspirasi dan keputusan rakyat negeri Sabah untuk menyertai Persekutuan Malaysia. Di bawah prinsip undang-undang antarabangsa, seseorang individu boleh melaksanakan hak menentukan sendiri pemerintahan negeri mereka, dengan izin, *self determination* hanya sekali sahaja dalam sejarah negeri mereka itu. Rakyat negeri Sabah telah melaksanakan hak tersebut di hadapan Suruhanjaya Cobbold.

Kedua, pada 14 September 1963 Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melaporkan kepada Perhimpunan Agung PBB bahawa rakyat Sabah memilih untuk menyertai Malaysia. Sejak daripada detik itu, PBB dan masyarakat antarabangsa mengiktiraf Sabah sebagai, dengan izin, *an inseparable, unalienable and integral part of* Malaysia.

Ketiga, pada 16 September 1963 Sabah dengan rasminya menyertai Persekutuan Malaysia. Kita di Malaysia akan merayakan dan meraikan tarikh keramat 16 September ini dalam beberapa hari sahaja lagi.

Keempat, semenjak tahun 1963 negeri Sabah telah menjadi sebahagian daripada kedaulatan dan keutuhan Wilayah Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah nyatakan, berdasarkan aspek-aspek sejarah dan perundangan status negeri Sabah dalam Malaysia adalah jelas. Apa jua tuntutan yang dibuat oleh mana-mana pihak asing atas negeri Sabah berdasarkan sejarah terdahulu atau atas apa-apa alasan lain tidak lagi relevan serta tidak terpakai.

Seperkara lagi yang ingin saya tekankan dan sebagaimana kita dengar juga Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sebutkan tadi iaitu keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada tahun 2001. Semasa perbicaraan kes antara Malaysia dan Indonesia berhubung kedaulatan Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan pada tahun tersebut, pihak Filipina telah memohon untuk mencelah, dengan izin, *to intervene* dalam kes tersebut berdasarkan tuntutan mereka ke atas Sabah.

Walau bagaimanapun, permohonan Filipina untuk mencelah atau *intervene* telah ditolak oleh ICJ. Jadi sekadar untuk *intervene* dalam kes pun Mahkamah Keadilan Antarabangsa tolak inikan lagi hendak buat tuntutan secara dasarnya. Lebih daripada penolakan permohonan Filipina tersebut salah seorang Hakim ICJ yang terlibat dalam perbicaraan kes Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan iaitu hakim *ad hoc* Thomas Franck dalam penghakiman berasingan telah mengulas.

Saya petik ulasan beliau ini, prinsip undang-undang antarabangsa moden tidak mengiktiraf hak kedaulatan semata-mata berdasarkan sejarah, tidak dalam apa jua keadaan selepas hak menentukan pemerintahan sendiri dilaksanakan kerana ia menerima

pengiktirafan antarabangsa oleh organ politik PBB. Maka tuntutan berdasarkan sejarah dan hak-hak sebelum era kolonial telah berakhir dan kini hanya menjadi peristiwa sejarah.

Jadi ini juga menjawab hasrat pihak kita di dalam Dewan yang mulia ini supaya kita membuat kajian-kajian sejarah. Keputusan yang dibuat oleh hakim *ad hoc* ini jelas menyatakan bahawa sejarah pun tidak perlu dikaji dan diselidik lagi kerana keputusan sudah pun dibuat oleh rakyat Sabah menerusi Suruhanjaya Cobbold dan keputusan ini diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu itu sendiri.

Apakah pula tindakan Kementerian Luar Negeri? Seperti yang dinyatakan sebelum ini, Malaysia tidak sekali-kali akan melayan sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak atau individu ke atas sebahagian atau keseluruhan negeri Sabah. Negeri Sabah merupakan sebahagian daripada Malaysia. Setiap kali kenyataan berhubung isu tuntutan ke atas Sabah timbul, Kementerian Luar Negeri akan terus mengambil tindakan segera bagi menolak kenyataan-kenyataan tersebut.

Antara tindakan yang telah diambil adalah mengemukakan nota bantahan, mengeluarkan kenyataan media atau memanggil Duta Besar Filipina ke Kementerian Luar Negeri kita. Jadi ini menjawab satu dua soalan yang dibangkitkan tadi. Pada masa yang sama Duta Besar Malaysia ke Filipina telah mempertahankan pendirian Malaysia semasa pertemuan beliau dengan Kerajaan Filipina.

Selain itu, baru-baru ini kita telah juga mengemukakan nota diplomatik ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi menegaskan bahawa tuntutan Sabah oleh kerajaan Filipina adalah tidak berasas di bawah undang-undang antarabangsa. Tindakan-tindakan sedemikian adalah bertujuan menegaskan pendirian Malaysia terhadap status negeri Sabah.

Sehingga kini, kementerian ini sedang memantau rapi perkembangan cadangan untuk memasukkan peta Wilayah Sabah sebagai sebahagian Wilayah Filipina yang dibuat oleh Ahli Dewan Perwakilan Filipina tersebut. Penting untuk saya tegaskan sekali lagi bahawa cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Jawatankuasa Hal Ehwal Luar Dewan Perwakilan Filipina ini bukanlah pendirian rasmi kerajaan Filipina.

Ia adalah sekadar polemik yang sengaja diulang oleh Ahli Politik Filipina bagi tujuan hanya untuk meraih sokongan politik semata-mata. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Luar Negeri sentiasa memandang serius apa-apa isu berkaitan hak kedaulatan negara termasuk Sabah dan kekal konsisten dengan pendirian tegas untuk tidak melayani sebarang tuntutan seperti ini.

Kedudukan Sabah dalam Malaysia tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak dan akan dipertahankan sampai bila-bila. Di kesempatan ini, saya juga ingin menyeru agar pemimpin-pemimpin kita di Malaysia, sama ada di peringkat negeri atau peringkat Persekutuan juga tidak mengeruhkan lagi situasi demi kepentingan politik mana-mana pihak dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan, Kementerian Luar Negeri amat menghargai sentimen dan sokongan terhadap pendirian Malaysia seperti mana yang dizahirkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang dan empat penyokong semasa perbahasan tadi. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu ini timbul berulang-ulang kali walaupun telah diperjelaskan dan diperkukuhkan dengan fakta-fakta yang diterima dan diguna pakai di peringkat antarabangsa.

Saya ingin menekankan bahawa kerajaan amat prihatin dan sentiasa mengambil berat berkenaan isu ini. Kerajaan tidak akan sekali-kali berganjak dan berkompromi dalam mempertahankan kedaulatan dan keutuhan Malaysia negara yang kita sama-sama cintai ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah.* Jawapan dan penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar memberi kita gambaran serta penentuan. Justeru, apa yang dibangkitkan hari ini di samping mengucapkan terima kasih di atas jawapan yang spesifik serta am, dan menjurus kepada kebenaran. Kita memberi setinggi-tinggi penghargaan...
[Tepuk]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup dalam perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1) dan dari segi yang sedemikian, saya menutup perbahasan ini.

*[Menyambung semula perbahasan **Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja**]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad, ini menyusul selepas Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan sebentar tadi.

5.19 ptg.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang dan salam sejahtera. Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk terlibat dalam perbahasan menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena pembukaan Parlimen Malaysia pada Mesyuarat yang Kedua, Penggal Ketiga pada 18 Mei 2020.

Sebelum itu, saya juga merakamkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah dipilih dan dilantik menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang baharu. Semoga Tuan Yang di-Pertua dapat menjalankan tanggungjawab dengan jujur, amanah dan adil...
[Tepuk]

■1720

Saya juga sebelum memulakan perbahasan, saya merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada *frontlines* semasa PKP kerana mereka telah terlibat di dalam kerja-kerja khususnya pakar-pakar di Kementerian Kesihatan iaitu doktor-doktor, jururawat, polis, tentera,

RELA, ketua-ketua kampung, pengerusi MPKK, tok-tok batin di perkampungan Orang Asli dan semua sukarelawan serta NGO-NGO yang terlibat semasa PKP di mana ramai juga yang telah memberi sumbangan kepada penduduk dan juga mangsa yang terlibat yang tidak boleh keluar rumah.

Juga kepada yang memberi sumbangan secara langsung dan juga kepada yang secara tidak langsung. Ini di mana mereka telah bekerja siang dan malam. Kalau kita tengok pihak polis telah mengadakan sekatan jalan raya 24 jam, berpanas dan juga berhujan. Akhirnya kita berjaya juga mengurangkan rangkaian virus COVID-19 ini. Akan tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua pada hari ini kalau kita tengok jumlah kes yang terbaharu adalah seramai 62 orang. Jadi kita kena berwaspada juga.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkenaan merujuk kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB). Banyak juga nanti isu yang akan saya bangkitkan khususnya kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang mana sekarang ini JAKOA adalah diletakkan di bawah kementerian ini. Jadi saya harap pegawai-pegawai KPLB untuk tidak tertinggal nota-nota yang saya akan cuba untuk kongsi di dalam Dewan yang mulia ini.

Kalau kita tengok di dalam Titah Diraja baru-baru ini, Tuanku telah bertitah agar meningkatkan pendapatan rakyat iaitu pengagihan ekonomi itu mesti adil- harus adil di antara bandar, luar bandar, di antara wilayah-wilayah, di antara miskin dan kaya. Oleh sebab kita tengok sekarang ini kesenjangan di antara golongan miskin dan kaya ini semakin melebar, bukan semakin rapat tetapi semakin melebar. Jadi Titah Tuanku itu saya rasa kerajaan perlu mengambil langkah-langkah yang serius dan diambil pendekatan yang lebih berkesan. Ini supaya kita dapat mengurangkan kesenjangan ini. Kesenjangan ini adalah bukan sahaja di antara wilayah tetapi di antara etnik juga.

Ini khususnya seperti yang kita dengar dalam soalan lisan pagi tadi iaitu etnik yang miskin ini kebanyakannya adalah bumiputera dan kita tengok khususnya Orang Asli ramai yang tinggal di luar bandar. Itu tidak mengapa, mereka tinggal di luar bandar tetapi jumlah pendapatan dan pendapatan boleh guna mereka itu sangat sedikit dan sangat kecil. Maka itu dalam Titah Tuanku itu telah disebut supaya kesenjangan ini dan pendapatan ini mesti kita rapatkan. Kita tengok pendapatan Orang Asli kebanyakannya bawah RM1,000. Ramai yang duduk di bawah B40 ini. Ada juga pendapatan Orang Asli ini sebulan hanya mendapat RM200, RM300 sahaja sebulan. Perkara ini berlaku bukannya baru tetapi sudah lama berlaku.

Kalau kita tengok pendapatan garis kemiskinan yang terbaharu iaitu tahun 2019 5.6 peratus itu pendapatan garis kemiskinan negara atau PGK. Kalau kita tengok garis kemiskinan Orang Asli ini tidak dimasukkan di dalam paras garis kemiskinan negara. Ia hanya khusus untuk Orang Asli. Jadi kalau kita tengok khusus untuk Orang Asli ini, jumlah kemiskinan Orang Asli ini sebenarnya lebih 50 peratus daripada jumlah penduduk Orang Asli.

Paling ramai adalah B40 dan pendapatan memang kurang daripada pendapatan negara atau pendapatan garis kemiskinan yang ditetapkan oleh negara iaitu RM1,200. Jumlah Orang Asli sebenarnya Tuan Yang di-Pertua bukannya ramai pun, sekitar 180 ribu kalau kita tengok tahun 2017.

Perkara yang seterusnya adalah berkenaan dengan program bantuan baik pulih yang dibuat oleh JAKOA di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga. Kalau kita tengok tahun 2017 sebagai contoh di negeri Pahang. Ada 37 buah rumah yang telah dibaik pulih dengan kos RM421,684.30. Jumlah rumah yang dibaik pulih sebanyak 37 buah rumah dengan purata sekitar RM11,396 sebuah rumah. Kita tengok di Perak pula, ada 38 buah rumah dengan kos RM423,553 dengan purata sebuah rumah RM11,146. Di Selangor ada 27 buah rumah. Kos untuk 20 buah rumah ini, kos untuk baik pulih adalah RM444,374 iaitu sebuah rumah sekitar RM16,458.

Apa yang saya hendak beritahu dalam Dewan yang mulia ini, kos untuk baik pulih ini bagi saya terlampau tinggi dan terlalu tinggi. Apabila kita turun di lapangan, pergi ke kampung-kampung Orang Asli ini, yang mereka baiki adalah dua, tiga keping atap sahaja dan juga beberapa dinding yang pecah, lantai yang pecah. Akan tetapi kosnya sampai RM16 ribu. Ini saya hendak sebut ini di Kampung Orang Asli Sungai Buloh, Selangor; Kampung Orang Asli Serigala pun di Selangor; Kampung Orang Asli Changkat Bintang pun di Selangor sebuah rumah untuk baik pulih adalah RM18 ribu.

Bagi saya ini terlampau mahal kalau kita tengok keadaan rumah yang dibaiki itu. Sepatutnya mereka mesti membaiki, membaik pulih rumah ini dengan kos yang lebih realistik dengan rumah yang mereka baiki itu. Kalau kita mengurangkan kos seperti RM18 ribu sebuah rumah ini, kita boleh sebenarnya membaiki rumah lebih banyak daripada 27 buah rumah ini. Ini 27 buah rumah di Selangor sedangkan di Selangor ini jumlah kampungnya hampir 300 buah kampung. Ini 27 buah rumah dengan kos yang tinggi.

Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian bagaimana mereka menyalurkan dana ini untuk baik pulih ini dan ada JAKOA pergi lihat semula rumah-rumah yang telah dibaiki ini. Oleh sebab kita tidak mahu Tuan Yang di-Pertua, dana yang diberikan oleh kerajaan ini disalah guna. Kita tidak mahu mereka menggunakan baik pulih rumah Orang Asli ini tetapi sebenarnya yang dapat keuntungan bukan Orang Asli tetapi yang dapat keuntungan adalah kontraktor tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkenaan dengan kalau kita tengok dalam Titah Tuanku nombor 24 juga, Tuanku berharap agar kawasan pedalaman ini terus diberi perhatian terutamanya di penempatan Orang Asli. Tuanku telah sebut di dalam Titah semasa perasmian Parlimen baru-baru ini, kawasan pedalaman Orang Asli mesti diberi penumpuan yang lebih oleh kerajaan khususnya negeri-negeri yang mempunyai jumlah populasi Orang Asli yang

ramai seperti di Pahang dan juga di Kelantan. Ini kerana Tuanku tinggal di Pahang. Maka itu saya yakin Tuanku juga melihat.

■1730

Apabila Tuanku menyebut tentang memberi- terutamanya memberi tumpuan di penempatan orang Asli ini, maksudnya, ia mesti melihat semua sudut. Daripada segi anak muda, tentang bagaimana kita hendak memberi peluang pekerjaan kepada anak muda.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat...

*Perak dipakai, suasa dibela;
Gerak dah sampai, masa dah tiba.*

Jam 5.30 petang. Kita harus memberhentikan bahas kita dan kita sambung esok.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

5.31 ptg.

Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sokongan.

Tuan Haji Hasbi bin Habibollah [Timbalan Menteri Pengangkutan]: Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Genap. Maka dibawalah Usul itu sebagai keputusan, dan Dewan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi esok. Sila.

UCAPAN PENANGGUHAN

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 16

Penggantungan Lesen Pemandu Jalan Raya Yang Terlibat Dalam Kemalangan Maut dan Masih Dalam Siasatan

5.32 ptg.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk memberi peluang kepada saya di bawah Peraturan Mesyuarat 16(3) untuk membentangkan satu ucapan berkenaan dengan penggantungan lesen pemandu apabila seseorang pemandu telah dituduh di mahkamah kali pertama dan yang mana lesennya akan digantung sehingga habis perbicaraan. Sejak awal, izinkan saya membentangkan, untuk memberitahu Ahli-ahli Dewan yang mulia ini bahawa perbahasan adalah cuma berkait dengan seksyen 41(5), Akta Pengangkutan Jalan [*Akta 333*] dan tidak akan sentuh seksyen-seksyen lain.

Tuan Yang di-Pertua, kemalangan jalan raya yang melibatkan kematian akan disiasat di bawah seksyen 41(1). Izinkan saya *just* baca tajuk, iaitu seksyen 41(1) ialah menyebabkan kematian kerana memandu....

Tuan Yang di-Pertua: Sila baca ucapan itu. Jadi, kita selamatkan prosedurnya.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ya, ya. *I just want to explain what is 41 (1)* Tuan Yang di-Pertua- iaitu memandu dengan melulu atau merbahaya. Ini bukan dengan alkohol atau di bawah pengaruh dadah, okey.

Kemalangan jalan raya yang melibatkan kematian akan disiasat di bawah seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333]. Pemandu kenderaan yang disyaki menyebabkan kemalangan dan membawa kematian akan dituduh di mahkamah dan jika sabit kesalahan akan berdepan dengan hukuman penjara mandatori, denda dan lesen digantung tidak kurang dari tiga tahun dari tarikh hukuman dijatuhkan. Ini tidak ada masalah.

Now, apabila pemandu yang tertuduh dituduh di bawah seksyen 41(1) akta tersebut, lesen memandunya akan ditarik balik dan digantung dari tarikh tuduhan sehingga mahkamah membuat keputusan atas pertuduhan tersebut, selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 41(5) akta yang sama. Ini bermaksud, si tertuduh tidak boleh memandu selagi mana kesnya tidak diputuskan secara muktamad oleh mahkamah dan tertuduh terpaksa menjalani hukuman awal apabila lesen digantung sebelum sabit kesalahan, iaitu tertuduh dituduh di Mahkamah Seksyen sehingga rayuan habis di Mahkamah Rayuan.

Ini bertentangan dengan prinsip undang-undang yang mana seorang dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan sebaliknya, dengan izin, *one is innocence until proven guilty*. Subseksyen 5 ini perlu dipinda bagi memberi keadilan kepada tertuduh yang masih belum dibuktikan bersalah. Ia memberikan kesan kurang adil kepada tertuduh terutama bagi mereka yang menjadikan memandu sebagai punca rezeki atau apabila tertuduh merupakan satu-satunya orang yang boleh memandu dalam keluarga. Ketidakadilan kepada tertuduh akan lebih terserlah apabila mahkamah mendapati tertuduh tidak bersalah di penghujung perbicaraan. Maka, tertuduh berada dalam keadaan yang tertindas dan dinafikan hak memandu sepanjang tempoh menunggu kes selesai.

Sebelum saya mengundur diri daripada penghujahan ini, saya dengan merendah diri pohon subseksyen 41(5) dipinda atau disemak balik untuk memberi keadilan kepada tertuduh yang belum disabitkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, itu cadangan Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Menteri.

5.37 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Tuan Haji Hasbi bin Habibollah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat Yang Berhormat Senator, kemalangan jalan raya yang melibatkan kematian bukan sahaja boleh disiasat di bawah seksyen 41 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], tetapi boleh juga disiasat di bawah seksyen 44 [Akta 333]. Kedua-dua seksyen 41 dan 44 memperuntukkan bahawa apabila pemandu yang dituduh di bawah seksyen 41 atau seksyen 44, lesen memandunya akan ditarik balik dan digantung dari tarikh orang kena tuduh, dituduh sehingga mahkamah membuat keputusan atas pertuduhan tersebut selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 41(5) dan seksyen 44(5) [Akta 333].

Sehubungan dengan itu, adalah jelas bahawa penggantungan lesen dari tarikh pertuduhan sehingga mahkamah membuat keputusan atas pertuduhan di bawah subseksyen 41(5) dan 44(5) [Akta 333] hanya terpakai kepada kes seseorang yang dituduh dengan kesalahan yang menyebabkan kematian atau kecederaan sahaja. Adalah menjadi hasrat Parlimen semasa peruntukan ini digubal supaya peruntukan ini dapat mencegah mereka yang hendak memandu dengan secara melulu dan berbahaya supaya tidak berbuat demikian hingga ke tahap yang boleh menyebabkan kematian pihak ketiga dengan cara menggantung lesen memandu mereka sebaik sahaja mereka dituduh bagi menghalang perbuatan tersebut diulangi.

Dalam hal ini, keselamatan awam adalah menjadi keutamaan kerajaan. Keselamatan awam bermaksud keselamatan orang awam atau keselamatan mereka dari bahaya kepada nyawa dan badan iaitu risiko kehilangan nyawa dan kecederaan tubuh badan ketika menikmati kebebasan bergerak di atas jalan raya. Dengan lain perkataan, kebajikan dan perlindungan orang awam di atas jalan raya adalah yang menjadi keutamaan kerajaan untuk menanganinya. Oleh kerana itu, peruntukan subseksyen 41(5) dan subseksyen 44(5) [Akta 333] adalah berhasrat untuk menghindar orang kena tuduh daripada melakukan kesalahan yang sama dengan cara menggantung lesen memandu mereka dan sekali gus menghalang mereka dari terus memandu sementara menunggu keputusan pertuduhan demi menjamin keselamatan awam terutamanya pengguna jalan raya yang lain.

Daripada sudut ini subseksyen 41(5) dan subseksyen 44(5) adalah tidak bertentangan dengan prinsip undang-undang yang mana seseorang dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan sebaliknya kerana ia bukanlah diniatkan sebagai suatu hukuman tetapi sebagai peruntukan pencegahan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya telah pun diselesaikan dan prosesnya semua telah disempurnakan sesuai dengan kehendak Peraturan Mesyuarat 15. Walaupun tadi telah diumumkan, maka Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 17.41 petang]